

Jilid II  
Bil. 5



Hari Selasa  
5hb Mei, 1992

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Ruangan 925]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

[Ruangan 1052]

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah**

**- Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar) [Ruangan 1053]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.I., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.H., S.S.M.T., D.U.N.H., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO\* SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh),
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZAU, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Penahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Menlakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAI SUKAM (Papar).

- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD, YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.s. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perlanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

Yang Berhormat TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAIURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Tun Daim Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZAU BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

Yang Berhormat DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ DATO' K. KUMARAN (Tengah).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan),
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kola Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J (Limbawang).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Ranlau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MJRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN MAT HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WKE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Seliausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binli Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**


---

**Selasa, 5hb Mei, 1992**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****TANAH FELDA—UBAHSYARAT  
KEPADA PERINDUSTRIAN****1. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah**  
minta Menteri Pembangunan Luar  
Bandar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan pemilik-pemilik tanah di FELDA bagi membangunkan tanah-tanah mereka di dalam bidang perindustrian, projek-projek perumahan dan lain-lain projek yang sesuai selain daripada pertanian; dan
- (b) adakah duit lebihan potongan baja yang dibayar batik kepada peserta-peserta peneroka dicampur dengan faedah-faedah simpanan lebihan potongan tersebut. Jika tidak, bagaimanakah digunakan daripada faedah-faedah simpanan itu.

**Timbalan Menteri Pembangunan  
Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin  
Kamari):** Tuan Yangdi-Pertua, jawapan  
bagi:

- (a) Lot-lot kebun peneroka adalah diwartakan di bawah Akta

(Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 untuk tujuan pertanian. Ini adalah selaras dengan dasar pembangunan luar bandar yang dilaksanakan sejak awal tahun-tahun 60an. Dasar yang diamalkan itu adalah bertujuan untuk menyediakan asas yang kukuh bagi penduduk luar bandar dalam usaha pertanian dan lain-lain kegiatan yang berasaskan pertanian. Kegiatan-kegiatan di bidang perindustrian adalah lebih tinggi risikonya dan tidak wajar dipertaruhkan tanah milik peneroka bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian, Kerajaan buat masa ini belum bercadang membenarkan peneroka mengubah syarat tanah milik mereka untuk tujuan perindustrian.

Walau bagaimanapun, di rancangan PELDA ada disediakan kawasan-kawasan untuk perniagaan dan perusahaan kecil dalam kawasan perkampungan. Melalui koperasi dan juga secara kumpulan atau perseorangan, peneroka sentiasa digalakan dan diberi khidmat sokongan untuk mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

- (b) Pembelian baja yang dibekalkan kepada peneroka adalah dibuat melalui tender dan dibiayai dari peruntukan tabung pinjaman. Potongan wang baja yang dibuat dari pendapatan peneroka adalah untuk membayar balik wang tabung tersebut. Wang lebihan

baja berlaku apabila wang yang dikutip dari peneroka itu melebihi nilai baja yang dibekalkan setiap tahun dan 90% daripada wang lebihan itu dipulangkan kepada peneroka. Baki 10% lagi digunakan untuk menampung kos baja untuk tahun berikutnya sekiranya harga baja meningkat. Wang yang dikutip dari peneroka itu tidak disimpan atau dilaburkan kerana ianya adalah digunakan untuk membayar balik harga baja yang didahulukan pembeliannya dari tabung pinjaman. Oleh yang demikian, tidaklah timbul soal cadah simpanan yang perlu dicampur dengan wang lebihan baja untuk dipulangkan kepada peneroka.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa FELDA tidak membenarkan pemilik-pemilik tanah untuk membangunkan kawasan tanah mereka selain daripada pertanian. Jadi, baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa terdapat pemilik-pemilik persendirian yang enggan menanam semula dan enggan mengikut apa yang diarahkan oleh FELDA kerana menganggap tanah ini tanah mereka. Jadi, soalan lambahan saya, apakah kesan-kesan ekonomi kepada FELDA oleh kerana mereka tidak mahu membangunkan tanah mereka untuk pertanian dan juga kesan-kesan sosial kepada peneroka itu sendiri?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peneroka adalah lertakluk untuk mengikut syarat yang telah dipersetujui di dalam perjanjian sewaktu mereka memasuki rancangan FELDA iaitu dalam usaha untuk membangunkan tanah milik mereka. Peneroka ini secara perseorangan ataupun secara kumpulan sendiri tidak dibenarkan untuk menanam

semula mengikut kehendak mereka sendiri, kecuali pembangunan ataupun penanaman semula ini adalah diuruskan oleh pihak pengurusan FELDA.

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan akan mengubah dasar yang telah ditetapkan sekarang kepada tanah-tanah rancangan ini sekiranya sampai di mana keadaan tanah yang baik untuk digunakan bagi projek-projek yang saya nyatakan seperti perumahan dan perindustrian telah tidak didapati lagi kecuali hanya tanah-tanah milik peneroka ini sahaja yang kemungkinan sesuai untuk digunakan bagi projek-projek yang saya nyatakan tadi. Jadi, adakah Kerajaan akan sanggup mengubah dasar apabila sampai ketika yang sedemikian rupa?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pertanyaan ataupun persoalan yang diutarakan itu belum menonjol dan mendesak, Jadi, pada saat ini, sebagaimana yang telah dijawab tadi bahawa Kerajaan belum ada rancangan untuk mengubah dasarnya bagi membolehkan tanah-tanah FELDA yang dikhususkan untuk pertanian ditukarkan kepada pembangunan dalam bidang-bidang yang lain.

**IJAZAH PERUBATAN  
UNIVERSITI MALAYA—  
PENOLAKAN PENGIKTIRAFAN  
OLEH GENERAL MEDICAL  
COUNCIL (UK)**

**2. Tuan James Jimbun Anak Pungga** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya London General Medical Council menolak untuk tidak mengiktirafkan Ijazah Perubatan daripada Universiti Malaya dan apakah langkah Kementerian bagi mengawal kekurangan kebolehan daya pengajaran (shortfall of the faculty and the medium of instruction).

12.5.92.

**11. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah penolakan oleh Lembaga Perubatan Am (GMC) Britain untuk mengakui Ijazah Perubatan Universiti Malaysia adalah suatu keputusan politik;
- (b) apakah jawapan yang telah diberi oleh Lembaga Perubatan Am (GMC) Britain untuk menolak akui Ijazah Perubatan Universiti Malaysia (MBBS); dan
- (c) dalam keadaan demikian, adakah doktor tempatan yang mempunyai kelayakan Ijazah Perubatan Universiti Malaya seperti MBBS adalah layak untuk mengikut kursus post-graduate di Britain tanpa mengambil sebarang peperiksaan luar.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, unluk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang sama, saya memohon supaya soalan-soalan ini dijawab serentak. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ialah:

- (i) Ahli Yang Berhormat dari Kapit—soalan pada hari ini; dan
- (ii) Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar—soalan pada 12hb Mei, 1992.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Keputusan "General Medical Council" (GMC) di United Kingdom untuk tidak mengiktirafkan Ijazah Perubatan (MBBS) dari Universiti Malaya adalah tidak berasas dengan sebab-sebab yang tidak begitu jelas.

Sebenarnya kualiti doktor-doktor keluaran Universiti Malaya tidak pernah terjejas walaupun bahasa pengantarnya ialah Bahasa Melayu. Banyak negara yang menggunakan bahasa kebangsaan mereka sebagai bahasa keilmuan. Sebagai contohnya, negara Jepun yang menggunakan Bahasa Jepun sebagai bahasa keilmuan telah mencapai kemajuan dalam bidang perubatan yang jauh lebih baik dari negara-negara maju yang lain. GMC juga tidak mengiktirafkan ijazah kedokteran beberapa negara lain tetapi mereka tidak pula mengalami apa-apa masalah. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan ijazah MBBS ini dari Universiti Malaya dari GMC atau lain-lain badan seperti itu di negara-negara yang lain. Sebagai usaha untuk mempertingkatkan tagt kualiti para graduan, Universiti Malaya akan mengaturkan beberapa strategi antaranya termasuklah:

- (i) menghantarkan pensyarah-pensyarah mereka mengikuti kursus-kursus kepakaran di Universiti Malaya sendiri dan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat dan New Zealand.
- (ii) membenarkan pakar-pakar dari luar negara bekerja secara kontrak dan jempunan di Universiti Malaya.
- (iii) menjemput pakar-pakar dari luar negara menilaikan graduan dari Universiti Malaya.
- (iv) meningkatkan kemudahan pembelajaran, pengajian di Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebelum ini pihak GMC memang mengiktiraf Ijazah Kedokteran sepertimana Yang Berhormat sendiri graduan daripada Universiti Malaya yang ijazah beliau

diiktiraf. Tetapi, beberapa tahun kemudian, 10-15 tahun kemudian kerana faktor-faktor tertentu pengiktirafan GMC ditarik balik. Apakah sebabnya? Bukankah ini bermakna standard universiti tersebut telah terjejas sehingga begitu merangsangkan atau menyebabkan pihak GMC tidak mengiktiraf lagi?

Setakat ini walaupun jaminan demi jaminan terutamanya oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang sudah, yang mengatakan beliau akan berusaha untuk memprobaiki keadaan supaya pengiktirafan ini dapat dipulih. Tetapi setakat ini usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan adalah tidak mencukupi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa setakat mengatakan "tidak payahlah, kita tidak peduli, sama ada diiktiraf atau tidak kita terus bangun. Kerana kita yang terunggul di dunia. Yang terbaiklah!" (*Diganggu*)

Adakah sikap dan pendirian seperti ini sesuai untuk zaman sekarang. Tidakkah sikap seperti ini ketinggalan zaman? Saya berharaplah pihak Kementerian dapat berikhtiar. (*Diganggu*)

Tuan Yang di-Pertua, kalau yang di sebelah situ tidak mahu Ijazah Universiti Malaya diiktiraf kaikanlah tidak mahu. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sudah cukup?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak cukup. Oleh kerana ada gangguan .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Gangguan .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**

Cukuplah Yang Berhormat, beri Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, apakah ikhtiar yang akan diadakan lagi untuk memulihkan keadaan yang sangat dikesalkan ini? Sekian, terima kasih.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dengan kisah Universiti Malaya. Jadi sebenarnya saya ingin menyatakan, cuma apa yang disoal oleh Yang Berhormat tadi saya lelah jawab di sini langkah-langkah dan sebab-sebab yang telah dinyatakan dan usaha-usaha yang telah kita jalankan, begitu juga peruntukan-peruntukan yang telah kita agihkan dalam meningkatkan lagi apa yang dikatakan keperluan-keperluan untuk mendapatkan taraf pengiktirafan dari GMC.

Tetapi saya ingin menafikan di sini bahawa Yang Berhormat tadi menuduh Kementerian tidak peduli untuk mendapatkan apa-apa juga pengiktirafan Ijazah Kedoktoran dari Universiti Malaya memang tidak benar. Kerana saya telah menyatakan dalam jawapan saya tadi bahawa kita juga berusaha untuk mendapat GMC atau badan-badan yang lain dari negara-negara lain untuk memberi pengiktirafan kepada Ijazah MBBS kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan lambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sampai kini beliau tidak boleh memberi butiran-butiran dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapat pengiktirafan Ijazah Perubatan Universiti Malaya dari GMC. Adakah ini bererti bahawa sampai sekarang Kerajaan dan Kementerian Pendidikan tidak tahu apa syarat-syarat yang diperlukan untuk dapat pengiktirafan dari GMC; kalau tidak, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apa syarat-syarat yang kurang, apa syarat-syarat yang perlu

untuk dapat pengiktirafan? Soalan yang pertama.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan mengambil satu sikap yang kontradiktori. Di satu pihak kata bahawa tidak perlu pengiktirafan, yang kedua kata bahawa akan berusaha mendapat pengiktirafan. Bukankah satu pendirian yang tegas bahawa Kerajaan akan berusaha untuk dapat pengiktirafan dibuat dan bukan satu kedudukan yang berkontradiksi?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi termasuklah di antaranya keperluan-keperluan untuk pengajaran dan juga dari segi kakitangan-kakitangan dan keperluan dalam department-department serta disiplin tertentu.

Bagi soalan yang kedua, ini tidak ada percanggahan di antara tujuan-tujuan kita mendapatkan GMC dan juga badan-badan lain untuk pengiktirafan ijazah ini.

### **PERGERAKAN BEBAS RAKYAT SEMENANJUNG KE SABAH/ SARAWAK**

**3, Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengambil tindakan supaya Ahli Parlimen dan warganegara Malaysia boleh melawat seluruh negeri Sarawak dan Sabah tanpa apa-apa halangan atau menggunakan pasport.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, adalah memang menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan supaya suatu keadaan pergerakan bebas (free flow) dapat diwujudkan di antara penduduk negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Perbincangan dan perundingan mengenainya telah dan akan terus diadakan dengan semua pihak yang terlibat terutamanya Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Buat masa ini apa yang saya dapat lihat ialah penduduk daripada Semenanjung Malaysia boleh ke Sabah tanpa menggunakan pasport menerusi Labuan, iaitu mula-mula daripada sini ke Labuan dan daripada Labuan ke Sabah tanpa menggunakan pasport. Adakah cara seperti itu boleh dibuat ke Sarawak iaitu daripada Semenanjung ke Labuan dan kemudian ke Sarawak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, menurut keadaan pada masa kini seseorang rakyat daripada Semenanjung boleh memasuki Sabah atau Sarawak dengan pilihan sama ada ia menggunakan pasport ataupun ianya menggunakan kad pengenalan dengan menggunakan borang (IMM 114) ataupun dengan menggunakan dokumen perjalanan dalam negeri ataupun kad pegawai Kerajaan.

Jadi, mana-mana satu pilihan ianya boleh masuk. Itulah peraturan pada masa sekarang.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Malaysia dirancang untuk ditubuhkan, banyak perkara-perkara telah dibincangkan sebelum kemasukan Sarawak dan Sabah ke Malaysia dan garis panduan ditentukan untuk menentukan kenapa kemasukan rakyat Malaysia lain dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dihadkan dengan menggunakan pasport. Persoalan saya, sehingga sekarang ini sudahkah kita mencapai tahap yang dikehendaki dalam syarat tertentu yang membolehkan pasport ini dilonggarkan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di antara 20 perkara yang telah dipersetujui antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung, salah satu perkara ialah menggunakan pasport untuk memasuki Sabah dan Sarawak. Apa yang harus kita fahami di sini ialah tujuan pasport itu ialah untuk membolehkan

pihak berkuasa mengawal kemasukan. Jadi, dokumen-dokumen lain selain dari pasport seperti IMM 114 dan sebagainya mempunyai lujuan dan maksud yang sama. Setakat ini perjanjian itu adalah dipaluh dan memuaskan. Itulah ulasan saya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar atau tidak bahawa pada pilihanraya umum di Sarawak baru-baru ini, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dan Gua Musang tidak dibenarkan pergi ke Sarawak pada masa itu dan kenapa mereka tidak dibenarkan masuk ke negeri Sarawak sedangkan mereka ini ialah warganegara Malaysia dan juga Ahli-ahli Parlimen?

Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan atau tidak mengambil tindakan dan membuat suatu pindaan undang-undang di Dewan yang mulia ini untuk memberi hak kepada warganegara Malaysia untuk melawat ke mana-mana negeri di dalam Malaysia?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan tambahan yang pertama, walaupun soalan itu dikira satu soalan spesifik yang tidak mempunyai hubungan-kait terus dengan soalan asal, tetapi sayacuba memberikan penjelasan, iaitu pihak berkuasa pada masa itu telah bertindak tertakluk kepada Akta Imigresen 1959. Jadi, memang mereka tidak bertindak sewenang-wenangnya.

Untuk soalan kedua, memang pada masa kini untuk masuk ke Sarawak dan Sabah tidak banyak kesusahan jika sekiranya seseorang itu hendak masuk dengan syarat tidak mempunyai apa-apa unsur negatif ataupun tidak akan mengakibatkan apa-apa ancaman kepada ketenteraman dan keselamatan negeri masing-masing.

#### **PEMILIK KENDERAAN DIWAJIB MENDAPAT POLISI INSURANS KEMALANGAN**

**4. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah betiau sedar bahawa setengah-setengah syarikat insurans dan agen-agensya memaksa pelanggan yang memohon untuk mendapatkan insuran third party supaya membeli polisi kemalangan diri atau insuran pampasan pekerja. Apakah tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Kewangan (**Dato' Loke Yuen Yow**): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, semua pemilik kenderaan bermotor adalah diwajibkan supaya mendapat perlindungan insurans motor terhadap liabiliti akibat kecederaan badan ataupun kematian pihak ketiga. Lain-lain perlindungan insurans seperti polisi kemalangan diri dan insurans pampasan pekerja bolehlah diperolehi mengikut pilihan pemegang polisi sendiri. Melalui garis panduan mengenai loading premium motor yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 27hb Disember, 1991, syarikat insurans am telah diarah supaya tidak memaksa orang ramai membeli lain-lain perlindungan ketika mereka hendak membeli ataupun memperbaharui insurans motor mereka. Bank Negara tidak akan ragu-ragu untuk bertindak ke atas syarikat insurans yang tidak mematuhi garis panduan ini. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa sesetengah syarikat insurans telah mengambil kesempatan memberi khidmat nasihat kepada orang ramai dengan memperkenalkan lain-lain perlindungan insurans yang berkaitan selain daripada insurans motor untuk memastikan perlindungan insurans yang mencukupi kepada pelanggan-pelanggan. Orang ramai yang merasakan

dirinya dipaksa oleh syarikat insurans untuk membeli insurans-insurans lain bolehlah membuat aduan terus kepada Bank Negara.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini beberapa agengkah yang telah diambil lindakan kerana pnyelewengan tersebut dan adakah benar bahawa oleh kerana hanya segelintir syarikat insurans yang memonopoli third party insurance ini yang menyebabkan mereka untuk melakukan apa-apa sahaja ke atas pelanggan-pelanggan. Kalau begitu, apakah tindakan yang diambil? Adakah pihak Kerajaan bermaksud untuk mengadakan pindaan ke atas Akta yang ada sekarang untuk membolehkan tindakan yang lebih berkesan ke atas pihak yang menyeleweng?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kepong meminta angka-angka berkenaan dengan bilangan agen yang telah diambil tindakan oleh Bank Negara, saya minta maaf kerana saya tidak ada angka tersebut di dalam tangan saya sekarang ini. Tetapi saya boleh beritahu kepada Ahli Yang Berhormat mengenai angka-angka yang ada sedikit kaitan dengan apa yang ditanya, iaitu aduan-aduan mengenai insurans motor untuk tahun-tahun yang lepas telah menunjukkan ada kekurangan, selepas tindakan diambil ke atas beberapa agen. Umpamanya, dalam tahun 1989, bilangan aduan adalah 1,800 lebih dan dalam 9 bulan tahun lepas bilangannya hanya 1,300 lebih sahaja.

Untuk menjawab soalan yang kedua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa syarikat-syarikat insurans motor tidak boleh menolak pembelian insurans third party dan

mereka boleh membuat rayuan kepada Bank Negara. Bolchkah Yang Berhormat Menteri mengumumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa syarikat insurans di dalam negara ini tidak boleh menolak pembeli-pembeli insurans third party atau dari orang awam kalau mereka hendak membeli insurans dan juga syarikat insurans tidak boleh menolak pembelian insurans jikalau mereka hendak membeli insurans motor atau third party insurance oleh kerana ini suatu practice yang sangat luas di dalam masyarakat kita sekarang. Syarikat insurans tidak mahu menjual insurans third party kepada pelanggan mereka jikalau mereka tidak mengambil insurans yang lain seperti life policy atau insurans rumah atau menjadi pelanggan lama mereka.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Periua, saya minta maaf. Saya kurang pasti apa yang Ahli Yang Berhormat itu mahu—sama ada nama syarikat ataupun lain-lain perkara yang spesifik.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa syaratkat insurans tidak boleh menolak permintaan pembeli jikalau mereka hendak beli insurans third party alau insurans motor oleh kerana sekarang terdapat satu practice yang luas di dalam negara kita di mana kadangkali syarikat insurans enggan melayan orang awam jika mereka hendak membeli hanya insurans third party untuk motor vehicles mereka dan mereka memaksa pembeli untuk membeli polisi insurans seumur hidup (life policy) atau insurans rumah atau insurans yang lain dan menurut undang-undang di negara ini iaitu Road Traffic Ordinance tiap-tiap motorist mesti membeli insurans motor.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Periua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, tetapi secara biasa di sini saya tidak boleh memberi arahan kepada sesiapa sebelum Kementerian

Kewangan membuat siasatan yang mendalam atas tuduhan ataupun kes-kes ataupun apa-apa sahaja yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tetapi saya ketahui bahawa ada setengah-setengah syarikat insurans yang mana mereka menolak menerima polisi ataupun menerima sesiapa yang ingin membeli polisi insurans motor daripada mereka, oleh kerana mereka menuduh bahawa perniagaan ini tidak begitu memberi keuntungan. Dan oleh kerana mereka pun menuduh bahawa loading maximum yang telah dikenakan oleh Bank Negara dalam garispanduan yang saya sebutkan tadi itu tidak mencukupi untuk menjamin bahawa perniagaan insurans mereka itu tidak akan rugi.

Jadi, ini adalah sebab-sebab ataupun alasan-alasan mereka, mengapa mereka tidak menerima tetapi Bank Negara selalu berdialog dengan mereka dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Negara dan juga garispanduan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara ini adalah berpatutan. Jadi, saya di sini hanya boleh memperingatkan mereka jangan menolak menerima pembeli-pembeli yang ingin membeli insurans, dan jikalau mereka mempunyai ataupun menghadapi masalah, sila datang berdialog dengan Bank Negara dan Bank Negara akan menyiasat dengan mendalam masalah yang mereka hadapi sehingga kita bersama-sama dapat menyelesaikan masalah itu.

#### **UBAT-UBATAN HAIWAN DAN TERNAKAN—PENGAWALAN**

**5. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawatkan penggunaan ubat-ubatan dalam industri ternakan di negara ini. Selain beta agonists dan samatotrophin, apakah ubat yang baru yang digunakan sejak 1980.

Apakah sistem yang dilaksanakan untuk memastikan tidak berlaku kesan buruknya ke atas orang awam,

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, pengawalan di dalam pengimportan, penjualan dan penggunaan ubat-ubatan haiwan dan ternakan di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidangkuasa Akta Racun, 1952 (Pindaan 1989), Kementerian Kesihatan, di mana Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan sebagai ahli. Usaha-usaha sedang dibuat untuk meminda kuasa kawalan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Kementerian Pertanian menerusi agensinya, Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) telah mengambil langkah-langkah khusus bagi mengawal penyalahgunaan ubat-ubatan dalam industri ternakan di peringkat ladang, sebagai memastikan tiada kesan buruk berlaku ke atas orang awam. JPH telah dan sedang melaksanakan sistem pengawasan dan pengesanan residu ubat-ubatan tertentu seperti antibiotik di dalam makanan dan bahan makanan hasil ternakan seperti daging, ayam, susu dan telur. Pemeriksaan dan pengambilan contoh-contoh ke atas daging, ternakan ayam, susu dan telur di loji-loji pemprosesan makanan hasil ternakan dibuat ujikaji bagi mengesan kandungan residu ubat-ubatan tertentu dijalankan di Makmal Kesihatan Awam Veterinar, Petaling Jaya. Hasil dari ujikaji tersebut sehingga kini didapati kandungan residu adalah pada tahap yang terkawal.

Mengenai beta-agonists dan samatotrophin, ianya adalah bahan penggalak tumbuh besaran ternakan. Kedua-dua bahan ini adalah dilarang sama sekali penggunaannya di dalam apa bentuk sekalipun. Dalam usaha memperketatkan larangan tersebut beta

agonist telah disenaraikan sebagai Racun Kumpulan A, Jadual Pertama Racun Terkawal Akta Racun 1952 (Pindaan 1989) dan diletak di bawah kawalan Lembaga Racun.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan ubat-ubatan di dalam penternakan seperti ayam dan khinzir dan penggunaan ubat-ubatan seperti antibiotik telah dijalankan berpuluh-puluh tahun yang lalu. Setakat ini apakah pernah berlaku peristiwa yang mana residunya pada tahap yang tinggi, yang mendatangkan kesan sampingan kepada pengguna ataupun pemakan daging-daging itu yang telah dilaporkan?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin tahu, apakah kesan-kesan sampingan kepada manusia akibat daripada residu yang tinggi berkaitan dengan ubat yang dipanggil agonist dan samatotrophin ini?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan antibiotik ini dalam perusahaan temakan ini memang telah lama dijalankan, maknanya dalam makanan ternakan memang ada antibiotik. Tetapi tahap yang digunakan itu adalah pada tahap yang terkawal. Kesan residu kepada manusia adalah dari segi allergic dan immune, dengan izin, ataupun kekebalan kepada antibiotik apabila antibiotik itu diberikan kepada manusia.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau sedar bahawa beta agonist dan samatotrophin dan ubat-ubat penggalak tumbuh besaran haiwan ini telah dimasuk ke negara ini tanpa pihak Kementerian mengetahui dan di dalam beberapa tahun ini telah digunakan di beberapa tempat kerana mereka itu sedar. Adakah beliau sedar? Kita hendak ajarkan kepada pihak yang tidak tahu. Jadi, dalam beberapa tahun ini ubat-ubat seperti beta agonist dan

samatotrophin telah dimasukkan ke dalam negara ini untuk ternakan supaya daging-daging itu lazat dan cantik seperti 'lazariah' sekarang ini. Ada orang yang hendak jualkan 'lazariah'. Dan kemudian pihak Kementerian tidak mengambil tindakan sehingga pihak Singapura, Primary Production Department memberi amaran kepada Kerajaan ataupun Kementerian Pertanian, baru minggu lepas sahaja mengambil tindakan.

Saya hendak tahu apakah sebabnya pihak Kementerian ini membiarkan orang ini menggunakan ubat-ubat seperti ini dan tadi Yang Berhormat tidak menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai kesan-kesan sampingan ubat tersebut yang tidak dibenarkan oleh Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat dan juga di Eropah tidak dibenarkan, walaupun kajian sedang dijalankan untuk memastikan sama ada terdapat kesan sampingan ke atas manusia.

Adakah beliau sedar bahawa ubat-ubat yang lain seperti kalau tidak silap saya, ubal produk herbal "prajana" untuk inducing heat. Di sebelah sana itu kadangkala hendak inducing heat sedikit dan gunakan "prajana". Dan apakah kajian yang dibuat ke atas ubat seperti ini kerana mungkin dengan ubat seperti ini untuk menginducing heat supaya setengah-setengah orang, tidak 'gatal' lagi.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah Yang Berhormat, sudah panjang. Kemungkinan dia lelah lupa apakah soalnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang kita hendak panjang sedikit kerana yang di sebelah situ tidak faham—hendak menerangkan keadaannya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat!

**Dr Tan Seng Giaw:** Adakah kajian ataupun kawalan diambil ke atas ubal-ubat seperti prajana dan juga anti-anti biotik yang lain, tidak seperti yang dijawab tadi, antibiotik-antibiotik yang digunakan, kalau tidak digunakan dengan betul, maka akan menyebabkan kesan sampingan .....

**Beberapa Ahli:** Soalan! soalan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang terakhir.....

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan yang terakhirnya .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cepat, Yang Berhormat!

**Dr Tan Seng Giaw:** Tetapi kita hendak senyap sedikit. Kalau tak senyap, macam mana hendak teruskan? (*Ketawa*) Apakah yang terjadi dengan kempen yang dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk mendidik rakyat jelatanya?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Bela-Agonist dan Samatotrophin ini, sebenarnya ubat ini digunakan untuk tujuan supaya pertumbuhan ternakan itu cepat dan di samping itu supaya kandungan lemak itu dapat dikurangkan. Ubat-ubat ini digunakan khusus untuk kinzir, Yang Berhormat, untuk babi..... (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tak habis lagi!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Kaji Mahiruddin):** Yang Berhormat, beri dia peluang dahulu untuk menjawab.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Untuk kinzir. Jadi, ubat-ubat ini digunakan khusus untuk kinzir. Untuk ternakan seperti kerbau, lembu, arnab dan kambing ini kita tak pakai. Soalannya sekarang ini, kita telah menasihatkan kepada penternak-penternak kinzir ini supaya jangan menggunakan bahan-bahan ini kerana ternakan mereka tidak boleh dieksport ke Singapura.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil tindakan kepada 5 ladang ternakan kinzir; 3 di Johor, satu di Melaka dan satu di Perak, kerana mereka tidak mematuhi peraturan. Jika mereka tidak mematuhi peraturan, maka kita tidak membenarkan mereka mengeksport kinzir ke Singapura. Jadi, kalau penternak tidak akur kepada arahan, maka yang rugi adalah penternak. Jadi, faham ya? (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Saya tak habis lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mengapa pihak Kementerian membenarkan pengusaha-pengusaha ini membawa masuk ubat ini sudah beberapa tahun, selcpas 5,6 tahun baru sahaja tindakan diambil. Apakah sebabnya kelewatan ini, sama ada tidak cukup 'heat' ataupun apa?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Kita ambil tindakan. Sebelum DAP bangkit pun, kita sudah ambil tindakan. (*Tepuk*) Sebenarnya Jabatan

Perkhidmatan Haiwan (JPH) semiasa membuat lawatan ke ladang-ladang, jadi kita peka kepada masalah ini, Jadi, tidak perlulah DAP cuba hendak menjuarai isu ini. (*Tepuk*)

**SKIM PERTAPAKAN DAN  
KEMUDAHAN—JUMLAH  
PINJAMAN**

**6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah rumah murah mengikut negeri di Malaysia yang telah dibina dengan pinjaman dari Skim Pertapakan dan Kcmudahan;
- (b) berapakah jumlah pinjaman yang telah digunakan untuk skim ini dan halangan yang telah menjejaskan pelaksanaan skim; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjayakan skim ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK), setakat ini sebanyak 2,090 unit sedang di dalam proses untuk dilaksanakan di 4 buah negeri. Pecahan bilangan unit tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i> | <i>Bilangan<br/>Unit</i>                  |
|---------------|---|
| Kelantan      | 835                                       |
| Pahang        | 317                                       |
| Perak         | 394                                       |
| Sarawak       | 544                                       |
|               | <hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/> |
| Jumlah        | 2,090                                     |
|               | <hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/> |

- (b) Setakat ini Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan belum lagi menggunakan pinjaman yang telah diluluskan. Bagaimanapun, terdapat antara Kerajaan Negeri tersebut yang telahpun mengemukakan permohonan pengeluaran pinjaman untuk menggunakan pinjaman di bawah SPK ini. Antara halangan dalam pelaksanaan SPK ini termasuklah kenaikan kos pembangunan projek, piawai perancangan dan teknikal yang tinggi, had pinjaman yang tidak mencukupi berikutan kenaikan kos dan pemilihan tapak yang tidak sesuai. Suka saya menjelaskan di sini bahawa pemilihan tapak adalah berasaskan keputusan Kerajaan-kerajaan Negeri.

- (c) Dalam usaha mengatasi masalah pelaksanaan SPK, pihak Kementerian telahpun mencadangkan dua konsep untuk skim ini sebagai pilihan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Selain daripada menyediakan tapak, infrastruktur dan membina rumah inti, skim ini juga dibolehkan supaya disediakan tapak dan infrastruktur sahaja dengan had pinjamannya \$5,000 se lot di Semenanjung Malaysia dan \$7,500 se lot di Sarawak dan di Sabah. Kerajaan-kerajaan Negeri juga sudahpun disarankan agar menggunakan piawai pembangunan yang minima dan memilih tapak yang sesuai dengan tumpuan kepada tanah-tanah Kerajaan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberitahu berapakah jumlah bilangannya untuk memajukan rancangan SPK ini dalam Rancangan Malaysia Keenam? Bolehkah Timbalan Menteri memberi bilangan-bilangan rancangan SPK yang akan dibina di setiap negeri di Malaysia ini? Dan di

bawah rancangan SPK ini, adakah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri akan mencadangkan bukan hanya untuk membinakan rumah murah, tetapi juga membinakan kilang murah?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Rancangan Malaysia Keenam kiu ada memperuntukkan wang sebanyak \$128 juta bagi projek Skim Pertapakan dan Kemudahan ini. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk mengemukakan permohonan mereka kepada kita untuk pihak Kerajaan Persekutuan memproses dan memberikan kelulusan kepada negeri-negeri yang ingin mengambil bahagian di dalam skim ini.

#### PROJEK INDUSTRI KAMPUNG—JUMLAH

**7. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) nyatakan jumlah projek industri kampung di seluruh negara;
- (b) nyatakan jumlah projek yang berjaya dan gagal;
- (c) nyatakan sebab-sebab kejayaan dan kegagalan projek-projek tersebut;
- (d) apakah kriteria dan syarat-syarat penting untuk seseorang individu menyertai projek industri kampung; dan
- (e) apakah jenis projek yang digalakkan dan diberi keutamaan oleh pihak Kementerian.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan:

- (a) Jumlah projek industri kampung adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia - 164 projek Keempat

Rancangan Malaysia - 1,656 projek Kelima

Rancangan Malaysia - 311 projek Keenam (setakat bulan Mac tahun ini)

- (b) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima, jumlah projek yang berjaya adalah 82% sementara yang gagal adalah 18%.
- (c) Sebab-sebab kegagalan projek-projek:

##### (i) *Projek Tidak Berdaftar*

Kebanyakan industri kampung tidak berdaftar dengan badan-badan perundangan seperti pendaftaran perniagaan ataupun pendaftaran syarikat. Oleh itu keadaan ini tidak membantu untuk pertimbangan bantuan-bantuan daripada agensi-agensi Kerajaan atau institusi kewangan dan swasta. Masalah juga timbul dari segi pemasaran kerana sukar bagi pengusaha industri kampung untuk bersaing di dalam pasaran terjamin yang memerlukan business entity, dengan izin, yang berdaftar.

##### (ii) *Jenis Keluaran*

Kebanyakan industri-industri kampung tertumpu kepada industri yang berasaskan bahan mentah tempatan. Ini menyebabkan terlalu banyak industri daripada jenis yang sama.

Selain daripada itu ianya tertumpu kepada satu-satu kawasan sahaja. Ekoran daripada itu timbullah persaingan dari segi mendapatkan pekerja, mendapatkan bahan mentah dan mendapatkan pasaran yang baik.

(iii) *Reka Bentuk dan Pembangunan Projek.*

Adalan didapati kebanyakan dari pengusaha-pengusaha industri kampung tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang luas yang mencukupi di dalam aspek reka bentuk dan pembangunan produk. Ini menyebabkan produk perusahaan industri kampung tidak mempunyai daya persaingan yang kuat bila berada di dalam pasaran terbuka yang agak kompetitif.

(iv) *Teknologi*

Pengusaha-pengusaha industri kampung kurang terdedah kepada teknologi pengeluaran yang baru. Teknologi yang digunakan pula masih lagi dalam bentuk yang agak tradisional. Kebanyakan mesin yang digunakan adalah mesin-mesin yang mudah dan dijalankan secara manual yang mana menyebabkan tahap dan mutu pengeluaran adalah rendah dan akibatnya mereka tidak dapat memenuhi permintaan pasaran yang mementingkan kepada kualiti dan juga kepada kuantiti.

(v) *Pasaran*

Masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha industri kampung ialah persaingan yang kuat. Ketiadaan maklumat pasaran, mutu keluaran, pembungkusan dan reka bentuk yang rendah, ini semua menyebabkan mereka tidak dapat

menguasai pasaran yang terjamin. Selain daripada itu, faktor-faktor kewangan, faktor teknikal dan faktor pengurusan turut juga menimbulkan masalah-masalah kepada pamasaran.

(vi) *Kemudahan Kredit*

Pengusaha industri kampung amat sukar untuk mendapat kemudahan kredit. Pengusaha tidak mempunyai keupayaan untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan terutama dari segi cagaran yang diperlukan.

(vii) *Urusan Pembelian Mesin*

Di dalam business environment, masa adalah sangat penting. Di dalam urusan mendapatkan bekalan mesin, penghantaran yang segera atau dengan kadar yang segera adalah amat mustahak. Tetapi, urusan pembelian mesin dijalankan mengikut tatacara yang diamalkan oleh sektor awam. Di antara kelemahan-kelemahan yang dialami semasa urusan pembelian mengikut Arahan Perbendaharaan adalah sebagai berikut ini:

- (i) Prosedur ini mengambil masa yang panjang iaitu di antara 3 hingga ke-4 bulan. Tempoh masa yang panjang begini mengakibatkan kehilangan peluang-peluang perniagaan seperti kehilangan

pasaran, kehilangan kontrak, kemudahan pinjaman dan sebagainya; dan

- (ii) pengusaha juga tidak dapat memperoleh mesin-mesin seperti mana yang dipohon atau diperlukan berdasarkan kepada sesuatu jenama ataupun model. Dengan itu timbullah masalah tidak tahu serta kurang mahir menggunakan mesin dan sebagainya kerana kebanyakannya pengusaha telah dilatih menggunakan mesin-mesin yang tertentu.
- (d) Untuk menyertai projek-projek industri kampung yang kini dikenali sebagai perusahaan luar bandar pihak Kementerian telah menentukan kriteria dan syarat-syarat sebagaimana yang berikut ini:
- (i) perusahaan mestilah berdaya maju;
  - (ii) terlibat secara langsung dan sepenuh masa dengan pengeluaran dan pengurusan perusahaan;
  - (iii) bengkel dan modal pusingan mestilah disediakan oleh pengusaha sendiri;
  - (iv) pengusaha hendaklah mempunyai pengalaman atau kemahiran dalam bidang yang hendak diceburi.
- (e) Pihak Kementerian memberikan galakan dan keutamaan kepada jenis-jenis perusahaan yang bukan bercorak tradisional iaitu

perabot, makanan dan kraf. Bidang-bidang yang digalakkan adalah bidang-bidang yang menggunakan teknologi moden seperti kejuruteraan ringan, plastik, mould and dye, dengan izin, metal fabrication dan sebagainya. Pihak Kementerian mempunyai satu senarai bidang-bidang yang diberi keutamaan dan galakan sebagai panduan. Senarai ini mengandungi 48 jenis bidang perusahaan. Antaranya adalah seperti yang dinyatakan di atas. Bidang ini adalah merupakan bidang-bidang baru yang digalakkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Keenam.

#### **Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat tak payah soalan tambahan, jawapan sudah cukup panjang. *(Ketawa)* Yang Berhormat Tuan Wahab bin Suhaili.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Wahab bin Suhaili tidak hadir)*

### **PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN**

**9. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) detail tentang projek HEP Bakun yang akan dihidupkan semula, seperti kos projek itu, sumber kewangan untuk membiayai projek, amaun tenaga elektrik dikeluarkan dan lain-lain;
- (b) adakah suatu penilaian baru akan dijalankan untuk projek tersebut, memandangkan bahawa projek baru adalah jauh berbeza dari cadangan projek asal, dan adakah suatu EIA telah dibuat mengikut peraturan-peraturan di bawah

Environmental Quality Control Act; dan

- (c) apakah langkah-langkah akan diambil untuk menjaga mereka yang akan terpaksa dipinda ekoran daripada pelaksanaan projek HEP Bakun.

14.5.92

**10. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Bakun Dam di Sarawak akan dibinakan dan jumlah anggaran perbelanjaannya dan sebab-sebab projek ini dipulih semula (revive).

20.5.92

**4. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Projek Hidro Bakun sedang dihidupkan semula jika begitu, bilakah kerja-kerja ke atas projek ini dirancang untuk bermula dan sama ada para penduduk di kawasan tadahan (catchment area) diberi keterangan dan pandangan penduduk dipertimbangkan terlebih dahulu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching mengenai Projek Hidro Elektrik Bakun bersekali dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pada 14 Mei 1992 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang pada 20 Mei 1992 kerana menyentuh mengenai perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini sedang mempertimbangkan beberapa alternatif untuk menyediakan bekalan elektrik yang cukup bagi menampung pembangunan negara

dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Dalam hubungan ini, Lembah Sungai Rajang mempunyai potensi hidro yang amat besar dan luas berdasarkan kepada faktor-faktor topografi, geologi dan hidrologi.

Terdapat beberapa lokasi yang sesuai untuk mengadakan stesen janakuasa hidro dan sebelum sebarang keputusan dibuat, Kerajaan akan menjalankan kajian kemungkinan projek. Sehingga kajian kemungkinan ini selesai dijalankan, butiran mengenai kos projek, sumber kewangan dan keupayaan penjana projek-projek belum dapat diberikan.

Kajian mengenai kesan terhadap alam sekitar dan juga kepada penduduk-penduduk lempatan akan dibuat bersama kajian kemungkinan projek ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan bahawa kepentingan penduduk di kawasan yang terlibat akan sentiasa terpelihara.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma minta satu jawapan yang terang dan jelas. Adakah projek ini dihidupkan semula secara pasti dan bukan ke atas peringkat conceptual sahaja sebab keadaan sekarang sedikit mengelirukan. Saya tidak tahu adakah projek ini dijalankan atau tidak. Maka soalan saya ini sahaja, adakah ia dijalankan atau tidak?

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Timbalan Menteri Kewangan sebagai seorang pakar ekonomi, pandai dalam perihal kewangan, tetapi kenapa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ataupun Timbalannya tidak ada di sini untuk menjawab soalan saya sebab ini soalan tentang alam sekitar, tentang dasar tenaga. Walaupun Kabinet ada collective responsibility untuk seseorang Menteri menjawab, tetapi adakah kawan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, betul-betul layak untuk menjawab soalan yang sedikit mendalam? Kenapa Menteri Tenaga,

Telekom dan Pos tidak ada di sini, tidak bertanggungjawab, tidak pernah datang, ini apa hal? (*Disampuk*) (*Tepuk*)

**Seorang Ahli: Betul!**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**  
Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandar Kuching dia berkehendakkan jawapan yang pendek dan tepat untuk beliau sendiri dan untuk makluman kepada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menjawab 'ya' ataupun 'tidak', saya sekadar hendak mengatakan bahawa kajian pada tahun 1985 untuk projek Bakun ini, pada bulan-bulan kebelakangan ini dilihat semula dengan kepakaran yang lain berdasarkan kepada teknologi, pengalaman yang ada daripada sumber-sumber yang lain. Oleh yang demikian, untuk mengizinkan Kerajaan menilai semula kemungkinan alternatif yang lain dan untuk kepentingan masyarakat yang berkenaan, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan melihat bukan sekadar kemungkinan yang ada pada projek Bakun itu sahaja, bahkan melihat kepada Lembah Rajang itu pada keseluruhannya, kerana berdasarkan kepada kemampuan topologi, geologi dan juga hidrologi. Ini adalah satu anugerah Tuhan yang begitu besar artinya kepada kita untuk dimanfaatkan melalui sistem penjanaaan secara hidro.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua, Yang Berhormat dari Bandar Kuching memang sengaja mencari kesempatan dalam keadaan di mana ada di antara ahli Kerajaan dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan-tidak dapat hadir. Yang Berhormat dari Bandar Kuching pun telah menjawab sendiri bahawa ini adalah kepeniingan bersama, collective responsibility, dan

kebetulan pula saya pernah berkhidmat di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. (*Tepuk*)

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengalu-alukan Kerajaan untuk melaksanakannya projek tersebut, jadi soalnya adakah kos penjanaaan atau penjimatan tenaga daripada penggunaan hidro ini akan juga memberi manfaat kepada masyarakat Peninsular di sini, kerana atas usaha Kerajaan untuk membawa tenaga ini daripada Sarawak kepada kawasan Semenanjung Malaysia ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**  
Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kemampuan yang ada di Lembah Rajang khusus pada projek Bakun sahaja, dikatakan bahawa tidak kurang 2,400 megawatt boleh dijanakan. Dan kalau kita lihat kemungkinan di Sungai Murun sahaja di Lembah Rajang kemungkinan kita akan boleh menjana secara hidro sebanyak 900 megawatt. Maka inilah satu sumber yang begitu tinggi melalui sistem hidro untuk kita gunakan dan kita bangukan. Kalau itulah kemampuannya, maka kita boleh memikirkan bahawa kemampuan itu bukan sekadar untuk negeri Sarawak ataupun Sabah bahkan Brunei, tetapi juga di seluruh utara Borneo dan juga kemungkinan untuk kita salurkan ke Semenanjung Malaysia melalui high voltage direct current line yang mungkin diletakkan di bawah dasar laut. Ini adalah kemungkinan-kemungkinan yang boleh kita pelopori daripada projek ini.

#### **BAHASA MANDARIN— PENGUNAAN DI LAPANGAN TERBANG SIBU**

**10. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada bolehkah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk memasukkan Bahasa Mandarin juga dalam menyampaikan pengumuman di

Lapangan Terbang Sibul sebab ianya dilakukan di Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan juga kerana ramai daripada penumpang tersebut adalah bukan bumiputera, terutama sekali orang-orang tua yang kurang faham akan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan terbaharu yang saya terima di Lapangan Terbang Kota Kinabalu pengumuman tidak dibuat dalam bahasa Mandarin.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengumuman-pengumuman di lapangan-tapangan terbang adalah dibuat di dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Penggunaan kedua-dua bahasa ini di lapangan terbang bagi tujuan pengumuman adalah didapati memadai untuk keperluan penumpang dan orang ramai, dengan demikian MAS tidak ada apa-apa cadangan untuk membuat pengumuman dalam bahasa Mandarin di lapangan-lapangan terbang termasuklah Lapangan Terbang Sibul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8,11 hingga 74 adalah dimasukkan di bawah ini)*

#### INTEGRASI NASIONAL— KEJAYAAN

**8. Tuan Wahab Suhaili** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan Integrasi Nasional setakat ini;
- (b) apakah program-program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan Integrasi Nasional; dan

- (c) adakah Kerajaan berpuas hati dengan program-program tersebut.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mempunyai mekanisma untuk mengukur kejayaan integrasi nasional secara saintifik. Jika dilihat secara umum masyarakat dari negeri-negeri di Semenanjung, Negeri Sabah dan Sarawak tidak mempunyai masalah berinteraksi antara satu sama lain. Ini dapat dilihat dalam percampuran mereka di tempat-tempat kerja, di pusat-pusat pengajian tinggi, di sekolah-sekolah dan dalam majlis-majlis perayaan yang diadakan.
- (b) bagi mempercepatkan integrasi nasional, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan berbagai program seperti lawatan integrasi dan "Titian Emas". Di samping itu, satu program baru yang dirancang pada tahun ini ialah Sedarpadu di mana pelajar-pelajar dari negeri Sabah dan Sarawak di bawa ke Kuala Lumpur untuk berinteraksi dengan pelajar-pelajar dari negeri-negeri di Semenanjung dan seterusnya mengikuti aktiviti seperti menyaksikan Parlimen bersidang dan melawat tempat-tempat bersejarah.
- (c) Setakat ini Kerajaan berpuashati dengan program-program tersebut. Walau bagaimanapun, program ini akan diubahsuai dan ditambah lagi dari masa ke semasa. Dari segi pentadbiran, untuk membincang, merancang

dan melaksanakan program-program integrasi nasional, kini telah diwujudkan Jawatankuasa Integrasi Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan dianggotai oleh pegawai kanan dari agensi-agensi pusat, Kerajaan Negeri dan Kementerian-kementerian berkailan.

### BANGUNAN SEKOLAH BARU DAN TAMBAHAN—KELEWATAN PEMBINAAN

**11. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyak projek pembinaan sekolah termasuk pembinaan bangunan lambahan yang lewat siap atau lerbengkalai di seluruh negara;
- (b) apakah sebab-sebab kclewatan dan kegagalan lersebut; dan
- (c) berapa ramaikah murid-murid yang terpaksa belajar di bilik-bilik darjah bergerak kerana projek-projek tersebut lerbengkalai.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan projek pembinaan sekolah baru dan tambahan yang lewat disiapkan tidaklah begitu besar jumlah jika dibandingkan dengan jumlah projek sekolah yang dirancang pembinaannya. Sebanyak 75 buah sekolah rendah dan 71 buah sekolah menengah tidak dapat disiapkan sejak mula dilancarkan Rancangan Malaysia Keenam hingga bulan Januari 1992.

(b) Kelewatan pelaksanaan projek tersebut adalah disebabkan oleh bberapa masalah iaitu:

- (i) masalah tapak, kerana lerdapat tapak-tapak cadangan untuk pembinaan sekolah yang diduduki oleh setinggan dan terpaksa mcngambil masa untuk mengluarkan mereka dari tempat tersebut.
  - (ii) kontraktor gagal menyiapkan mengikutjadual yang ditetapkan.
- (c) Kelewatan pcmbinaan sekolah mengikut jadual ini sedikit sebanyak ada menjejaskan kckurangan bilik darjah di skolah-sekolah rendah dan menengah. Meskipun begitu masalah ini tclah diatasi dengan pembinaan bilik-bilik darjah segera. Bilangan pelajar yang terlibat tidaklah begitu ramai dan ia hanya berlaku di kawasan-kawasan padat pnduduk khususnya di kawasan perumahan yang perancangan pcmbangunannya adalah di luar jangkaan prancangan sekolah-sekolah baru.

### PULAU REDANG—MENGAWASI PEMBANGUNAN

**12. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam sekitar menyatakan:

- (a) samaada pemajudi Pulau Redang mengikuti syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Persekitaran;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengawasi pembangunan yang berterusan di atas pulau yang berkenaan; dan
- (c) sama ada Kerajaan memberi perhatian kepada pendapat para

pakar dari Persatuan Alam Semulajadi Malaysia (Malaysia Nature Society) bahawa padang golf tidak sesuai untuk sebuah pulau seperti Pulau Redang, di mana ia merupakan sebahagian daripada taman marin yang telah diwartakan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):**

- (a) Pada masa ini pemaju projek pembangunan pelancongan dan rekreasi di Pulau Redang telah mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar, kecuali 3 syarat. Walau bagaimanapun, pelanggaran syarat-syarat tersebut tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada keadaan persekitaran projek. Penggerak projek telah dimaklumkan supaya mematuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan.
- (b) Untuk mengawasi pembangunan di Pulau Redang, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pengawasan daratan serla kualiti air bulanan di sekitar tapak projek sejak bulan Mei 1991. Jabatan Alam Sekitar juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang, untuk menyelaraskan data pengawasan serta membincangkan masalah dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan semua masalah adalah terkawal.
- (c) Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada pendapat para pakar dari mana-mana pihak termasuk Persatuan Pencinta Alam yang juga menggagolai Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang. Ahli-ahli lain terdiri daripada Pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perikanan, dan

pemaju-pemaju projek Pembangunan di Pulau Redang.

**PERDAGANGAN DUA-HALA  
MALAYSIA-VIETNAM**

**13. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan pertumbuhan perdagangan antara Malaysia dengan Vietnam, Kemboja dan Laos sejak 1989.

6.5.92

**55. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah pelabur-pelabur Malaysia yang telah cuba bertapak di Vietnam dan apakah yang dilakukan oleh Kementerian ini untuk membantu mereka.

14.5.92

**59. Tuan Wong Wing Onn** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah projek-projek yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur Malaysia di Vietnam dan jumlah nilai yang terlibat.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang (Yang Berhormat Dr Sanusi Daeng Mariok) pada 6.5.1992 dan Yang Berhormat Ahli dari Kampar (Yang Berhormat Tuan Wong Wing Onn) pada 14.5.1992.

Pertumbuhan perdagangan dua hala Malaysia dengan Vietnam pada ketika ini adalah menggalakkan. Jumlah perdagangan antara kedua buah negara telah meningkat dari \$138 juta pada tahun 1989 kepada \$235 juta pada tahun 1991, mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 70%. Perdagangan dua hala ini

dijangka akan meningkat dengan kadar yang lebih pesat selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini. Ahli-ahli sektor swasta yang turut menyertai delegasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya dalam perundingan pengeksporan barangan Malaysia ke Vietnam bernilai sebanyak \$88 juta. Barangan eksport yang terlibat adalah barangan perubatan, peralatan 'refrigeration', barangan kertas, urea dan komponen-komponen komputer. Jumlah import dari Vietnam yang dirunding adalah sebanyak \$59 juta. Barang-barang import utama adalah beras, hasil lautan, perabot, tekstil dan 'lacquer wares', dengan izin.

Jumlah pelaburan Malaysia di Vietnam pada ketika ini adalah sebanyak \$180 juta. Petronas Carigali merupakan pelabur yang terbesar di kalangan pelabur-pelabur Malaysia, dengan jumlah pelaburan sebanyak \$162 juta. Syarikat lain yang terlibat dalam projek usahasama dengan Vietnam termasuk:

- Public Bank Berhad;
- Scansia (M) Sdn. Bhd.,
- Trade Ocean Sdn. Bhd.,
- Agrotek Co. & Investment Corporation.

Semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam pada 19hb-24hb April 1992, lebih 20 syarikat Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dan Perjanjian-perjanjian dengan pihak Vietnam. Di antaranya ialah:

- Hotel Equatorial/Arab-Malaysia Development Bank untuk membina hotel di bandar Ho Chi Minh yang bernilai \$63 juta;
- Tropical Canning Corporation Sdn. Bhd. untuk melabur dalam industri perikanan bernilai sebanyak \$38—\$75 juta;
- Kumpulan Emas untuk membina tiga projek pembekalan air bernilai \$50 juta;

- Arkitek Jururancang (M) Sdn. Bhd. bersetuju menjalankan projek rekaan, pembangunan dan pembaharuan bandar Ho Chi Minh; dan
- Samen Holdings Sdn. Bhd. akan berusahasama dengan Bason Shipyard, Vietnam, untuk menjalankan kerja-kerja membaik-pulih kapal-kapal dan perkhidmatan maritim.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Kemboja pada ketika ini adalah kecil. Perdagangan dua hala Malaysia-Kemboja dalam tahun 1989 adalah sebanyak \$21 juta, manakala dalam tahun 1991 adalah \$33 juta. Perdagangan dua hala adalah lebih menguntungkan Kemboja. Lebihan dagangan yang dicatatkan oleh Kemboja pada tahun 1991 adalah \$28 juta.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Laos pada tahun 1989 adalah sebanyak 0.4 juta ringgit dan pada tahun 1991 sebanyak 0.7 juta ringgit.

Kerajaan telah berusaha untuk menjalinkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dengan Vietnam. Beberapa langkah telahpun diambil untuk mencapai tujuan ini. Di antaranya ialah menghapuskan sekatan lawatan keatas rakyat untuk melawat Vietnam dan sebaliknya, menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di bandar Ho Chi Minh untuk membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin berurusniaga di Vietnam, menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Pos dan Telekomunikasi, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal; menggalakkan penubuhan projek-projek usahasama antara sektor swasta Malaysia dengan pihak berkuasa Vietnam, khususnya dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan institusi kewangan, pengeluaran minyak mentah, perkhidmatan telekomunikasi dan perhotelan.

Kerajaan akan terus menggalakkan ahli-ahli perniagaan menerokai pasaran (untuk eksport dan pelaburan) di Indochina, terutama Vietnam. Peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di Vietnam adalah cerah kerana terdapat beberapa bidang ekonomi yang sesuai untuk pengusaha-pengusaha Malaysia menyertainya. Sehubungan dengan ini, MITI akan terus menggalak dan membantu pihak sektor swasta dalam pnyertaan mereka untuk meningkatkan perdagangan dan pclaburan di ncgara tersebut.

**PAKAR/DOKTOR PERUBATAN  
KERAJAAN—  
MEMPERBAIKI SYARAT  
PERKHIDMATAN**

**14. Datuk Monggoh Orow** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan banyak pakar dan doktor perubatan yang meninggalkan perkhidmatan mereka dari hospital-hospital Kerajaan untuk menjalankan perkhidmatan perubatan secara swasta, atas sebab-sebab syarat-syarat perkhidmatan mereka yang kurang memuaskan, adakah Kerajaan mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mempcrbaiki keadaan ini termasuk pcmbaikan syarat-syarat perkhidmatan supaya golongan tenaga mahir ini lebih tetap berkhidmat dalam hospital-hospital Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan dan suasana kerja untuk menggalakkan pakar-pakar lebih tetap berkhidmat dengan Kerajaan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil langkah bagi jangka pendek dan jangka panjang untuk menarik golongan tenaga mahir lebih tetap berkhidmat dalam hospital-hospital Kerajaan seperti menambahkan elauan pakar, menambahkan bilangan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dan

menambah bilangan biasiswa dan hadiah latihan untuk meningkatkan lagi prospek kerjaya pakar dan doktor perubatan.

Dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru, dipercayai lebih ramai doktor-doktor pakar akan terus berkhidmat dengan Kerajaan.

**BAHASA MALAYSIA DI RTM—  
PENGUNAAN DALAM  
PENYIARAN**

**15. Tuan Abdul Malek Munip** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai "dasar bahasa" dalam kcgiatan- kcgiatannya. Adakah penggunaan bahasa-bahasa lain dalam penyiarannya, seperti dalam warta berita ilu, disebabkan ramai rakyat Malaysia tidak tahu Bahasa Malaysianya sendiri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Kementerian Penerangan dalam semua urusan persuratannya mengamalkan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Dalam bidang penyiaran dasar komunikasi yang digunakan oleh RTM adalah mcngutamakan Bahasa Malaysia dalam program-programnya. Bahasa Inggeris, sebagai bahasa antarabangsa, adalah digunakan sebagai bahasa perantaraan kedua.

Memandangkan betapa pentingnya mesej Kerajaan disampaikan kcpada rakyat jelata keseluruhannya, RTM menggunakan dasar komunikasi yang mengizinkan bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil digunakan selain daripada bahasa Malaysia dan bahasa Inggcris dalam siaran televisyennya.

Melalui radio pula, berita disiarkan selain daripada dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, juga ianya disiarkan dalam bahasa Mandarin, Tami), Kadazan, Dusun, Bajau, Iban, Hakka Murul, Kayan, Kcnyah, Bisaya, Bahasa

Indonesia, Thai, Arab, Myanmar dan Tagalok.

Dengan penggunaan semua bahasa-bahasa yang disebutkan di atas, RTM mampu menyampaikan mesej kepada hampir seluruh rakyat Malaysia di negara ini. Pada masa ini RTM tidak berhasrat untuk menambahkan lagi bahasa atau suku-suku bahasa dalam penyiarannya.

Adalah benar bahasawanya, penggunaan berbagai bahasa dan suku bahasa ini adalah untuk memaksimumkan penyampaian maklumat yang tepat dan terkini kepada keseluruhan rakyat jelata. Adalah diharapkan agar setiap rakyat jelata mampu menguasai Bahasa Malaysia sepenuhnya dan seterusnya membolehkan RTM memperkemaskan dasar komunikasi sendiri menjelang tahun 2020.

#### **BELIA—AKTIVITI MELALUI PERSATUAN**

**16. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** tncinta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerianya sedar bahawa minat dan usaha belia-belia untuk bergerak melalui persatuan-persatuan belia di seluruh negara pada hari ini telah menurun sehingga menyebabkan banyak pendaftaran persatuan-persatuan belia dibatalkan sijil pendaftarannya. Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Adakah masalah ini wujud kerana di daerah-daerah kurang pegawai belia yang dilantik yang mempunyai minat dan dedikasi terhadap pergerakan pertubuhan belia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Anggapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang bahawa minat dan usaha belia-belia untuk bergerak melalui persatuan-persatuan belia di seluruh negara telah menurun adalah lidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat, pada hari

ini, masyarakat belia telah lebih bergiat lagi di dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang berfaedah melalui pertubuhan-pertubuhan belia.

Sehubungan dengan ini juga, Kementerian Belia dan Sukan telah berusaha untuk mempertingkatkan lagi peranan dan sumbangan pertubuhan belia dalam gerakan pembangunan masyarakat dan negara. Diantara usaha utama Kementerian ialah dengan melaksanakan Program Induk Belia Negara dan pengwujudan Pasukan Pelopor dan Pelapis Belia Negara.

Berhubungan dengan pegawai Belia dan Sukan Peringkat Daerah, walaupun terdapat seorang Pegawai sahaja, tetapi saya berpuashati di atas kesungguhan dan komitmen mereka dalam pembangunan masyarakat belia.

#### **UNIVERSITI KELAPAN DI SARAWAK—PENUBUHAN**

**17. Tuan Richard Riot anak Jaem** minta Menteri Pendidikan menyatakan butir-butir lanjut menenai cadangan Kerajaan menubuhkan universiti penuh di Sarawak. Sila sebutkan:

- (a) tarikh ianya dijangka mula beroperasi;
- (b) lokasinya; dan
- (c) pengajian-pengajian yang akan ditawarkan.

7.5.92

**54. Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah meningkatkan prestasi pelajaran di Malaysia berikutan dengan rancangan penubuhan Universiti Kelapan (8) di Malaysia Timur:

- (a) berapa banyakkah peruntukan serta kos pembinaan yang dianggarkan untuk mewujudkan Universiti Kelapan;

- (b) berapa ramaikah tenaga pengajar yang dikenal-pasti sebagai ahli akademik untuk bertugas di universiti tersebut; dan
- (c) apakah bentuk pengkhususan pendidikan serta matapelajaran baru yang akan diperkenalkan sebagai persediaan ke arah mencapai Wawasan 2020.

11.5.92

**7. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kabinet telah membuat satu keputusan dasar untuk meluluskan penubuhan Universiti yang kelapan di Sarawak dan butir-butirnya.

**73. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah anak lempatan Sarawak yang telah tamat pngajian di Universiti dalam dan luar negara dan ITM sejak merdeka (1963):

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk pembinaan Universiti Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan bilakah ianya dijangka siap. Berapakah anggaran kos pengendalian universiti ini setiap tahun. Berapa banyakkah jumlah pelajar yang akan diambil dan apakah kursus-kursus yang akan ditawarkan. Dimanakah kampus universiti ini akan dibina. Mengapa; dan
- (b) berapakah yang telah diperuntukkan untuk murid-murid kaum etnik dayak dari "Dayak Education Foundation" yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebelum pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1991.

13.5.92

**62. Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kemajuan penyusunan sebuah universiti lengkap di Sarawak seperti:
- (i) tarikh di mana Kerajaan akan mengumumkan secara rasmi kelulusan projek tersebut;
  - (ii) lokasi yang dicadang untuk universiti baru di Sarawak;
  - (iii) kursus yang ditawarkan;
  - (iv) jumlah pengambilan pelajar yang dianggarkan untuk 5 tahun pertama; dan
  - (v) tarikh di mana universiti baru tersebut dijadual untuk dibuka bagi membuat pendaftaran.

**Dr Leo Michael Toyad:** Oleh kerana terdapat lima orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang sama iaitu mengenai penubuhan universiti kelapan di Sarawak, saya memohon supaya soalan ini dijawab serentak. Butir-butir Ahli Yang Berhormat dan tarikh dikemukakan soalan adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat dari Serian - 5.5.1992
2. Yang Berhormat dari Sepang - 7.5.1992
3. Yang Berhormat dari Tanjong - 11.5.1992
4. Yang Berhormat dari Baram - 11.5.1992
5. Yang Berhormat dari Sibul - 13.5.1992

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk

menubuhkan sebuah universiti di Samarahan, Sarawak, iaitu universiti yang kelapan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebelum kampus di Samarahan dapat dibangunkan, sebagai permulaan, Kerajaan telah bersetuju supaya kampus cawangan Universiti Pertanian (UPM) di Bintulu dijadikan kampus sementara bagi universiti baru tersebut. Di samping itu, Kementerian Kesihatan telah bersetuju supaya Hospital Besar di Sarawak, di Kuching dijadikan Hospital Pengajar (Teaching Hospital) bagi Fakulti Perubatan Universiti berkenaan kelak.

Pengambilan pelajar dijangka akan dijalankan pada sesi pengajian 1993/94. Manakala antara kursus yang akan ditawarkan sebagai persediaan ke arah mencapai Wawasan 2020 ialah Sains Gunaan, Sains Sosial, Kejuruteraan, Pengajian Gas Asli, Maritim, Teknologi Maklumat, Pendidikan dan Perubatan.

#### **POLIKLINIK SANDAKAN— PROJEK PEMBINAAN**

**18. Tuan Lai Lun Tzee** minta Menteri Kesihatan menyatakan beri alasan mengapakah projek pembinaan poliklinik di Sandakan telah ditunda dan bilakah kerja pembinaan bagi poliklinik di Sandakan akan dimulakan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Projek Poliklinik Sandakan adalah satu projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Pada masa ini juruperunding telah dipilih untuk menyediakan plan tatatur tapak poliklinik ini. Projek ini akan dilaksanakan bersama dengan projek perumahan kakitangan Hospital Daerah Sandakan. Tapak projek ini terletak di tapak perumahan kakitangan yang sedia ada dan perlu dikosongkan dahulu oleh kakitangan yang berkenaan sebelum projek dapat diteruskan. Sebagai permulaan projek perumahan kakitangan akan dilaksanakan dahulu diikuti dengan projek Poliklinik Sandakan.

#### **MARDI DI SARAWAK— AKTIVITI**

**19. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Pertanian menyatakan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sejak Cawangan MARDI ditubuhkan di Negeri Sarawak dan adakah aktiviti-aktiviti tersebut membawa kesan yang positif terhadap pembangunan Pertanian di seluruh Negeri Sarawak.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** MARDI mula bergiat di Sarawak mulai 1986/1987. Aktiviti-aktiviti utama MARDI adalah:

- (i) mengenalpasli aktiviti-aktiviti pertanian dan pemprosesan makanan yang berpotensi dibangunkan secara komersial;
- (ii) menjalankan kajian-kajian adaptasi teknologi-teknologi dari Semenanjung Malaysia yang wajar dipindahkan dan digunakan di Sarawak dalam bidang-bidang ternakan, tanaman dan Industri makanan; dan
- (iii) memberi latihan-latihan dan bimbingan kepada golongan-golongan sasaran.

Sehingga kini banyak kesan-kesan positif diperolehi dari aktiviti-aktiviti di atas. Di antaranya adalah:

- (i) Dalam bidang pemprosesan bahan-bahan makanan di peringkat kecil-kecilan dan sederhana, khususnya dalam industri-industri asas tradisional seperti tebaloi, telur masin dan pemprosesan sos, kicap, jeruk, halwa dan hasil-hasil dari laut seperti ikan salai, belacan dan udang;
- (ii) memajukan industri tanaman-tanaman seperti klon-klon baru koko, klon-klon terpilih buah-buahan seperti jambu batu, belimbing dan durian dan tanaman-tanaman sayur-sayuran

di lapangan dan di bawah pelindung hujan;

- (iii) memajukan tanah gambut dengan kaedah-kaedah saintifik; dan
- (iv) mengutarakan teknologi-teknologi baru seperti pengeluaran kulat (mushroom) dan pengeluaran lebah madu secara komersial.

Usaha-usaha di atas telah mendatangkan kesan-kesan positif dari segi sumber pendapatan kepada pengusaha dan penambahan pengeluaran bahan-bahan makanan dalam Negeri Sarawak.

#### **BARANG-BARANG PENGGUNA— PENYOROKAN**

**20. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerianya bagi membanteras penyorokan barangan pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Bekalan barang-barang pengguna pada masa ini banyak terdapat di pasaran dan bekalannya pula adalah melebihi daripada permintaan. Tidak ada aduan berhubung dengan penyorokan barang-barang pengguna yang diterima oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Sungguhpun demikian, Kementerian sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi menentukan tidak ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan penyorokan barang-barang pengguna, terutama menjelang musim-musim perayaan. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan lermasuklah:

- (i) mengawasi bekalan barang-barang pengguna di pasaran bagi menentukan ianya mencukupi dan mudah diperolehi dalam setiap keadaan;

- (ii) mengisytiharkan 45 jenis barang-barang perlu sebagai barang-barang kawalan, iaitu 20 jenis sebagai barang-barang kawalan sepanjang masa dan 25 jenis sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan; dan
- (iii) mempertingkatkan pemeriksaan fizikal ke atas premis-premis perniagaan bagi memastikan tidak ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan bekalan barang-barang pengguna.

#### **AMNESTY INTERNATIONAL— PERMOHONAN PENDAFTARAN**

**21. Tuan Kirk Kim Hock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Amnesty International telah mengemukakan permohonan untuk membuka sebuah pejabat di Malaysia; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang meluluskan permohonan tersebut; jika ya, apakah sebabnya dan jika tidak, apakah sebabnya.

#### **Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Amnesty International telah pun membuat permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan tersebut di bawah Akta Pertubuhan 1966 dengan nama Amnesty International (Malaysia) pada 15 September, 1990.
- (b) Permohonan tersebut telahpun ditolak oleh Pendahar Pertubuhan pada 17 Disember, 1991 di bawah Seksyen 6A(2) Akta Pertubuhan 1966 kerana objektif penubuhannya di negara ini tidak dinyatakan secara jelas oleh pertubuhan itu.

**DRAMA SWASTA MANDARIN  
"PELANGI"—PEMBERHENTIAN  
TAYANGAN**

**22. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapakah tayangan drama Mandarin Pelangi dihentikan dalam RTM2 dan sama ada ianya dipulih tayang akibat dari rayuan pelakon-pelakon yang berkeenaan. Jika tidak, mengapa;
- (b) sebab-musabab pihak BPR menyerbu Kementerian beliau sehingga dokumen-dokumen dalam bilik Setiausaha Agung Kementerianya dirampas untuk siasatan. Adakah ini menunjukkan Kementerian beliau amat kurang memuaskan. Jika ya, mengapa; dan
- (c) mengapa hanya pemimpin-pemimpin Parti Barisan Nasional dijemput untuk memberi syarikat atau ucapan dalam kegiatan sivik sahaja dan pemimpin-pemimpin dari pihak pembangkang tidak diundang. Bukan ini merupakan satu kelakuan yang tidak adil dan salah guna kuasa oleh Barisan Nasional.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:**

- (a) Mengenai drama swasta Mandarin "Pelangi" ianya diberhentikan untuk memberi peluang bagi menyiarkan drama-drama swasta Cina yang lain. Ini akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat pengeluar dramatempatan untuk meluaskan industri perfileman. Pelakon-pelakon berbakat baik yang telah pernah berlakon atau baru mencungkil bakat boleh berlakon dalam drama-drama swasta.
- (b) Kememerian Penerangan mengambil berat tentang sebarang penyelewengan atau penyalah-

gunaan kuasa. Oleh kerana itu, satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menerima aduan dari orang ramai terhadap laporan penyelewengan di Kementerian ini. Hasil daripada pengwujudan Jawatankuasa tersebut beberapa perkara aduan telah dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah untuk siasatan yang lanjut. Sehingga sekarang tidak ada keputusan yang konklusif.

- (c) Selain daripada pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Penerangan Mataysia dan pegawai-pegawai kanan Jabatan-jabatan Kerajaan yang memberi syarahan/ceramah dalam kegiatan-kegiatan sivik Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, pemimpin-pemimpin Kerajaan telah diundang menyampaikan ucapan perasmian atau menyampaikan syarahan/ceramah. Mereka dijemput oleh sebab mereka dikehendaki menerangkan dasar-dasar, program-program dan aktiviti-aktiviti Kerajaan mengikut pandangan Kerajaan.

Amalan ini adalah amalan norma dan ianya adil dan selaras dengan amalan demokrasi.

**DUTI IMPORT KE ATAS  
JONGKONG EMAS**

**23. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang pendirian Kerajaan atas 10% cukai import 'gold bar'. Sila memberi sebab-sebab mengapa cukai ini tidak dapat dibatalkan atau dikurangkan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Dalam Belanjawan 1984, sebagai langkah untuk menggalakkan perniagaan dan eksport barang-barang kemas, duti import dan cukai tokok ke atas bahan mentah seperti emas, batu-batu permata dan separa

permata yang digunakan dalam pembuatan barang-barang kemas dimansuhkan. Begitu juga barang-barang kemas yang siap, dikecualikan daripada cukai jualan.

Semenjak pemansuhan duti 5% tersebut, kadar pertumbuhan import ke atas jongkong-jongkong emas telah meningkat dengan pesat sehingga mencatat kenaikan sebanyak 256% dalam tahun 1988. Pada tahun 1991 import emas bukan wang adalah berjumlah \$3,758.

Sungguhpun eksport barangan kemas (jewelleries) telah meningkat di beberapa tahun yang lepas, nilai eksport ini adalah rendah jika dibandingkan dengan nilai import emas. Umpamanya, pada tahun 1990, eksport emas berjumlah \$1,056.4 juta iaitu 27.5% daripada import. Dalam tahun 1990, 50% daripada emas yang diimport telah tidak dapat dikesan (accounted for) dan berkemungkinan besar emas telah diseludup keluar dan tidak pula diketahui sama ada perolehan (pembayaran) dari penyeludupan ini dibawa masuk atau kekal di luar negara.

Dengan tujuan untuk memperbaiki keadaanimbangan perdagangan negara, Kerajaan telah mengenakan kembali duti import sebanyak 10% ke atas emas bukan wang sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 1992 baru-baru ini.

Pengenaan duti ini tidak sepalutnya menjejaskan industri emas memandangkan pengimport dan pengusaha barangan kemas boleh menggunakan kaedah pengecualian dan tarik balik duti/cukai yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan/Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja bagi membolehkan pengusaha-pengusaha "bona-fide" mendapatkan emas untuk kegiatan eksport. Beberapa kaedah pengecualian dan tatacara untuk mendapatkannya adalah seperti berikut:

- (1) Sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 1992 baru-baru ini, pengilang-pengilang

"bona-fide" yang mengeksport keluaran siapnya yang menggunakan emas sebagai bahan mentah adalah dipertimbangkan untuk mendapat pengecualian duti ini. Hingga kini, terdapat 12 buah syarikat pengilangan yang mengeksport keluaran siapnya telah memohon pengecualian melalui MIDA dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

- (2) Syarikat-syarikat pengilangan yang menggunakan emas sebagai bahan mentah dan beroperasi di bawah kemudahan FTZ/LMW (Zon Perdagangan Bebas/Gudang Pengilangan Berlesen) adalah dikecualikan daripada duti 10% ini.
- (3) Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh Persatuan-persatuan Perniagaan Emas dan Permata Malaysia, adalah diperhatikan bahawa Bank-bank Perniagaan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan kadar import jongkong-jongkong emas ini. Walau bagaimanapun, memandangkan keuntungan yang diperolehi dari perniagaan ini adalah rendah, jongkong-jongkong emas ini terpaksa dilepaskan dalam tempoh masa yang singkat untuk mengelakkan peningkatan kos (terutamanya faedah yang meningkat, masalah keselamatan, insurans dan kestabilan harga). Memandangkan kepada masa yang singkat, Bank-bank Perdagangan serta pengimport-pengimport emas untuk maksud pengeksportan semula boleh menggunakan kemudahan Gudang Berlesen (Bonded Warehouse).
- (4) Bagi syarikat-syarikat pengilangan di Kawasan Utama Kastam (PCA) yang telah membayar/dikenakan duti import

dan mengekspor keluaran siapnya, pengilang-pengilang tersebut boleh menggunakan kemudahan tarik balik duti Kastam (duty drawback) di bawah Seksyen 99 Akta Kastam 1967.

- (5) Syarikat-syarikat pengilangan yang telah diberi pengecualian duti import ke atas emas sebagai bahan mentah bagi mengeluarkan keluaran siapnya boleh memperoleh bahan tersebut tanpa duti dari mana-mana gudang berlesen yang dilcsenkan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967.
- (6) Memandangkan bahawa syarikat-syarikat yang mengekspor kembali emas-emas sama ada dalam bentuk barang-barang kemas atau lain-lain akan dikecualikan daripada membayar duti tersebut, Kementerian Kewangan berpendapat buat masa ini duti import 10% akan terus dtkenakan.

#### **SYARIKAT MILIKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN—KEUNTUNGAN/ KERUGIAN**

**24. Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Kewangan menyatakan berapa syarikat dan anak syarikat yang dimiliki atau separuh milik Kerajaan Persekutuan yang menghadapi kerugian masing-masing setakat ini, apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil supaya pembayar cukai tidak dibebankan lagi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Berdasarkan laporan kewangan 1990 yang telah diaudit, 380 buah syarikat dari sejumlah 487 syarikat milikan Kerajaan Persekutuan memperoleh keuntungan manakala 107 buah syarikat lagi mencatat kerugian. Tindakan yang telah, sedang dan akan diambil bagi

memulihkan keadaan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Penyusunan semula operasi melalui peningkatan kemudahan yang sedia ada, penglibatan dalam keluaran hiliran/huluhan dan peningkatan dalam kapasiti pengeluaran bertujuan mengurangkan kos-kos purata, meningkatkan kualiti dan jenis keluaran serta meningkatkan potensi pasaran keluaran-keluaran.
- (ii) Penyusunan semula koporat sama ada bersena dengan penyusunan semula kewangan atau memperkemaskan, menyatukan dan mewujudkan sinergi dalam syarikat-syarikat induk yang berkenaan.
- (iii) Memperkemaskan pengurusan syarikat melalui perlantikan pengurusan baru atau/dan memperkenalkan sistem kawalan dalaman yang lebih berkesan.
- (iv) Penjualan sebahagian daripada ekuti kepada pihak-pihak yang berpengalaman bagi meningkatkan lagi potensi syarikat berkenaan.
- (v) Jualan aset-aset yang kurang penting yang menghasilkan pulangan yang rendah bagi mendapatkan wang tunai untuk membiayai aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat berkenaan.
- (vi) Penyenaraian anak-anak syarikat yang memperoleh keuntungan bagi membiayai perkembangan aktiviti-aktiviti Kumpulan.
- (vii) Pembahagian aset-aset milikan syarikat yang tidak berdaya maju kepada syarikat milikan Kerajaan yang berkaitan dan syarikat-syarikat sektor swasta bagi tujuan meningkatkan sinergi dalam sektor-sektor berkenaan, mengurangkan kos serta pada masa

yang sama mengemukakan pekerja-pekerja yang terlatih dalam industri yang khusus.

### **PEJABAT POS SEBAGAI "ONE STOP AGENCY"**

**25. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Pejabat Pos akan menjadi "One Stop Agency" untuk membaharui cukai jalan, lesen memandu dan lesen perniagaan; dan kenapa cadangan tersebut tidak dilaksanakan ikut jadual.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Rancangan bagi menjadikan Pejabat Pos sebagai "One Stop Agency" bagi mengendalikan urusan pembaharuan cukai jalan, lesen memandu dan lesen perniagaan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Buat permulaan pembaharuan cukai jalan bagi motosikal telah dilaksanakan secara perintis di tiga Pejabat Pos iaitu Kluang, Sg. Mati dan Simpang Renggam (negeri Johor).

Prestasi projek perintis ini akan dikaji dengan sebaik-baiknya sebelum sebarang keputusan diambil untuk mluaskannya ke Pejabat-pejabat Pos yang lain.

### **MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN—FUNGSI**

**26. Tuan Ahmad bin Nor** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah fungsi dan peranan ketiga-tiga Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi Perkhidmatan Awam yang baru dicadangkan; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan akan menimbang untuk mengembalikan semula hak untuk berunding dan tawar-menawar kepada MBK yang baru selaras

dengan pengenalan Sistem Saraan Baru (SSB) ke dalam Perkhidmatan Awam.

### **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):**

- (a) Sepertimana diumumkan baru-baru ini, Kerajaan telah memutuskan supaya 5 MBK yang ada sekarang diganti dengan 3 MBK iaitu, MBK bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional; MBK bagi Pekerja Bidang Sains Teknologi dalam Kumpulan Sokongan dan MBK bagi Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Sokongan,

Umumnya, MBK ditubuhkan sebagai jentera Kerajaan yang diiktiraf bagi mengadakan perundingan di antara wakil-wakil Kerajaan dengan pekerja mengenai perkara-perkara melibatkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja sektor awam.

- (b) Seperti yang sering dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah menafikan hak berunding untuk pekerja sektor awam. Walaupun Kerajaan tidak memberi atau menggariskan secara langsung hak berunding kepada kesatuan-kesatuan sekerja sektor awam, dari segi praktiknya, Kerajaan sememangnya mengamalkan perundingan. MBK sendiri merupakan satu jentera untuk membolehkan wakil-wakil kesatuan-kesatuan sekerja sektor awam berbincang dengan Kerajaan. Padahakikatnya, MBK ini merupakan satu jentera yang membolehkan Kerajaan mengamalkan perundingan dengan pekerja-pekerja sektor awam. Oleh yang demikian, Kerajaan

tidak bertujuan membuat apa-apa perubahan.

#### EAEC—KERJASAMA SERANTAU

**27. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berikutan dengan persidangan di Singapura baru-baru ini apakah kemajuan terhadap E.A.E.C. Apakah masih ada masalah yang belum lagi boleh diselesaikan.

**48. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai:

- (a) peranan yang hendak dimainkan oleh Malaysia dalam konsep East Asian Economic Caucus (EAEC) dan apakah peranan Amerika Syarikat, Jepun dan Korea di dalam EAEC.
- (b) peranan "Malaysia Sejagat" dengan usaha-usaha bantuan teknikal kepada negara-negara kurang maju khususnya di rantau Pasifik dan di benua Africa, bidang-bidang bantuan teknikal dan berapa nilai bantuan yang diberikan; dan
- (c) adakah terdapat peranan untuk Malaysia dalam menjalankan hubungan ekonomi dengan "Commonwealth of Independent States" dan cadangan Malaysia untuk membiayai kredit untuk negara-negara CIS.

6.5.92

**50. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan cadangan pembentukan East Asia Economic Caucus (EAEC).

7.5.92

**9. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kemajuan terhadap formasi East Asia Economic Grouping (EAEG) yang dicadangkan; dan
- (b) adakah EAEG yang dicadangkan akan menguatkan peluang-peluang rakyat Malaysia untuk melabur dalam Vietnam, Cambodia, Laos dan negara China (yang berekonomikal) yang baru dibuka.

12.5.92

**37. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah Jepun dan Korea Selatan telah memberi persetujuan untuk membentuk EAEC sesudah Amerika tidak menggalakkan penyertaan Jepun;
- (b) adakah gagasan EAEC itu tidak akan diteruskan memandangkan perkara itu sudah jarang disebut-sebut sekarang; dan
- (c) apakah alternatif baru jika EAEC ditangguhkan.

14.5.92

**13. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur. Adakah tentangan-tentangan daripada negara Barat akan menumpaskan hasrat negara Timur untuk memajukan hak mereka.

Tuan Chua Jui Meng: Saya memohon izin untuk memberi jawapan

kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kimanis dan Yang Berhormat dari Arau (soalan (a) pada hari ini), Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 6.5.1992, Yang Berhormat dari Sibu pada 7.5.1992, Yang Berhormat dari Tumpat pada 12.5.1992 dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 14.5.1992, memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan East Asia Economic Caucus (EAEC).

Saya ingin memaklumkan bahawa semasa Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di Singapura baru-baru ini, Ketua-ketua Negera ASEAN telah bersetuju pada dasarnya dan mengakui pentingnya cadangan bagi ASEAN dan negara-negara di rantau Asia Timur untuk berunding secara tidak formal dalam forum EAEC untuk membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama berkaitan dengan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Adalah diakui bahawa kerjasama seperti ini akan menyumbangkan kepada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi rantau ini di samping memberikan suara dan pengaruh yang lebih kuat dalam usaha untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas.

Berikutan dengan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Keempat itu, konsep EAEC akan dihuraikan dengan lebih terperinci oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang juga akan menyediakan pelan tindakan bagi pelaksanaannya.

Adalah diperhatikan bahawa penolakan Amerika Syarikat terhadap EAEC adalah kerana khuatir cadangan tersebut akan menyebabkan pengaruhnya di rantau ini akan berkurangan dan pada masa yang sama memberi peluang kepada Jepun untuk menguasai sumber dan pasaran di rantau Asia Timur yang pesat membangun ini. Bagi Jepun dan Korea pula, pendirian mereka terhadap cadangan ini adalah didorong oleh

kepentingan masing-masing dan tekanan daripada Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan penting bagi negara-negara tersebut.

Dengan ini adalah dijangka bahawa penghuraian konsep EAEC dengan lebih terperinci oleh pegawai-pegawai Kanan ASEAN akan dapat menggariskan aspek-aspek untuk meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan, usaha bersama untuk membuka pasaran serta mengurangkan rimangan perdagangan yang akan memanfaatkan kesemua negara berikutan wujudnya pasaran serantau yang lebih terbuka. Penghuraian konsep EAEC juga akan menekankan dengan lebih jelas lagi bahawa ianya bukan bertujuan menubuhkan satu blok perdagangan dan sebaliknya adalah selaras dengan prinsip-prinsip GATT dan tidak akan mengurangkan keberkesanan APEC atau dengan izin Asia Pacific Economic Cooperation. Dalam pembentukan EAEC ini, peranan Jepun dan Korea adalah penting memandangkan mereka merupakan kuasa ekonomi yang penting di rantau ini. Pada masa ini, Jepun sedang menunggu pihak ASEAN untuk menyiapkan butir-butir terperinci mengenai konsep dan pelan pelaksanaan cadangan tersebut.

Sebenarnya proses integrasi ekonomi di kalangan negara-negara di rantau Asia Timur adalah satu proses yang sedang berlaku dan akan terus berlaku di masa depan. Ini jelas ditunjukkan oleh jumlah perdagangan yang semakin meningkat di kalangan negara-negara tersebut dan aliran pelaburan yang besar. Proses tersebut pada masa ini didorong oleh kuasa pasaran dan inisiatif sektor swasta. Oleh itu cadangan penubuhan EAEC adalah selaras dengan aliran yang berlaku sekarang dan bertujuan untuk menyelaraskan perkembangan yang berlaku.

Bagi Malaysia, pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi bagi negara-negara di rantau ini hasil daripada

peningkatan dalam kerjasama serantau di bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan yang eksport yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Peluang-peluang perniagaan dengan negara-negara Indo-China juga akan turut bertambah berikutan dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pasaran dan regim perdagangan yang terbuka di negara-negara tersebut dan hasil peningkatan dalam kerjasama serantau.

**PROGRAM BERKEMBAR  
INSTITUSI PENDIDIKAN  
SWASTA TEMPATAN DAN  
UNIVERSITI LUAR NEGERI**

**28. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah implikasi program perkembaran antara institusi pengajian tinggi swasta tempatan dengan institusi yang sama dari luar negeri kepada perkembangan pendidikan nasional di tanahair. Apakah bentuk kawalan terhadap mutu, kurikulum serta elemen ketatanegaraan yang dikenakan oleh Kementerian ke atas institusi yang melaksanakan program pengkembaran ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Unlук makluman Ahli Yang Berhormat, pengajuran kursus-kursus pendidikan melalui program berkembar yang dilakukan oleh institusi-institusi pendidikan swasta tempatan dengan universiti-universiti luar negeri telah membantu negara dari sudut-sudut pendidikan seperti berikut:

- (a) mengurangkan tekanan dan bebanan kepada Kerajaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan tinggi kepada rakyat;
- (b) membantu memenuhi permintaan rakyat bagi pendidikan linggi; dan
- (c) mengurangkan pengaruh asing yang bersifat negatif terhadap

golongan remaja kerana jangkamasa mereka berada di luar negeri telah dapat disingkatkan.

Bagi memastikan bahawa kursus-kursus yang dijalankan melalui program berkembar ini bermutu dan selaras dengan kehendak-kehendak kebangsaan, di antara beberapa tindakan dilakukan ialah:

- (i) Syarat-syarat kelulusan yang dikenakan semasa kelulusan diberikan ialah:
  - Bahasa Malaysia diajar kepada semua pelajar;
  - Unsur-unsur kajian tempatan (Malaysia Studies) dimasukkan ke dalam kurikulum kursus;
  - Kelulusan yang ditawarkan adalah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- (ii) Lawatan-lawatan pemeriksaan dilakukan dari semasa ke semasa ke institusi-institusi tempatan berkenaan bagi menentukan pendidikan berkualiti disampaikan dan syarat-syarat kelulusan dipatuhi.

**SISTEM SARAAN BARU—  
UNSUR PILIH KASIH DAN  
AMPU-MENGAMPU**

**29. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah Kerajaan hendak mengelak daripada berlaku perbuatan pilih kasih dan ampu-mengampu dalam pelaksanaan Skim Saraan Baru (SSB) yang sememangnya terdedah kepada amalan tersebut.

**Tuan Othman bin Abdul:** Soalan ini adalah agak umum kerana Sistem Saraan Baru (SSB) mengandungi beberapa aspek termasuklah pergerakan gaji,

elaun, latihan, kenaikan pangkat dan skim perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat bimbang mengenai soalan penentuan pergerakan gaji tahunan (dulunya kenaikan gaji tahunan) dan kenaikan pangkat, maka sukalah saya memberi kepastian bahawa perkara ini telahpun diambilkira semasa penggubalan SSB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, falsafah yang menjadi asas SSB ialah kecemerlangan prestasi kerja yang berkualiti. Untuk menentukan falsafah sebenarnya dipatuhi, sistem penilaian prestasi yang menjadi asas pelaksanaan SSB akan berlandaskan kepada pengukuran prestasi kerja secara objektif dan terbuka. Di bawah sistem ini, secara umum perancangan kerja tahunan ditentukan pada awal tahun dan penilaian pencapaian disemak dalam tempoh tertentu bagi tahun berkenaan.

Selain daripada itu, bagi memastikan supaya sistem ini dilaksanakan tanpa pilih kasih, sesuatu Laporan Penilaian Prestasi oleh Pegawai Penyelia akan disemak pula oleh suatu Jawatankuasa Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji di peringkat Jabatan/Kementerian sebelum sesuatu pergerakan gaji ditentukan.

Dalam urusan kenaikan pangkat pula, seseorang anggota perkhidmatan awam yang layak dipertimbangkan akan tertakluk kepada beberapa kaedah penilaian selain daripada Laporan Penilaian Prestasi Tahunan. Ini termasuklah menjalani proses temuduga, menghadiri kursus wajib dan menduduki peperiksaan.

Dengan yang demikian, adalah tidak tepat untuk dibuat langgapan bahawa unsur-unsur pilih kasih dan ampu-mngampu akan berlaku apabila SSB dilaksanakan.

## **RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH DI BELAGA, SARAWAK**

**30. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan berhajat untuk memperkenalkan apa-apa rancangan tanah di Belaga, khasnya di kawasan Sungai Belaga.
- (b) sama ada Kementerian Pertanian berhajat untuk membuka satu pejabat pertanian di kawasan itu untuk memenuhi kehendak penduduk di Sepaka, Long Bangan, Sambop, Seping dan Long Urun.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:**

- (a) Sctakat ini agensi-agcnsi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar belum lagi ada cadangan untuk melaksanakan apa-apa rancangan pmbangunan tanah di kawasan Belaga. Walau bagaimanapun, agcnsi-agensi seperti Lembaga Pcnyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dan FELCRA akan memberi perlimbangan sewajarnya jika ada permohonan daripada penduduk-penduduk kawasan berkenaan.
- (b) Kawasan Sungai Belaga yang meliputi Sepaka, Long Bangan, Sambop, Seping dan Long Urun pada masa ini adalah terletak di bawah kawasan perkhidmatan Pejabat Pertanian Tubau di daerah Bintulu. Walaupun tempat-tempat ini merupakan kawasan pendalaman dan terpencil, Kerajaan telah menyediakan kemudahan khidmat pengembangan termasuk bantuan dan lawatan pengembangan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dari Pejabat Pertanian Tubau. Pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dengan kerjasama syarikat

pembalakan di kawasan tersebut sentiasa memberi perkhidmatan bagi faedah golongan sasar berkenaan bergantung kepada keadaan cuaca dan jalan masuk ke kawasan tersebut. Kementerian mendapati perkhidmatan pengembangan pertanian kepada kawasan berkenaan adalah memadai pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, hal ini akan dikaji dari masa kesemasa.

### **KWSP—KEGAGALAN MAJIKAN MEMBAYAR CARUMAN PEKERJA**

**31. Tuan Chor Chee Heung** minta Menleri Kewangan menyatakan:

- (a) pada tahun 1991, berapa syarikat atau firma telah dikesan dan dituduh ke Mahkamah terbabit di bawah Akta Pekerja kerana mengelakkan membayar caruman KWSP bagi pekerjaannya seluruh negara;
- (b) apakah tindakan positif yang diambil oleh Jabatan Sumber Manusia mencegah perbuatan tersebut yang begitu tinggi; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pekerja supaya pihak tertuduh menerima hukuman yang lebih berat. Setakat ini apakah penalti yang telah diambil oleh Jabatan Buruh terhadap pihak syarikat atau majikan yang elak membayar caruman KWSP.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Semua kegagalan untuk membayar caruman KWSP oleh majikan adalah didakwa dan dihukum berdasarkan kepada Akta KWSP 1991 dan bukannya Akta Pekerja. Pada tahun 1991, sebanyak 35,602 buah syarikat atau firma telah dikesan di

seluruh negara yang gagal membayar caruman KWSP bagi pekerjaannya. Dari bilangan tersebut, sebanyak 974 buah syarikat telah didakwa di Mahkamah. Bakinya melibatkan majikan-majikan yang mana perniagaannya telah ditutup atau alamat terbaru tidak diketahui, majikan di bawah kebangkrapan atau pembubaran atau pemegang harta atau penerima tanggungan serta majikan dibenarkan untuk membayar caruman tunggakan secara ansuran.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP adalah agensi yang mentadbir Akta KWSP 1991, dan bertanggungjawab untuk memastikan supaya majikan-majikan membayar caruman pekerjaannya. Dalam melaksanakan tugas ini, KWSP sentiasa menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan, yang berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta KWSP. Di antara tugas-tugas penguatkuasaan yang dijalankan termasuklah menyasiat aduan-aduan daripada pekerja dan mempertingkatkan pemeriksaan dari pintu ke pintu atas semua perniagaan dan syarikat. Dalam tahun 1991, sebanyak 104,936 pemeriksaan tentang kes-kes tanpa pematuhan telah dibuat, manakala 34,404 pemeriksaan pintu ke pintu telah dilakukan.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta KWSP 1991 buat masa ini oleh kerana peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta tersebut adalah berkesan untuk menghadapi masalah majikan yang enggan membayar caruman pekerjaannya. Di bawah Seksyen 43(2) Akta tersebut, majikan yang gagal membayar caruman pekerja boleh dipenjarakan sehingga 3 tahun

atau didenda sebanyak \$10,000 atau kedua-duanya sekali. Di bawah Seksyen 48(3) majikan yang didapati telah memotong caruman pekerja daripada upahnya tetapi gagal membayar jumlah wang tersebut kepada KWSP boleh dikenakan hukuman yang lebih berat iaitu dipenjarakan sehingga 6 tahun atau didenda sehingga \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

### **KELAS TINGKATAN ENAM DI SEKOLAH MENENGAH BAHAGIAN SRI AMAN, SARAWAK**

**32. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah menengah di bahagian Sri Aman, Sarawak yang ada mengadakan kelas Tingkatan Enam dan sama ada kelas tersebut adalah mencukupi untuk menampung murid-murid sekolah yang lulus peperiksaan SPM yang dapat meneruskan pelajaran mereka ke Tingkatan Enam dan jikalau tidak apakah usaha Kerajaan supaya lebih lagi murid sekolah dapat meneruskan pelajaran mereka ke Tingkatan Enam.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua buah sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman Sarawak yang mengadakan kelas Tingkatan Enam. Buat masa ini kelas-kelas itu adalah mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar yang lulus SPM dan layak ke Tingkatan Enam di Bahagian tersebut.

### **KEMEROSOTAN PENGELUARAN GETAH MALAYSIA**

**33. Tuan Wong Wing Onn** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah yang terbesar di dunia telah merosot dan tergugat, dan langkah-langkah yang telah, sedang dan

akan diambil untuk mempertahankan kedudukan ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Kemosrotan pengeluaran getah Malaysia kebelakangan ini yang telah menyebabkan negara hilang kedudukannya sebagai pengeluar getah terbesar di dunia adalah diakibatkan oleh perubahan yang berlaku di dalam dan juga di luar industri getah. Seperti mana Yang Berhormat sediaan maklum, sejak dua dekad yang lalu, ekonomi Malaysia telah mengalami perubahan yang amat ketara berikutan dari pelbagai ekonomi negara yang tidak lagi bergantung semata-mata kepada bijih timah dan getah. Dalam bidang perladangan misalnya, kemajuan dalam sektor-sektor lain seperti kelapa sawit dan koko telah menyebabkan penekanan kepada getah telah menurun diikuti dengan pemindahan tenaga buruh dari sektor industri getah. Di samping itu, pembangunan dalam sektor ekonomi yang lain seperti sektor perindustrian dan pembinaan juga telah menyebabkan perubahan penggunaan tanah dan pemindahan buruh. Kekurangan tenaga buruh di ladang dan kebun getah bukan sahaja mengakibatkan kos pengeluaran getah semakin meningkat tetapi mengakibatkan munculnya juga masalah kebun getah terbiar.

Sementara itu, kejatuhan harga getah di pasaran dunia di dalam beberapa tahun yang lalu juga telah memberikan kesan negatif kepada pengeluaran getah. Kemosrotan pendapatan bagi penanaman getah telah menjadikan sektor ini kurang menarik di mana buruh telah berhijrah kepada sektor lain yang lebih lumayan. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh industri getah negara, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan. Antara langkah-langkah ini termasuklah mempergiatkan lagi usaha R&D untuk meningkatkan penghasilan keperluan buruh, memperluaskan penggunaan alat penghalang hujan RRIMGUD untuk

mbolehkan penoreh-penoreh menoreh getah selepas hujan, memperkenalkan klon-klon gelah baru kepada penanam-penanam getah dan mempergiatkan lagi usaha lanaman semula.

Di peringkat antarabangsa pula, Kerajaan juga sering berunding dengan pengeluar-pengeluar getah lain seria pengguna getah untuk mengatasi masalah yang dihadapi di pasaran gelah dengan tujuan membolehkan harga getah berada di paras yang lebih memuaskan. Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas dan jika sekiranya harga getah meningkat ke paras yang lebih menarik, pengeluar getah Malaysia akan pulih semula. Kita mempunyai polensi untuk menambahkan lagi pengeluaran getah. Hakikal ini dapat dilihat dalam tahun 1988 apabila negara mengeluarkan getah sebanyak 1,66 juta tan semasa harga getah meningkat ke paras lebih daripada 300 sen/kg. manakala bagi tahun 1991, pengeluaran kita 1,252 juta tan di paras harga 226.73 sen/kg. Jika harga getah meningkat kepada paras yang menggalakkan, saya yakin masalah pengeluaran negara akan dapat diatasi.

#### **BIRO TATANEGARA— TUJUAN PENUBUHAN**

**34. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan perincian tujuan dan kegiatan-kegiatan Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tujuan utama penubuhan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1981 ialah membentuk rupa bangsa rakyat Malaysia yang cintakan negara. Di peringkat awal penubuhannya, Biro Tatanegara berperanan mengawasi kegiatan Belia dan Pelajar di Pusal Pengajian Tinggi dan Sekolah Menengah agar mereka bertindak selaras dengan kehendak dan aspirasi negara.

Setelah 12 tahun kewujudan Biro Tatanegara, peranan dan fungsinya telah diperluaskan lagi iaitu memupuk serta mempertingkatkan lagi semangat cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat dan golongan pelajar, belia, kakitangan dan Pegawai Kerajaan, badan bcrkanun dan sektor awam agar mereka sama-sama berusaha mencapai matlamat pembangunan negara dalam semua bidang yang mencakupi agama, sosial, politik dan ekonomi. Aktiviti penting yang dijalankan oleh Biro Tatanegara ialah mengendalikan kursus, latihan, ceramah dan penyelidikan yang diadakan dari masa ke semasa.

Latihan yang diberikan adatah bercorak ke arah pembentukan penukaran watak rakyat Malaysia yang positif, pencapaian nilai-nilai murni dan pcmbinaan negara bangsa (nation building) ini selaras dengan objektif penubuhan Biro Tatanegara, Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Biro Tatanegara adalah kepada semua lapisan masyarakat.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN— PEMBENTANGAN DI PARLIMEN**

**35. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan deraf Rang Undang-undang Pendidikan. Bila ianya dijangka akan dibentangkan di Parlimen, dan sama ada ianya akan diumumkan sekurang-kurangnya dua bulan sebelum pembentangan di Parlimen untuk perbahasan dan pengundian.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, deraf terakhir Rang Undang-undang Pendidikan dan pindaan-pindaan yang perlu telah disiapkan dan telah dihantar ke Jabatan Peguam Negara untuk penelitian Jabatan berkenaan sebelum dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Selepas itu baharulah Rang

Undang-undang itu dibentangkan di Parlimen.

Berhubung dengan pengumumannya, adalah dimaklumkan bahawa pembentangan Rang Undang-undang ini akan dibuat mengikut tatacara yang biasa.

**KEMENTERIAN ALAM  
SEKITAR—PENUBUHAN  
KHUSUS**

**36. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang menubuhkan sebuah Kementerian Alam Sekitar penuh untuk menguruskan kemerosotan alam sekitar di Malaysia.

**Tuan Othman bin Abdul:** Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Kementerian Alam Sekitar yang khusus seperti dimaksudkan itu. Perkara-perkara mengenai hal ehwal alam sekitar diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian tersebut sentiasa memberi perhatian yang wajar terhadap perkara ini. Adalah tidak benar tuduhan yang menyatakan bahawa pengurusan alam sekitar di Malaysia merosot pada masa ini.

**PENGAMBILAN PELAJAR  
KE UNIVERSITI TEMPATAN—  
KUOTA**

**37. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa pihak Kerajaan masih belum menunaikan janji yang dibuat oleh Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini dalam tahun 1978 memperuntukkan tempat universiti tempatan mengikut kuota ratio 45: 55 bukan bumi: bumi dan kalau ya, mengapa;

(b) Sama ada beliau boleh menyalakan apakah tindakan yang akan diambil untuk melaksanakan janji ini; dan

(c) Adakah pengambilan baru pelajar-pelajar universiti tempatan untuk sesi baru tahun ini akan mengikut ratio 45: 55 atau dinaikkan agar mencapai ratio 45: 55 bagi keseluruhan penuntut-penuntut universiti tempatan.

**Dr Leo Michael Toyad:**

(a) & (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melaksanakan kuota pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan mengikut kadar 55% bumiputra dan 45% bukan bumiputera secara keseluruhannya. Kadar ini telahpun dicapai sejak kemasukan pada sesi 1984/85 lagi secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1978.

(c) Sehingga sekarang Kerajaan tiada cadangan untuk mengubah kadar pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan seperti yang telah dipersetujui.

**EKONOMI MALAYSIA—  
PERTUMBUHAN/KEMELESETAN**

**38. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan perkembangan ekonomi yang dijangka dalam tahun 1992 dan sama ada kemelesetan ekonomi dijangka lewat tahun 1993 atau awal 1994.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Ekonomi negara telah berkembang pada kadar yang tinggi dalam tahun 1991 iaitu

sebanyak 8.8 peratus. Kekukuhan ini dijangka akan berterusan pada tahun 1992. Secara keseluruhan, Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar bagi tahun 1992 dijangka berkembang pada kadar 8.7%. Sektor perkilangan dijangka akan merupakan penyumbang utama kepada perlumbuan tersebut. Walaupun pertumbuhan ekonomi negara-negara OECD dijangka kurang menggalakkan iaitu berkembang pada kadar 1.5% dalam tahun 1992, ekonomi negara kita dijangka terus kukuh disebabkan terutamanya oleh pelaburan swasta yang dijangka mantap pada kadar 15-20% mengikut nilai semasa. Kadar pertumbuhan ini juga akan disokong oleh perbelanjaan awam bagi penyediaan kemudahan infrastruktur untuk mengcembangkan asas-asas pengeluaran.

Paras harga pengguna dijangka stabil pada kadar 4%-5% disebabkan oleh langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan penggunaan, menggalakkan tabungan dan menyelesaikan masalah-masalah kekurangan infrastruktur. Kadar pengangguran pula, diramalkan terus berkurangan kepada 5.4% daripada jumlah gunatena.

Berasaskan kepada keyakinan di kalangan pengguna dan pelabur, termasuk pelabur-pelabur asing, Kerajaan menjangka bahawa kemelesetan ekonomi negara-negara utama ketika ini tidak akan melanda ekonomi negara pada kadar yang berlaku pada tahun 1985. Malahan pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1993 dan 1994 dijangka akan berkembang pada kadar yang mampan di sekitar 7%-8%, iaitu selaras dengan unjuran dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000.

Ini adalah berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (a) Sejak penyelarasan struktur dilakukan pada pertengahan tahun 1980 asas ekonomi negara

kita telah menjadi lebih luas dan mampu untuk menghadapi sebarang perubahan-perubahan faktor luaran;

- (b) Sumber-sumber pelaburan dan pasaran negara adalah lebih 'diversified' dan tidak bergantung kepada sesebuah negara atau sekumpulan negara sahaja;
- (c) Keadaan politik yang stabil, kemudahan infrastruktur yang baik, gunatena yang berkualiti serta insentif-insentif fiskal yang sedia ada akan terus menggalak pelaburan swasta dari luar dan dalam negeri untuk tahun-tahun akan datang; dan
- (d) Pengurusan ekonomi negara kini adalah lebih bersedia dan berupaya untuk mengatasi apa-apa cabaran yang akan dihadapi oleh ekonomi negara dalam jangka masa sederhana.

#### GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH—JUMLAH

**39. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah guru-guru sandaran tidak terlatih yang sedang berkhidmat di semua sekolah seluruh Malaysia;
- (b) pecahan-pecahan mengikut negeri-negeri; dan
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan semula Skim Program Kursus Dalam Cuti (KDC) kepada guru-guru sandaran tidak terlatih ini bagi mengatasi masalah kekurangan guru terlatih; dan
- (d) apakah Kerajaan bercadang memberi kelonggaran kepada mereka untuk diletakkan ke dalam jawatan tetap sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat

pengambilan sebagai guru ke jawatan tetap.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru-guru sandaran tidak terlatih yang sedang berkhidmat di semua sekolah seluruh Malaysia ialah seramai 17,191 orang iaitu 12,619 guru sandaran tidak terlatih di sekolah rendah dan 4,572 guru sandaran tidak terlatih di sekolah menengah.
- (b) Bilangan guru sandaran yang tidak terlatih terdapat di Malaysia hingga masa kini, April 1992:

| Negeri              | Sekolah       |              | Jumlah        |
|---------------------|---------------|--------------|---------------|
|                     | Rendah        | Menengah     |               |
| Johor               | 2,044         | 936          | 2,980         |
| Kedah               | 665           | 165          | 830           |
| Kelantan            | 746           | 188          | 934           |
| Melaka              | 292           | 35           | 327           |
| Negeri Sembilan     | 726           | 230          | 956           |
| Pahang              | 1,296         | 397          | 1,693         |
| Perak               | 1,043         | 603          | 1,646         |
| Perlis              | 143           | 53           | 196           |
| Pulau Pinang        | 391           | 203          | 594           |
| Selangor            | 2,126         | 203          | 594           |
| Terengganu          | 830           | 250          | 1,080         |
| Wilayah Persekutuan | 565           | 221          | 786           |
| Sabah               | 158           | -            | 158           |
| Sarawak             | 1,594         | 909          | 2,503         |
| <b>JUMLAH</b>       | <b>12,619</b> | <b>4,572</b> | <b>17,191</b> |

- (c) Kementerian Pendidikan tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan semula Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi melatih guru-guru sandaran yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, guru-guru sandaran tidak terlatih yang memenuhi syarat-syarat seperti yang diiklankan sememangnya digalakkan untuk memohon memasuki maktab-maktab perguruan.

- (d) Guru-guru sandaran tidak terlatih diberikan kelonggaran untuk memasuki maktab-maktab perguruan dari segi had umur iaitu tidak melebihi 30 tahun. Syarat umur yang ditetapkan untuk calon-calon lain adalah tidak melebihi 27 tahun. Guru-guru sandaran tidak terlatih yang telah memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan untuk dimasukkan ke maktab perguruan dan mengikut kursus perguruan dengan jayanya akan dilantik ke jawatan tetap oleh SPP melalui proses biasa.

**ELEKTRIK—GANGGUAN BEKALAN DI TAWAU, SABAH**

**40. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai gangguan tenaga elektrik yang berterusan yang disebabkan oleh generator lama di Lembaga Letrik Sabah, Tawau telah membawa kerosakan yang besar serta pembangunan di Tawau:

- (a) Adakah beliau akan mengambil tindakan serta pertimbangan untuk menukarkan semua set generator yang lama kepada yang baru untuk memastikan agar tidak ada lagi gangguan bekalan elektrik di Tawau; dan
- (b) Adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk mengganti rugi bagi kesemua barang-barang serta alat-alat elektrik yang telah rosak disebabkan oleh bekalan elektrik yang tidak menentu seperti motor, komputer atau barang-barang yang mudah rosak dalam peti sejuk.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk memberikan bekalan

elektrik yang bermutu dan tiada gangguan. Namun, cita-cita tersebut tidak mungkin dapat dicapai sekali gus atau di dalam jangka yang singkat kerana ia melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi, langkah-langkah untuk memperbaiki masalah bekalan perlu dilaksanakan secara berperingkat.

Untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di Tawau, Lembaga Elektrik Sabah telah pun merancang beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang. Di antara tindakan segera yang akan diambil ialah menggantikan set penjana kuasa yang telah lama dan berkeupayaan rendah dengan set-set penjana kuasa baru yang berkeupayaan lebih besar. Di samping itu, kerja-kerja penyenggaraan juga dilaksanakan dengan lebih giat.

Dengan adanya set-set baru serta kerja-kerja penyenggaraan ini, adalah dijangkakan bahawa selepas bulan November tahun ini, keupayaan menjana kuasa di Tawau akan meningkat sehingga 42mw berbanding dengan kehendak maksima yang diramalkan di tahap 28mw. Dengan demikian, masalah gangguan bekalan elektrik di Tawau akan dapat diselesaikan pada akhir tahun ini.

- (b) Mengikut perjanjian kontrak di antara Lembaga Letrik Sabah dengan pengguna, tidak ada gantirugi akan dibayar akibat daripada berlakunya gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh kerosakan atau yang dijadualkan untuk kerja-kerja penyenggaraan.

### TEMUJANJI PENGARAH KASTAM DAN WAKIL SULTAN KELANTAN

**41. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan tidak diberi layanan yang baik sehingga temujanji dengan pengarah Kastam dibatalkan oleh Pengarah tersebut sedangkan wakil-wakil itu bertujuan menyelesaikan masalah berkaitan kastam.

**Dato' Loke Yuen Yow;** Adalah tidak benar Ketua Pengarah Kastam membatalkan temujanji dengan wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Adalah difahamkan Ketua Pengarah Kastam tidak ada menerima apa-apa permohonan temujanji berkenaan. Walau bagaimanapun, wakil beliau iaitu Pengarah Bahagian Kastam telah menemui wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan sebanyak tiga kali seperti berikut:

- (i) Pertemuan kali pertama pada 2.3.1992;
- (ii) Pertemuan kali kedua pada 4.3.1992;
- (iii) Pertemuan- kali ketiga pada 6.3.1992.

### PENGECCUALIAN CUKAI KEPADA MAKTAB SWASTA

**42. Dr T. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Pemberian insentif kepada maktab swasta seperti mengecualikan cukai untuk alat-alat pendidikan dan menjalankan latihan profesional untuk tenaga pengajar maktab swasta; dan
- (b) Pemberian bantuan memproseskan pelajar-pelajar luar negeri yang ingin meneruskan pelajaran mereka di Maktab Swasta dalam negeri ini memandangkan

bahawa ini adalah suatu usaha untuk mendapatkan wang asing.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kuasa bagi meluluskan permohonan pengecualian cukai terletak di bawah Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sesebuah sekolah/kolej swasta boleh mengemukakan permohonan untuk pengecualian cukai bagi alat-alat pendidikan sekiranya prosedur/peraturan yang ditetapkan dipatuhi dan keperluan benar-benar wujud. Permohonan untuk kclulusan pengecualian cukai alat-alat pendidikan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri melalui Kementerian Pendidikan.

Selakat ini Kementerian Pendidikan tidak menjalankan latihan iktisas/profesional untuk tenaga mengajar maktab swasta kerana kekurangan tenaga pengajar dan tempat. Tumpuan/keutamaan Kementerian Pendidikan adalah terhadap latihan iktisas untuk tenaga pengajar di sekolah-sekolah Kerajaan.

- (b) Kuasa memproses/mengeluarkan visa belajar bagi pelajar luar negeri yang ingin mendapat dan melanjutkan pendidikan mereka di kolej swasta di Malaysia adalah terletak di bawah kuasa Ketua Pengarah Imigresen.

**MANGSA KEBAKARAN/  
BENCANA ALAM—  
PENEMPATAN DI RUMAH  
PANJANG**

**43. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah mangsa-mangsa kebakaran yang telah berlaku di

antara enam bulan hingga satu tahun yang lalu di Kampong Kastam, Brickfields dan Bandar Lama Damansara akan diberi penempatan yang sempurna sama ada rumah panjang atau rumah pangsa; dan

- (b) bilakah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan tempat penginapan sementara berbentuk rumah panjang atau lain-lain yang dapat dipergunakan oleh mangsa-mangsa kecemasan dan bencana alam sama ada kebakaran atau banjir, selain daripada dewan-dewan masyarakat atau sekolah-sekolah.

**Timbalan Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman  
bin Mohamed):**

- (a) Mangsa-mangsa kebakaran di Kampong Kastam, Brickfields dan Bandar Lama Damansara telah ditempatkan sementara di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan. Mangsa-mangsa kebakaran ini masih tidak dapat ditempatkan dalam rumah-rumah panjang atau rumah-rumah pangsa kerana kekurangan unit-unit yang kosong serta keutamaan telah diberi kepada setinggan-setinggan yang lerlibal dengan projek-projek besar Kerajaan seperti Projek Landasan Berkembar dan Projek Tebatan Banjir. Penempatan mangsa-mangsa tersebut akan dibuat berperingkat-peringkat dan akan mengambil masa yang panjang dan bergantung kepada kekosongan rumah panjang yang ada.

- (b) Mangsa-mangsa kecemasan dan bencana alam biasanya ditempatkan di Dewan-dewan Masyarakat. DBKL tidak bercadang untuk membina rumah-rumah panjang untuk

dikhaskan kepada mangsa-mangsa bencana alam sekiranya berlaku. Pada masa sekarangpun pembinaan rumah panjang adalah mengikut keperluan iaitu dikhaskan kepada setinggan yang terlibat dengan projek Kerajaan. Walau bagaimanapun, mangsa-mangsa bencana alam ini akan ditimbangkan untuk penempatan ke rumah panjang tertakluk kepada kekosongan yang ada.

#### SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN— RANCANGAN PENEMPATAN

**44. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan mengadakan skim-skim atau perancangan yang tertentu bagi mengatasi masalah penempatan semula selinggan-setinggan di-Wilayah Persekutuan terutama sekali perkampungan setinggan yang tumbuh dengan pesat dan melibatkan pendatang-pendatang asing;
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk mendapatkan kerjasama daripada Kedutaan dan/atau Kerajaan-Kerajaan asing yang tertentu untuk mengatasi masalah perumahan bagi warganegara mereka yang ramai datang ke negara kita untuk bekerja; dan
- (c) memandangkan pesatnya pertumbuhan tapak-tapak perumahan setinggan di Wilayah Persekutuan dan daerah-daerah berhampiran sama ada oleh warganegara Malaysia atau warganegara asing, bilakah perkampungan setinggan dapat dibasmikan sama sekali;

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**

- (a) Kerajaan telah mempunyai skim-skim dan perancangan yang tertentu bagi mengatasi masalah selinggan warganegara Malaysia di Wilayah Persekutuan dan program ini telah berjalan sejak tahun 1960an hingga sekarang. Pembangunan kawasan setinggan dirancang dan dilaksanakan melalui pembinaan rumah kos rendah yang mempunyai kepadatan yang tinggi. Unit-unit perumahan tersebut disewa atau dijual kepada setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan pada kadar harga subsidi.

Bagi kawasan setinggan yang tidak dibangunkan dengan segera, usaha pembaikan kawasan setinggan dijalankan dengan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, dewan masyarakat, padang permainan kanak-kanak dan memperbaiki jalan-jalan masuk yang ulama.

Kerajaan tidak menyediakan program bagi setinggan pendatang-pendatang asing. Mereka tidak layak untuk mendapat keistimewaan yang diberikan kepada warganegara Malaysia. Apabila setinggan tersebut terlibat dengan projek pembangunan, rumah-rumah mereka dirobuhkan lanpa memberi apa-apa pampasan.

- (b) Memang disedari bahawa pertumbuhan setinggan-setinggan baru di Wilayah Persekutuan pada tahun-tahun 80'an dan 90'an adalah daripada warganegara asing yang bekerja di sektor pembinaan yang sangat pesat. Walau bagaimanapun, setakat ini pihak Kerajaan Malaysia belum bercadang untuk

melibatkan pihak kedutaan asing dalam menyelesaikan masalah perumahan bagi golongan setinggan ini.

- (c) Perkampungan-perkampungan setinggan di Wilayah Persekutuan yang terletak di tanah-tanah Kerajaan dan di rezab-rezab kemudahan awam semakin berkurangan kerana pembangunan yang pesat yang memaksa selinggan-setinggan tersebut dipindahkan sama ada ke rumah-rumah sementara atau rumah-rumah pangsa yang dibina oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak swasta. Program Jangka Panjang Penempatan Semula Setinggan mencetuskan supaya semua perkampungan setinggan dibangunkan dan mereka ditempatkan ke unit-unit perumahan berbagai jenis mengikut kemampuan keluarga tersebut sehingga Kuala Lumpur bebas dari setinggan pada tahun 2000. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan akan bekerjasama secara lebih berkesan untuk mengatasi masalah perumahan setinggan terutama di daerah-daerah yang berhampiran dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Satu Jawatankuasa Penyelarasan telah dilantik untuk mengalasi isu setinggan berkenaan.

#### **PINJAMAN WANG TANPA LESEN—KEGIATAN**

45. **Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar tentang kegiatan pinjaman wang tanpa lesen yang kian berleluasa di bandar dan luar bandar;
- (b) tindakan yang diambil untuk membanteras kegiatan ini serta hasilnya; dan

- (c) sambutan institusi-institusi kewangan terhadap seruan Kerajaan supaya ditubuhkan lebih banyak cawangan bank dan syarikat kewangan di kawasan luar bandar.

#### **Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Kerajaan memang sedar mengenai adanya kegiatan pinjaman wang tanpa lesen yang sah tetapi perkara itu sukar diambil tindakan kerana pihak-pihak yang terlibat enggan melaporkan kepada pihak berkuasa untuk membolehkan Kerajaan menyiasat dan mendapatkan bukti-bukti yang lengkap mengenainya.
- (b) Sebagai usaha untuk membanteras kegiatan itu, Kementerian Kewangan akan berusaha untuk memperbaiki lagi urusan pinjaman oleh institusi-institusi kewangan berlesen bagi memastikan para peniaga boleh mendapatkan pinjaman dengan lebih mudah dan cepat. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan buat masa ini sedang mengkaji semula peranan dan fungsi Syarikat Jaminan Kredit bagi memastikan syarikat itu memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membantu para usahawan kecil dan sederhana mendapatkan sumber pembiayaan.

Di samping itu, Kementerian Kewangan juga ingin merayu kepada orang ramai supaya tidak melibatkan diri dengan kegiatan pinjaman wang tanpa lesen yang sah itu. Sekiranya mereka mempunyai projek yang benar-benar teratur, saya percaya pinjaman mereka dengan institusi-institusi kewangan berlesen akan dipertimbangkan dengan segera oleh pihak-pihak berkenaan.

(c) Mengenai seruan Kerajaan agar institusi-institusi kewangan membuka cawangan masing-masing di kawasan luar bandar atau di kawasan yang belum lagi mempunyai kemudahan perkhidmatan bank, sambutanannya setakat ini adalah menggalakkan di mana bilangan cadangan bank dan syarikat kewangan bertambah dan tahun ke tahun. Dalam tahun 1988, misalnya, cawangan bank dan syarikat kewangan di seluruh negara adalah masing-masing sebanyak 911 buah dan 486 buah. Bilangan itu masing-masing meningkat kepada:

- (i) 950 buah dan 504 buah dalam tahun 1989
- (ii) 998 buah dan 542 buah dalam tahun 1990; dan
- (iii) 1,050 buah dan 603 buah dalam tahun 1991.

#### **RUMAH KOS RENDAH— JUMLAH**

**46. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan rumah kos rendah yang dirancang untuk dibina dalam tahun 1991 dan 1992;
- (b) jumlah yang sudah siap dibina setakat ini dan dari jumlah tersebut berapakah unit rumah telah diserahkan kepada pembeli-pembeli;
- (c) apakah punca-punca yang menyebabkan kelambatan di dalam proses pembahagian jualan rumah kos rendah ini yang sering kali menyebabkan rumah yang telah siap dibina itu mengalami kerosakan; dan

(d) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

#### **Tuan Osu bin Haji Sukam:**

- (a) Pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) khususnya pada tahun 1991 lebih menumpukan kepada menyiapkan projek-projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelima (RML). Oleh itu tiada projek-projek baru yang dirancang pelaksanaannya pada tahun berkenaan. Bagi tahun 1992 pula dijangkakan sejumlah 6,137 unit akan mula dibina iaitu projek-projek di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Bagi Program Khas Perumahan Kos Rendah (PKPKR) tidak ada projek baru yang dirancang dalam tahun tersebut.
- (b) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sehingga berakhir tahun 1991 sejumlah 31,176 unit rumah kos rendah telah dapat disiapkan. Daripada jumlah itu sebanyak 23,851 unit atau 76.5% telahpun diserahkan kepada pembeli-pembeli.
- (c) Pada umumnya sebilangan kecil sahaja rumah-rumah kos rendah yang siap lewal diserahkan kepada pembeli-pembeli kerana masalah-masalah tertentu yang diantaranya termasuklah kelewatan proses pemilihan pembeli dan kadangkala disebabkan juga oleh rumah-rumah yang baru disiapkan masih perlu diperbaiki sebelum diambilalih atau diserahkan kepada pembeli. Pemilihan pembeli adalah urusan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

- (d) Antara langkah-langkah perlu bagi mengatasi masalah tersebut adalah pihak-pihak tertentu di berbagai peringkat dalam Kerajaan Negeri hendaklah mempercepatkan proses pemilihan pembeli khususnya projek perumahan awam kos rendah.

#### **FELDA—PEMBUKAAN TANAH SECARA USAHASAMA**

**47. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi memberi penjelasan mengenai:

- (a) Kememierian bercadang mengarahkan FELDA membuka tanah secara usahasama dengan syarikat perladangan besar seperti Guthrie, Golden Hope Berhad (umpamanya) secara usahasama 50-50 dan Ekuti FELDA dipcgang 'in trust' oleh FELDA bagi pihak peneroka, dan modal peneroka dibayar melalui pemberian debentur oleh FELDA, dan debentur dibayar semula melalui potongan gaji dan pemotongan dividen hasil estet;
- (b) sama ada FELDA bercadang menjalankan usaha 'downstream industries' seperti latex gloves, palm oil olein dan sebagainya dan seterusnya memasarkan barangan tersebut untuk pasaran eksport.
- (c) sama ada FELDA memberi keutamaan kepada bekas prajurit dan bekas polis menyertai rancangan tanah sebagai mengenang jasa mereka kepada negara; dan
- (d) berapa bilangan bekas polis dan bckas tentera yang menyertai rancangan tanah FELDA.

#### **Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalil bin Mohd. Yunus):**

- (a) Buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk mengarahkan FELDA membuka tanah secara usahasama dengan mana-mana syarikat perladangan swasta. Mulai Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan telah memutuskan bahawa tiada lagi pembukaan tanah baru oleh FELDA.

- (b) FELDA memang sentiasa mencari peluang-peluang pasaran baru dalam kegiatan hilirannya, terutamanya yang berkaitan dengan kegiatan sawit dan gelah. Ini dilakukan melalui Perbadanan FELDA ataupun melalui usahasama dengan syarikat-syarikat luar negeri. Hasil daripada keluaran-keluaran tersebut dipasarkan ke luar negeri atau untuk kegunaan tempatan.

Dalam industri sawit misalnya, Perbadanan FELDA ada mengeluarkan minyak makan, majerin dan ghee. Pada Julai 1989, FELDA juga mengadakan usahasama dengan Syarikat Procter & Gamble Company, Amerika Syarikat yang dinamakan FPG Oleochemicals Sdn. Bhd. ini akan mengeluarkan barangan oleokimia termasuk 'methyl esters', 'fatty alcohol' dan 'glycerine' melalui pemerosesan minyak isi sawit. Modal berbayar syarikat adalah sebanyak \$70 juta. Kilang syarikat ini terletak di Pelabuhan Kuantan dan dijangka beroperasi akhir tahun ini.

Berkenaan industri getah pula, Perbadanan FELDA menghasilkan aktiviti hiliran seperti sarung tangan pemeriksaan, selipar dan sandal. Kilang sarung tangan pemeriksaan dihasilkan

melalui Kilang Getah Perbadanan di Diah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Sarung tangan ini dijual ke luar negeri seperti Itali, Amerika Syarikat dan Jerman Barat. Pada masa ini kapasiti kilang berupaya mengeluarkan 9 juta helai sarung tangan sebulan dan keluaran akan dipertingkatkan dari masa ke semasa sekiranya pasaran memuaskan.

- (c) Pengambilan peneroka adalah terbuka kepada semua warga-negara Malaysia yang berkelayakan dan keutamaan tidak diberi kepada mana-mana pihak. Mulai tahun 1990, tiada lagi pengambilan peneroka kerana mulai 1 Januari, 1990 FELDA telah melaksanakan sistem pengurusan ladang secara syarikat. Di bawah sistem ini, peserta yang dilempangkan di ladang dikenali sebagai pekerja dan syarat pengambilan mereka adalah sama seperti pengambilan peneroka.
- (d) Bilangan pckas polis dan bekas tentera yang menjadi pencroka di rancangan adalah seramai 5,637 orang.

#### **PERANAN MALAYSIA DALAM PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

**48. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai:

- (a) peranan yang hendak dimainkan oleh Malaysia dalam konsep East Asian Economic Caucus (EAEC) dan apakah peranan Amerika Syarikat, Jepun dan Korea di dalam EAEC.
- (b) peranan "Malaysia Sejagat" dengan usaha-usaha bantuan teknikal kepada negara-negara kurang maju khususnya di rantau

Pasifik dan di Benua Afrika, bidang-bidang bantuan tcknikal dan beberapa nilai bantuan yang diberikan; dan

- (c) adakah terdapat peranan untuk Malaysia dalam menjalinkan hubungan ekonomi dengan "Commonwealth of Independent States" dan cadangan Malaysia untuk membiayai kredit negara-negara CIS.

**Tuan Chua Jui Meng:** Jawapan kepada soalan pertama berkaitan dengan Easl Asia Economic Caucus (EAEG) akan diberi bersekali apabila saya jawab soalan Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 6.5.1992.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah menyediakan bantuan teknik kepada negara-negara membangun lain yang disalurkan melalui Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM) yang telah dilancarkan pada tahun 1980. Program ini bertujuan untuk mempereratkan hubungan politik dan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara membangun di samping membantu usaha Kerajaan memperkukuhkan lagi kerjasama selatan-selatan selaras dengan dasar negara. Program ini melibatkan pemberian bantuan teknik kepada negara-negara membangun lain dalam bentuk latihan dan pakar-pakar dalam bidang-bidang di mana Malaysia mempunyai kemahiran berbanding dengan negara-negara tersebut. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah memberi penekanan kepada negara-negara tertentu termasuk negara-negara di Rantau Pasifik dan Benua Afrika.

Jenis bantuan teknik yang diberi kepada negara-negara tersebut adalah meliputi kursus-kursus dalam bidang pembangunan dan pentadbiran awam, pembangunan dan pengurusan tanah, pertanian, perikanan dan ternakan, pentadbiran dan pengurusan koperatif,

pengurusan bank dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, latihan sambil belajar yang dibiayai sepenuhnya di bawah PKTM dan juga dibiayai oleh negara-negara ketiga dan agensi-agensi antarabangsa juga telah dijalankan. Sehingga kini, jumlah peserta yang dilatih di bawah PKTM daripada negara-negara di Rantau Pasifik ialah 182 orang manakala dari benua Afrika pula ialah seramai 193 orang.

Nilai bantuan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan untuk negara-negara di Rantau Pasifik setakat ini ialah \$2.2 juta manakala bagi Benua Afrika ialah \$1.7 juta. Sementara itu, pihak Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak \$5.2 juta di bawah Tabung Afrika yang telah dibentuk oleh Negara-negara Berkecuali untuk membantu negara-negara barisan hadapan menentang dasar 'apartheid' di Afrika Selatan. Kerajaan juga telah menyediakan bantuan perumahan kepada Kongres Kebangsaan Afrika (ANC). Dengan itu jumlah keseturuhan bantuan untuk negara Benua Afrika adalah sebanyak \$6.9 juta.

Bagi menjawab bahagian ketiga soalan, saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia telah menghadiri mesyuarat Persidangan Penyelarasan Untuk Bantuan Perikemanusiaan kepada, dengan izin, "Commonwealth of Independent States" (CIS) di Washington DC pada 22-23 Januari, 1992 yang bertujuan membincangkan bantuan-bantuan yang boleh diberikan dalam usaha memulihkan ekonomi negara-negara yang baru merdeka daripada U.S.S.R. Kehadiran Malaysia di persidangan tersebut secara tidak langsung menunjukkan kesediaan Malaysia untuk menjalin hubungan ekonomi dan juga dapat untuk mengenalpasti peluang-peluang perdagangan dua hala dan kerjasama ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum pembubaran U.S.S.R. negara tersebut telah memohon

mendapatkan kemudahan kredit sebanyak US\$200 juta di bawah skim pembayaran dua hala bagi membolehkan U.S.S.R. mengimport minyak sawit Malaysia dan Malaysia pula mengimport bahan galian dan baja daripada U.S.S.R. Walau bagaimanapun, skim ini telah ditangguhkan disebabkan pembubaran U.S.S.R. Buat masa ini, belum ada kepastian dari negara mana di kalangan negeri-negeri CIS yang berkeupayaan, memandangkan kesemua negeri-negeri tersebut menghadapi masalah kewangan.

### SEKOLAH AGAMA—ASAS PEMBINAAN

**49. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah asas-asas yang dipakai di sesebuah negeri dalam membezakan di antara pembinaan sekolah-sekolah agama dengan hanya mengadakan kelas-kelas agama sahaja.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas-asas yang digunakan di antara pembinaan sekolah-sekolah agama dengan hanya mengadakan kelas-kelas agama ialah sekolah-sekolah agama dibina berdasarkan kepada permintaan atau keperluan orang ramai. Selain daripada itu, pembinaannya perlu mengambilkira beberapa perkara seperti lokasi dan tapak yang sesuai, tenaga pengajar, kewangan dan lain-lain.

Manakala kelas-kelas agama pula diwujudkan adalah untuk memenuhi permintaan yang segera. Biasanya kelas-kelas agama ini memerlukan satu atau dua buah kelas sahaja di peringkat awalnya. Walau bagaimanapun, sekiranya permintaan bertambah, Kerajaan akan membina sekolah-sekolah baru.

Bagi menampung bilangan pelajar yang ramai, Kementerian Pendidikan menempatkan mereka di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama.

Untuk menampung keperluan yang segera, Kementerian Pendidikan mewujudkan kelas-kelas aliran agama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan biasa.

Schubungan dengan itu, Kurikulum Baru Sekolah Menengah telahpun dapat membekalkan kualiti pendidikan agama yang setanding dengan sekolah-sekolah agama Islam yang lain. Kurikulumnya pula akan dipinda dari masa ke smasa mengikut keperluan.

### **BIDANG KUASA DAN TUGAS PASUKAN PETUGAS KHAS**

**50. Tuan Radin Malleh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bidang kuasa dan tugas Pasukan Petugas Khas (Special Task Force) yang dilubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan siapakah yang menganggotai Pasukan ini;
- (b) sejauhmanakah pasukan ini menyelesaikan masalah pendatang lanpa izin dan pelarian di Sabah; dan
- (c) sejauhmanakah pasukan ini mengenalpasti yang mana satu di antara mereka sebagai pendatang tanpa izin, pelarian dan pekerja imigran; Setakat ini berapa sudah jumlah
  - (i) Pendatang tanpa izin;
  - (ii) pelarian;
  - (iii) pekerjaan imigran, yang telah dikenalpasti dan didaftarkan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua;

- (i) Soalan bidang kuasa dan tugas Pasukan Petugas Khas (Special Task Force) telah bberapa kali ditimbulkan dan semua jawapan telah dimaklumkan. Pada 27hb November, 1989, Ahli Yang

Berhormat dari Pensiangan membangkitkan soalan yang agak sama. Apakah itu Pasukan Petugas Khas (Special Task Force) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru ini serta siapakah yang menganggotai Pasukan ini? Pada 8hb November, 1991, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru bertanyakan apakah sebenarnya 'terms of reference' Petugas Khas Kerajaan Persekutuan?

- (ii) Justru itu soalan ini didapati tidak perlu diberi jawapan yang panjang kerana perkara ini telah dijawab. Walau bagaimanapun, dengan ringkasnya, Pasukan Petugas Khas dipertanggungjawabkan dengan sepenuhnya mengenai perkara-perkara pengurusan, pengendalian dan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk mencapai matlamat ini, Pasukan Petugas telahpun menyusun satu strategi yang kemas dan padat dan mengatur program-program pendaftaran, pencegahan, penangkapan, penahanan dan pengusiran. Pasukan ini dianggotai oleh pegawai-pegawai dan anggota berbilang kepakaran dari Perkhidmatan Awam, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Imigresen.
- (iii) Bersabit dengan soalan (b) pula, Pasukan Petugas Khas telah tamat menjalankan aktiviti pendaftaran Pendatang Luar Negeri pada 13hb Ogos, 1991 dan proses mengkategorikan semua pendatang luar negeri sedang dijalankan. Sungguhpun demikian, gerakan-gerakan pencegahan dan pengusiran diteruskan ke atas semua pendatang Luar Negeri yang tidak mempunyai sebarang

dokumen dan yang terlibat dengan kes-kes maksiat, penjenayahan dan kegiatan anti-sosial.

- (iv) Walau bagaimanapun, gerakan-gerakan pencegahan dan pengusiran setakat ini menghadapi sedikit halangan kerana Pusat Tahanan Sementara yang telah diperselujui untuk disediakan oleh Kerajaan Negeri Sabah masih belum siap lagi.
- (v) Sepertimana dimaklumkan di jawapan di perenggan yang diatas, pemerosesan data hasil dari aktiviti pendaftaran sedang dijalankan untuk mengenalpasti jumlah Pendatang Tanpa Izin, Buruh Asing dan Pelarian. Justru itu, jumlah terperinci yang dikehendaki belum dapat diberi setakat ini.

#### KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR— TINDAKAN

**51. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah kenderaan memasuki Kuala Lumpur tiap-tiap hari sekarang dan menjelang tahun 2000. Apakah peruntukan dan rancangan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Bagaimanakah sistem kongsi kereta boleh dijayakan.

**Dato' Dr Suleiman bin Mohamed:**  
Jumlah kenderaan yang memasuki Kuala Lumpur setiap hari sekarang adalah sebanyak 665,000 buah. Pecahan jumlah ini adalah seperti berikut:

|           |   |                |
|-----------|---|----------------|
| Kereta    | : | 363,000        |
| Molosikal | : | 211,000        |
| Teksi     | : | 45,000         |
| Lori      | : | 20,000         |
| Bas       | : | 26,000         |
| Jumlah    | : | <u>665,000</u> |

Jumlah kenderaan yang dijangka memasuki Kuala Lumpur setiap hari menjelang tahun 2000 adalah dianggarkan 1,400,000 buah.

Dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur, pihak DBKL sedang dan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

(1) *Pembinaan Jejambat (Flyover)*

5 buah bulatan yang menjadi punca kesesakan lalulintas telahpun dipertingkatkan dengan membina jejambat. Bulatan-bulatan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Bulatan Jalan Cheras
- (b) Bulatan Batu 5 1/2 Jalan Cheras
- (c) Bulatan Jalan Kampong Pandan/Jalan Tun Razak
- (d) Bulatan Jalan Tun Razak/Jalan Pahang
- (e) Bulatan Edinburgh

(2) *Melebar dan Memperbaiki Jalan-jalan Yang Sedia Ada dan Membina Jalan-jalan Barit*

Di antara jalan-jalan ulama yang telah dilebar dan diperbaiki ialah:

- (a) Jalan Raja Chulan
- (b) Jalan Ampang
- (c) Jalan Gombak
- (d) Jalan Sentul
- (e) Jalan Genting Kelang
- (f) Jalan Puchong (Fasa 1 & 2 telah siap dan Fasa 3 & 4 akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keenam),

Di antara cadangan-cadangan jalanraya baru yang telah dikenalpasti ialah:

- (a) Jalan "Eastern Route" dari Jalan Imbi ke Jalan Genting Kelang di sebelah timur Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur. (Rekabentuk sedang dijalankan).

(b) Jalan Lingkaran Tengah II (dahulu dinamakan Outer Ring Road) di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (Rekabentuk sedang dijalankan).

(c) Jalan "Northern Route" dari Jalan Pahang ke Jalan Ulu Klang yang akan melalui Taman Air Panas dan Taman Sctiawangsa. (Dalam kajian)

(d) Lebuhraya "East-West Link" dari jalan Cheras (Taman Connaught) hingga Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban (Kerja pembinaan akan dijalankan pada tahun hadapan).

(3) *Memperbaiki Persimpangan-persimpangan Jalan*

Beberapa persimpangan-persimpangan jalan telah dilebarkan untuk memperbaiki pengaliran lalulintas iaitu:

(a) Jalan Ipoh/Jalan Perhentian

(b) Jalan Sentul/Jalan Sentul Sehaluan

(c) Jalan Damansara/Jalan Kepong

(d) Jalan Scmarak/Jalan Padang Tembak

(e) Jalan Cheras/Jalan masuk ke Taman Segar

(4) *Cadangan Projek-projek Pengangkutan Awam*

Beberapa projek-projek sistem pengangkutan awam telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala

Lumpur. Antara projek-projek yang utama adalah seperti berikut:

(a) Sistem Transit Laju Ringan (LTR)

(b) Sistem Monorel

(c) Sistem Rel Komuter (KTM Double Tracking)

(d) Memperbaiki mutu perkhidmatan sistem bas.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Pusat telah memperunlukkan sejumlah \$34 juta kepada DBKL untuk melaksanakan projek-projek bagi mengurangkan kesesakan lalulintas. Di samping itu, DBKL melalui caruman hasil sendiri telah memperuntukkan sejumlah \$26 jula untuk menjalankan projek-projek yang berterusan seperti membaiki jalan-jalan bagi tahun 1992, Bagi cadangan-cadangan pembinaan jalan baru yang akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$204 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi projek pengangkutan awam pula, \$500 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi projek Sistem Transit Laju Ringan dan lain-lain keperluan bagi memenuhi pengangkutan rel di Kuala Lumpur. Sementara Sistem Metrolink dan Monorel pula Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara penswastaan.

Sistem berkongsi kerela dijangka merupakan satu penyelesaian jangka pendek bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang dihadapi oleh bandaraya Kuala Lumpur. Pihak Kerajaan akan menetapkan prosidur-prosidur bagi menentukan sistem berkongsi kereta boleh dijayakan iaitu:

(i) Pada peringkat permulaannya Kerajaan akan menggalakkan pemilik-pemilik kereta untuk melibatkan diri dalam sistem ini.

Galakan ini terlebih dahulu dilaksanakan oleh kakitangan sektor awam dan kemudiannya meliputi kakitangan sektor swasta.

- (ii) Seterusnya Kerajaan akan mengadakan polisi-polisinya dengan tujuan menghadkan penggunaan/kemasukan kereta-kereta ke pusat bandar Kuala Lumpur.
- (iii) Berbagai bentuk insentif akan dipertimbangkan kepada sesiapa yang terlibat dalam usaha mencapai kejayaan sistem ini.

Kejayaan sistem berkongsi kereta ini amat bergantung kepada penerimaan dan kerjasama daripada pemilik-pemilik kenderaan. Sekiranya pemilik kenderaan bekerjasama projek ini boleh berjaya.

**PINJAMAN PERUMAHAN  
KERAJAAN—KELAMBATAN  
MENANDATANGANI  
SURATCARA**

**52. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Surat cagaran pinjaman perumahan dan surat pelepasan cagaran sebelum didaftarkan di Jabatan Tanah dan Ukur adalah perlu ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan ini telah mendatangkan kelambatan; dengan itu adakah Kementerian bercadang agar dokumen-dokumen ini boleh ditandatangani oleh Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan atau Kementerian Kewangan inkorporate;
- (b) Adakah Menteri sedar yang kelambatan pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menandatangani surat cagaran dan surat Pelepasan Cagaran telah mengakibatkan kerumitan yang amat sangat kepada pemaju,

penjual dan pembeli rumah menerusi pinjaman perumahan Kerajaan; adakah kajian menyeluruh untuk memperbaiki sistem Pinjaman Perumahan Kerajaan dibuat atau menambah bilangan pegawai-pegawai yang berkuasa menandatangani dokumen-dokumen ini; dan

- (c) Adakah Kementerian sedar yang pihak Perbendaharaan telah menghapuskan sistem pinjaman Perumahan dengan cara Suratjanji Pinjaman (loan agreement) dan Suratjanji Penyerahan Hak (dead of Assignment) untuk mengeluarkan pinjaman dengan menggantinya dengan satu sistem cagaran terdaftar (registered Memorandum of Charge) sahaja, ini telah menghapuskan hampir semua pemaju Bumiputra di Sarawak? Dan apakah matlamat Kerajaan sebenarnya? Kenapa kajian terperinci tidak dibuat sebelum perkara ini dilaksanakan.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Kuasa untuk menandatangani suratcara cagaran dan suratcara pelepasan cagaran bagi pinjaman-pinjaman perumahan Kerajaan adalah terletak dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan "Federal Lands Commissioner Ordinance 1957" bagi pinjaman-pinjaman perumahan negeri Sarawak dan Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan yang diberi kuasa di bawah Ordinan "Minister of Finance (Incorporation) Ordinance, 1957" bagi pinjaman-pinjaman perumahan Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana Ordinan "Minister of Finance (Incorporation) Ordinance, 1957" tidak terpakai bagi negeri Sarawak (termasuk juga bagi Sabah), dan pada masa

sekarang hanya "Federal Lands Commissioner Ordinance 1957", terpakai bagi Negeri Sarawak (termasuk juga bagi Sabah). Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengubah peraturan yang sedia ada kerana setelah mengkajinya sitem yang sedia ada adalah memadai.

- (b) Kementerian sedar terdapat kelewatan kerana perlu mematuhi peraturan dan kehendak-kehendak undang-undang yang sedia ada, termasuk Kanun Tanah Sarawak (Sarawak Cap. 81), yang tidak dapat dielakkan. Kementerian Kewangan telah berbincang dengan pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan tentang masalah kelambatan menandatangani suratcara-suratcara urusan itu dan langkah-langkah secara 'administrative' telah diambil untuk mengurangkan lagi masa yang diambil itu, Walau bagaimanapun, masalah ini dijangka akan dapat diatasi secara menyeluruh menerusi program yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan untuk melaksanakan sistem komputer bersepadu memproses permohonan pinjaman perumahan yang dijangka dimulakan pada tahun 1993.

- (c) Kementerian sedar bahawa mulai 1hb Julai, 1987 Perbendaharaan tidak lagi meluluskan pinjaman bagi jenis rumah yang bertanah yang tidak mempunyai hakmilik berasingan. Oleh yang demikian, jaminan terhadap pinjaman-pinjaman perumahan yang diluluskan adalah dengan cara gadaian pertama perundangan dengan menggunakan suratcara "Memorandum of Charge" dan bukan dengan cara Surat Ikatan Penyerahanhak dan Perjanjian Pinjaman yang sebelum tarikh

tersebut itu digunakan untuk hartanah yang belum lagi mempunyai hakmilik berasingan, dan didapati bahawa jaminan dan kepentingan Kerajaan adalah tidak kukuh dan terjejas jika dibandingkan dengan jaminan secara pendaftaran "Memorandum of Charge". Peraturan yang dirangka itu adalah peraturan yang seragam yang terpakai bagi negeri Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Peraturan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965) di Semenanjung Malaysia manakala di Sarawak ianya adalah mengikut Kanun Tanah Sarawak (Sarawak Cap.81) yang keduanya berlandaskan kepada sistem "Torrens". Peraturan ini juga telah dirangka bertujuan untuk menjamin kepentingan peminjam-peminjam yang kerap kali menjadi mangsa penipuan dan penyelewengan pemaju-pemaju dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

#### **PEMALSUAN KAD PENGENALAN—HUKUMAN**

**53. Tuan Philip Yong Chew Lip** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kes pemalsuan kad pengenalan biru Malaysia semakin meningkat di Sabah pada khususnya, dan Malaysia pada atnnya:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk memindahkan undang-undang Pendaftaran Negara supaya mereka yang terlibat bolch dijatuhkan dengan hukuman yang berat; dan
- (b) dapatkah Kementerian berkenaan mempercepatkan langkah-langkah ketat yang telah dicadangkan supaya kes

pemalsuan kad pengenalan biru dapat dibendung dan dikawal.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk meminda undang-undang Pendaftaran Negara kerana peruntukan hukuman mengenai kesalahan tersebut adalah memadai. Seseorang yang sabit kesalahan memalsukan kad pengenalan boleh dikenakan penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$3000, atau kedua-duanya.
- (b) Program Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) adalah cara yang paling efektif untuk membanteras kegiatan pemalsuan kad pengenalan.

**SISTEM SARAN BARU—  
KAJIAN**

**54. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah dakwaan yang mengatakan bahawa sistem SSB hanya memberi manfaat yang lebih kepada segelintir kumpulan atasan sahaja daripada kumpulan bawahan itu benar. Apakah suatu kajian dibuat untuk memastikan keadaan ini tidak menjejaskan tahap produktiviti di dalam birokrasi Kerajaan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sistem Saran Baru (SSB) yang dilaksanakan oleh Kerajaan dibentuk berasaskan prinsip-prinsip yang teratur yang mengambil kira faktor-faktor pengurusan personel dan organisasi yang praktikal. Dengan itu, soal memberi faedah lebih atau kurang sepatutnya tidak timbul sekiranya isu tersebut dilihat dalam konteks kepentingan pekhidmatan dan organisasi.

Salah satu strategi jangka panjang Kerajaan dalam mempertingkatkan keupayaan sektor awam ialah mewujudkan dan meningkatkan daya kepimpinan

pengurusan dalam agensi-agensi awam. Untuk itu, struktur saaran baru dibentuk dengan objektif menarik, mendorong dan mengekal anggota berpengalaman yang benar-benar berkaliber tinggi bagi menerajui sektor awam. Begitu juga dengan anggota di peringkat lain, struktur saaran mereka dibentuk dengan tujuan-tujuan tertentu yang akan memberi manfaat bagi perkhidmatan awam keseluruhannya.

Kajian sememangnya dibuat dari masa ke semasa untuk menilai pelaksanaan aspek-aspek tertentu di bawah Sistem Saran Baru bagi tujuan meningkatkan keberkesannya.

**KESEDARAN UNDANG-UNDANG  
DI KALANGAN WANITA—  
MEMPERTINGKATKAN**

**55. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Undang-undang menyatakan tentang:

- (a) Langkah atau perancangan bagi mempertingkatkan kesedaran tentang undang-undang (Legal Literacy Awareness) di kalangan masyarakat Malaysia terutama sekali pihak wanita di mana kesedaran atau pengetahuan ini penting supaya rakyat faham dan tahu akan hak masing-masing; dan
- (b) pernahkah bancian dijalankan mengenai tahap pengetahuan masyarakat terhadap undang-undang dan perlembagaan. Jika ada, apakah keputusan bancian tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Tan Sri Syed Jaatar Albar);**

- (a) Peningkatan kesedaran tentang undang-undang khususnya dari segi implikasinya ke atas wanita, hak-hak mereka dari segi undang-undang dan sebagainya,

dijalankan melalui ceramah, kursus dan seminar anjuran agensi-agensi Kerajaan seperti Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan juga pertubuhan-pertubuhan seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, PUSPANITA dan lain-lain. Ceramah, kursus dan seminar ini dijalankan untuk semua lapisan wanita, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Risalah-risalah juga dikeluarkan dan disebarkan kepada kaum wanita tentang perkara ini. Di samping itu, Biro Bantuan Guaman di bawah Kementerian Undang-undang melalui Klinik undang-undang memberi ceramah dan penerangan kepada penduduk di kawasan luar bandar mengenai bantuan guaman yang boleh diperolehi daripada Biro ini.

- (b) Setakat ini belum ada 'apa-apa bancian yang pernah dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan kaum wanita terhadap undang-undang.

#### **PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DALAM KURIKULUM**

**56. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Pendidikan menyatakan temang:

- (a) Perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam penggabungan kurikulum sekolah, terutama sekali selari dengan matlamat Wawasan 2020, di

mana penekanan adalah kepada mengadakan tenaga pekerja teknikal yang mencukupi bagi memenuhi kehendak sektor perindustrian; dan

- (b) apakah tindakan bagi mempertingkatkan lagi pengajian vokasional dan teknikal sena kemajuan akademik pelajar-pelajar sebagai langkah perediaan kepada Wawasan 2020.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan segala keperluan tenaga kerja teknikal di negara ini bagi memenuhi kehendak sektor perindustrian dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Selaras dengan hasrat ini, pelbagai usaha dilakukan untuk mengemaskini dan menyesuaikan kurikulum pendidikan dengan keperluan negara masa ini dan masa akan datang. Aspek-aspek vokasional dan teknologi dalam program persekolahan sedang diberikan penekanan dalam usaha menyediakan tenaga kerja yang berorientasikan perindustrian.

Di peringkat persekolahan mata pelajaran Kemahiran Manipulatif diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 1990. Matapelajaran Kemahiran Hidup pula telah dilaksanakan sejak tahun 1989 lagi di peringkat menengah rendah sementara di peringkat menengah atas beberapa matapelajaran kumpulan vokasional dan teknologi telah diperkenalkan dalam KBSM pada tahun 1992 ini.

Sebuah Jawatankuasa Penasihat Kurikulum yang terdiri daripada pakar-pakar dan ahli

akademik dalam bidang teknikal telah dibentuk menggubal kurikulum yang berhubungan dengan kursus-kursus baru berunsurkan teknologi bagi memenuhi keperluan per-industrian.

Dari segi jangka panjang, Kementerian Pendidikan sedang merangka dan memantapkan perancangan ke arah mempergiatkan pendidikan leknik dan vokasional. Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan mata-pelajaran yang bercorak teknikal dalam kurikulum menengah alas seperti pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pengajian Kejuruteraan Jentera, Lukisan Kejuruteraan dan juga Teknologi Kejuruleraan,

- (b) Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga bercadang untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah vokasional dan memperkenalkan aliran vokasional di sekolah-sekolah akademik. Pelajar-pelajar di peringkat menengah atas puta pada masa ini diberikan pilihan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu mata-pelajaran dalam kumpulan vokasional dan teknologi mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan pada sesi 1991/1992. Di samping itu pelbagai rancangan dan tindakan terus menerus disusun untuk meningkatkan taraf keiktisasan dan ketrampilan guru. Kemudahan-kemudahan juga akan terus dipertingkatkan di semua sekolah di seluruh negara sebagai langkah persediaan kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020.

### KEPUTUSAN TERHADAP PARA PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH

**57. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan terhadap para pendatang tanpa izin yang terdapat di negeri Sabah. Kalau sudah, apakah keputusan itu.

**Tuan Ong Ka Ting:** Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan mempunyai dasar yang telah ditetapkan terhadap Pendatang Asing yang masuk secara haram ke negara ini. Dasar tersebut menetapkan bahawa mereka adalah tertakluk kepada tindakan penangkapan, pendakwaan dan penghantaran balik ke negara asal masing-masing. Dasar ini meliputi semua negeri di Malaysia ini termasuklah Sabah.

### LAPANGAN TERBANG BARU SIBU—KELEWATAN PEMBINAAN

**58. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada benar dan sama ada Menteri sedar bahawa kerja pembinaan lapangan terbang baru Sibu telah terlewat seperti yang semasa lawatan ke tempat tersebut oleh Yang Amat Berhormat Datuk Amar Dr Wong Soon Kai, Timbalan Ketua Menteri sereta Menteri Pembangunan Infrastruktur Sarawak baru-bani ini. Menurut ulasan yang dibuat, peratusan sasaran siap ialah 40% tetapi kerja yang siap sebenarnya hanyalah mencapai 23%. Sehubungan itu, semasa pemeriksaan di kawasan tersebut, saya (sebagai seorang kumpulan ahli lawatan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Amar Wong) menyaksikan bahawa tidak banyak jentera berat bekerja di kawasan tersebut; dan

- (b) jika laporan daripada Penasihat Jurulera Kerajaan itu belul, apakah langkah segera yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki kelewatan ini kerana penduduk-penduduk Sibul khususnya, tidak sabar untuk melihat lapangan terbang baru Sibul siap tepat pada masanya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Sehingga akhir April 1992, kerja-kerja pcmbinaan Lapangan Terbang Baru Sibul telah mencapai 28% siap.
- (b) Walaupun projek ini mengalami kelewatan, usaha sedang dijalankan mempercepatkan lagi pelaksanaan projek. Dalam hal ini beberapa langkah tertentu telah diambil seperti mengarahkan kontraktor mengambil lebih ramai pekerja dan menambahkan lagi waktu bekerja (working hours) dengan mengadakan syif kerja.

**HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA—AFRIKA SELATAN**

**59. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha diplomatik yang sedang dan akan diambil bagi hubungan negara kita dengan Afrika Selatan dan istimewa sekali selepas undian membasmikan 'apartheid'.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Buat masa ini, walaupun terdapat beberapa perkembangan politik yang menggalakkan, khususnya selepas undian positif di referendum pada 17hb Mac, 1992 yang lalu, Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa perkembangan-perkembangan tersebut masih belum mencukupi untuk membolehkan Malaysia mengadakan hubungan rasmi dengan Afrika Selatan. Walaupun

demikian, Kerajaan Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan baru di Afrika Selatan.

Sehubungan dengan ini Kerajaan Malaysia akan mengkaji pendirian kita terhadap Afrika Selatan dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa pendirian tersebut adalah selaras dengan perkembangan di Afrika Selatan.

**PAJAK GADAI SECARA ISLAM (AR-RIHAN)—MEWUJUDKAN**

**60. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau berhasrat untuk mengkaji pelaksanaan Ar-Rihan iaitu pajak gadai secara Islam yang baru dimulakan di Kelantan sebagai usaha membantu orang-orang miskin di luar bandar yang selama ini banyak bergantung kepada pajak gadai; dan
- (b) jika ya, bila kajian itu dimulakan dan bilakah ia mungkin dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Pusat mcmang berhasrat mewujudkan Institusi Ar-Rihan atau pajak gadai secara Islam.
- (b) Kerajaan Pusat berpendapat bahawa Institusi Ar-Rihan atau pajak gadai secara Islam ini sesuai diwujudkan di peringkat negeri-negeri kerana di situ terdapat kemudahan perhubungan dengan orang ramai. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan pada tahun 1979 untuk mengkaji kemungkinan pengwujudan institusi berkenaan. Jawatankuasa tersebut

telahpun menyediakan deraf peraturannya dan mengedarkannya ke negeri-negeri termasuk negeri Kelantan Darul Naim untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, setakat ini dua buah Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan Institusi Ar-Rihan iaitu Negeri Trengganu Darul-Iman dan Kelantan Darul Naim.

### **PENINDASAN TERHADAP UMAT ISLAM KASHMIR—BANTUAN PERIKEMANUSIAAN**

**61. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Luar Negeri menyalakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar mengenai penindasan yang berterusan dilakukan oleh Kerajaan India terhadap umat Islam Kashmir;
- (b) apakah Malaysia bercadang menghulurkan sokongan dan bantuan kemanusiaan terhadap umat Islam Kashmir yang tertindas itu.

**Dato' Dr Abdulhah Fadzil bin Che Wan:** Soalan mengenai pendirian Kerajaan Malaysia di dalam isu Kashmir telahpun saya jawab pada 30hb April, 1992 yang lalu. Walau bagaimanapun, saya sekali lagi ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa penyelesaian kepada isu Kashmir yang dipertikaikan itu hanya boleh diselesaikan melalui rundingan dan secara aman.

Soal bantuan perikemanusiaan akan dipertimbangkan bila keadaan memerlukan.

### **KLINIK DESA/HOSPITAL DI KAWASAN SELANGAU, SARAWAK—CADANGAN PEMBINAAN**

**62. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Kesihatan menyatakan

sama ada pembinaan Klinik Desa dan Hospital di Kawasan Parlimen Selangau, Sarawak seperti di bawah ini telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keenam:

- (a) Klinik Desa Data Ulu Kakus di Daerah Tatau;
- (b) Klinik Desa Lubok Kubong, Kakus di Daerah Tatau;
- (c) Klinik Desa Naga Muput, Ulu Anap di Daerah Tatau;
- (d) Hospital Kecil di Nanga Sangan, Ulu Anap di Daerah Tatau;
- (e) Klinik Desa, Nanga Arau di Daerah Mukah;
- (f) Klinik Desa Nanga Pakoh, Ulu Oya di Daerah Dalat; dan
- (g) Hospital Daerah Pekan dan Selangau, di Daerah Mukah.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Cadangan kemudahan-kemudahan kesihatan berikut tidak ada dimasukkan dalam perancangan Rancangan Malaysia Keenam:

- (a) Klinik Desa Lubok Kubong, Kakus di Daerah Tatau;
- (b) Klinik Desa Nanga Muput, Ulu Anap, di Daerah Tatau;
- (c) Hospital Kecil di Nanga Sangan, Ulu Anap, di Daerah Tatau;
- (d) Klinik Desa Nanga Arau, di Daerah Mukah;
- (e) Klinik Desa Nanga Pakoh, Ulu Oya, di Daerah Dalat;
- (f) Hospital Daerah Pekan dan Selangau di Daerah Mukah.

Untuk Klinik Desa Dala Ulu Kakus di Daerah Tatau, tidak ada cadangan disyorkan tetapi ada cadangan untuk perolehan tanah untuk Klinik Desa Kampung Data, di Daerah Tatau.

**DISIPLIN HAKIM—  
KENYATAAN KETUA  
HAKIM NEGARA**

**63. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bersetuju dengan kenyataan Tun Abdul Hamid Omar bahawa terdapat Hakim-hakim yang tanpa keperluan telah melewati keputusan dan gagal memberi keputusan bertulis dalam kes-kes Mahkamah yang menunggu rayuan; berapa ramai Hakim-hakim yang terlibat; dan
- (b) apakah bentuk tindakan yang akan diambil terhadap Hakim-hakim yang demikian.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**

- (a) Badan Kehakiman adalah bebas dan Ketua Hakim Negara, selaku Ketua Pcntadbir dalam Badan Kehakiman mempunyai kuasa penuh dan budibicara serta kemahiran untuk membaiki pentadbiran Kehakiman.

Oleh itu, Kerajaan melihat kenyataan Ketua Hakim Negara tersebut adalah sebagai usaha beliau untuk membaiki sikap dan disiplin Hakim-hakim.

- (b) Disiplin Hakim adalah dalam bidangkuasa Ketua Hakim Negara dan tidak boleh diperbahaskan dalam Majlis Parlimen. Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

"Kelakuan seseorang Hakim Mahkamah Agung ' atau Mahkamah Tinggi tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan suatu usul yang tersendiri dan notis mengenai-

nya telah diberi oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu, dan juga tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Dewan Negeri".

**PENGHARAMAN PARTI ISLAM  
FIS—PENDIRIAN MALAYSIA**

**64. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Malaysia terhadap pembatalan pilihanraya pusingan kedua tersebut dan pengharaman parti Islam FIS, sama ada ianya merupakan suatu pencabulan hak rakyat dan tidak demokratik serta bertentangan dengan deklarasi hak asasi manusia dan piagam Bangsa-bangsa Bersatu;
- (b) adakah Malaysia mengiktiraf pembentukan Majlis Tertinggi Negara yang dipengerusikan oleh Mohamed Boudiaf yang disifatkan oleh FIS sebagai 'rompakan politik'. dan
- (c) apakah Malaysia bersedia memainkan peranan untuk mempengaruhi pandangan dunia bagi mengenakan tekanan antarabangsa supaya pihak berkuasa Algeria memulihkan kebebasan dan hak rakyatnya sendiri.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soalan ini telahpun dijawab pada 28.4.1992 la'u. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campurtangan di dalam hal ehwal (domestic affairs) sesebuah negara. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengikuti setiap perkembangan yang berlaku di dalam negara tersebut.

**ANCAMAN AMERIKA  
TERHADAP LIBYA—  
PENDIRIAN MALAYSIA**

**65. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Malaysia berhubung dengan tekanan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat menggunakan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Libya berikutan dengan isu dua rakyat Libya yang didakwa terlibat dalam serangan
  - bom pesawat Pan Am di ruang angkasa Lockerbie, Scotland pada tahun 1988;
- (b) oleh kerana terdapat ancaman yang begitu ketara dari Amerika terhadap Libya, adakah Malaysia akan mengulangi pendirian untuk menyetujui serangan ke atas Libya melalui suatu ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu jika Amerika menyeret dunia ke arah itu; dan
- (c) adakah Malaysia selaku anggota OIC berpendapat bahawa OIC perlu bertindak segera untuk memastikan rancangan Amerika untuk menjahanamkan sebuah lagi negara umat Islam dapat dibendung dan dipatahkan melalui forum-forum antara-bangsa. jika ya, bilakah langkah tersebut diambil; jika tidak, mengapa.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Malaysia sebagai sebuah negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menjelaskan kekesalan kita atas tekanan yang merupakan sekatan (sanctions) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke atas Libya, kerana tindakan tersebut dibuat agak tergesa-gesa memandangkan usaha-usaha diplomatik sedang dijalankan antara

beberapa pihak bagi mencari jalan penyelesaian ke atas isu tersebut.

- (b) Pendirian kttta adalah jelas. Penyelesaian satu-satu konflik antara negara hendaklah dibuat melalui perundingan secara aman tanpa perlu menggunakan tindakan ketenteraan. Oleh itu, kita berharap isu tersebut akan dapat diselesaikan secara aman tanpa menggunakan kekerasan ke atas Libya.
- (c) Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Singan Kemuncak Keenam di Dakar, Senegal yang lalu telah mengambil ketetapan menggesa Amerika Syarikat supaya tidak mengambil tindakan ketenteraan ke atas Libya dalam menyelesaikan isu tersebut. Sidang kemuncak itu menggesa agar isu berkenaan diselesaikan secara aman.

**OIC—PERANAN MALAYSIA**

**66. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah OIC sudah dapat memuaskan hati Kerajaan Malaysia sehingga ini;
- (b) jika tidak, apakah langkah-langkah yang Malaysia patut cadangkan dan lakukan supaya ia dapat membela nasib dan masalah umat Islam dalam berdepan dengan isu antara-bangsa; dan
- (c) jika ya, sila jelaskan apakah alasannya.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan;** Malaysia sebagai salah sebuah negara pengasas penubuhan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), telah memainkan peranan aktif dalam kegiatan-kegiatan pertubuhan tersebut. OIC yang pada peringkat awal

penubuhannya lebih menumpukan perjuangan dan kegiatan-kegiatannya atas isu-isu politik, kini telah berkembang dengan memberi perhatian kepada isu-isu ekonomi, pelajaran, kebajikan dan sosial umat Islam.

Ini merupakan satu perkembangan positif yang dapat dibanggakan. Namun begitu, sebagai sebuah pertubuhan antarabangsa, OIC sering berhadapan dengan berbagai masalah dan kekurangan. Pertubuhan tersebut mempunyai berbagai mekanisma untuk menjalankan kegiatan-kegiatannya dan melaksanakan program-program yang telah dirangka. Tetapi kadangkala pertubuhan tersebut mengalami masalah kurangnya kesungguhan politik (political will) di kalangan negara-negara anggotanya dalam melaksana dan menyelesaikan satu-satu isu itu. Di samping itu, masalah kurangnya semangat perpaduan di kalangan negara-negara anggota juga menjadi punca kurangnya keberkesanan pertubuhan tersebut dalam membela nasib umat Islam.

Selain dari itu OIC juga sering berhadapan dengan masalah kekurangan punca kewangan bagi melaksanakan berbagai rancangan yang dirangka. Kita memahami keadaan ini berlaku kerana hampir setengah daripada negara-negara anggotanya adalah terdiri daripada negara-negara miskin. Namun demikian, dengan punca kewangan yang terhad, OIC masih dapat bergerak menjalankan beberapa programnya dalam bidang-bidang ekonomi, pelajaran, kebajikan dan sosial yang dirangka bagi membela nasib umat Islam. Melalui badan-badan gabungan dan subsidiarinya, OIC telah dapat memberi latihan-latihan dalam bidang-bidang tertentu kepada umat Islam dari negara-negara anggota termasuk Malaysia. Di samping itu, sumbangan biasiswa pelajaran juga diberikan kepada penuntut-penuntut Islam melanjutkan pelajaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi yang dipilih. Bank Pembangunan Islam (IDB)

pula, sebuah institusi gabungan OIC telah berjaya membiayai berbagai-bagai projek pembangunan di negara-negara anggota termasuk Malaysia.

### KEBAKARAN MELIBATKAN BANGUNAN LAMA

**67. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) Langkah segera yang diambil bagi mengatasi masalah kebakaran khususnya bangunan-bangunan di negara ini yang mana sejak kebelakangan ini semakin banyak dan kerap berlaku; dan
- (b) Kejadian-kejadian yang lelah berlaku sejak 3 tahun lepas dan jumlah nilai kerugian yang telah dialami.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:**

- (a) Ada tanda-tanda yang menunjukkan kebelakangan ini kebakaran sedang meningkat sedikit-sedikit. Kebakaran ini kebanyakannya melibatkan bangunan-bangunan lama. Bagi maksud membendung peningkatan ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba mengambil langkah-langkah segera seperti berikut:
  - (i) Meningkatkan tahap perlindungan kebakaran ke atas bangunan-bangunan lama/sedia ada melalui pemeriksaan - pemeriksaan bagi maksud peningkatan taraf (upgrading) sistem perlindungan kebakaran.
  - (ii) Meningkatkan pemeriksaan bagi maksud sokongan perlesenan 'trade and industry' yang dilakukan bagi memcnuhi

keperluan pihak-pihak berkuasa tempatan dan 'licensing authority' yang berkaitan.

- (iii) Berusaha mengukuhkan bahagian penguatkuasaan dengan menyusun semula struktur organisasi bagi memungkinkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- (iv) Berusaha mengurangkan bahaya kebakaran melalui pemeriksaan mengejut/berdasarkan aduan dan mengeluarkan arahan-arahan bagi maksud penghapusan bahaya-bahaya kebakaran.
- (v) Berusaha mengukuhkan kawalan ke atas premis-premis yang mempunyai "life hazard" yang tinggi dengan menyenaraikan sebagai "designated premises" yang memerlukan perakuan bomba (fire certificate) untuk beroperasi.
- (vi) Meningkatkan usaha-usaha ke arah menyedarkan masyarakat mengenai bahaya-bahaya kebakaran melalui program pembelajaran awam dan aktiviti kempen mencegah kebakaran.
- (b) Jumlah kejadian kebakaran yang melibatkan bangunan dan kerugian-kerugian yang dialami bagi tempoh 3 tahun lepas adalah seperti berikut:

|                             |                 |
|-----------------------------|-----------------|
| Jumlah kejadian 3 tahun     | 5.857 kes       |
| Jumlah kerugian 3 tahun     | \$1,635.47 juta |
| Jumlah diselamatkan 3 tahun | \$3,497.50 juta |

## INFLASI—LANGKAH MENGURANGKAN

**68. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi yang dijangka akan meningkat di negara ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru lelahpun saya jawab serentak dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Santubung pada 30.4.92. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulanginya.

## ORANG KENAMAAN MELARIKAN CUKAI— JUMLAH TANGKAPAN

**69. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah tangkapan dibuat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ke atas VIP yang melarikan cukai bagi tempoh 1986, 1987, 1988, 1989, 1990 dan 1991 sehingga April, 1992. Sila nyatakan juga jenis barangan yang dilarikan cukai daripada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Mengikut rekod Jabatan Kastam, setakat ini belum ada sebarang tangkapan dibuat ke atas orang kenamaan (VIP) yang cuba melarikan cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi tempoh 1986 sehingga April, 1992.

## TUNTUTAN KE ATAS PULAU BATU PUTEH, PULAU SIPADAN DAN LIGITAN DAN KEPULAUAN SPRATLY

**70. Tuan Liew Ah Kim** meminta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada taporan mengenai Pulau Batu Puteh yang disiapkan mengikut kenyataan Peguam Negara akan dibentangkan di Parlimen.

21.5.1992

**47. Tuan Liew Ah Kim** meminta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada tuntutan China ke atas kepulauan Spratly dan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan memberi ancaman kepada Malaysia. Nyatakan sama ada:

- (a) Perundingan mengenai sempadan dengan negara berkenaan sudah dibuat pada peringkat tentera, diplomat atau Kerajaan; dan
- (b) Malaysia sudah membuat cadangan kepada negara-negara berkenaan supaya menggugurkan tuntutan tersebut.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Tuan Liew Ah Kim pada 21.5.1992.

Buat masa sekarang, adalah difikirkan tidak wajar Memorandum tersebut dibentang di Parlimen kerana proses rundingan sebenar dengan Kerajaan Singapura belum dimulakan.

Berhubung dengan isu tuntutan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan, kedua-dua negara telah bersetuju di peringkat paling tinggi untuk menyelesaikan isu ini secara aman dan damai melalui rundingan diplomatik berdasarkan sikap setiakawan ASEAN. Oleh itu, saya yakin satu penyelesaian boleh dicapai tanpa menjejaskan hubungan baik kedua-dua negara.

Isu tuntutan Indonesia ke atas kedua-dua pulau tersebut sedang dibincangkan oleh Mesyuarat Suruhanjaya Malaysia-Indonesia. Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama yang berlangsung di Kuala Lumpur dalam bulan Oktober, 1991 telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja Bersama mengenai Pulau Sipadan dan Ligitan untuk merundingkan isu ini selanjutnya.

Berhubung dengan hakmilik Malaysia ke atas pulau di Laut China

Setatan, Malaysia telah menolak tuntutan hakmilik oleh negara-negara lain termasuk tuntutan Negeri China. Bagaimanapun, sejajar dengan undang-undang antarabangsa dan Konvensyen Undang-undang Laut 1982, Malaysia bersedia mencari penyelesaian ini secara aman dan damai melalui rundingan di kalangan negara-negara terlibat. Malaysia juga menyeru akan negara-negara tersebut tidak menggunakan kekerasan klenteraan untuk menyelesaikan isu ini atau cuba mengukuhkan tuntutan mereka.

Negeri China telah menyatakan kesediaannya berbincang mengenai perkara ini dan mencadangkan usahasama secara dua hala. Malaysia akan mcmulakan rundingan dengan Negeri China dan negara-negara terlibat apabila sampai masa yang sesuai.

#### JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG—PERANAN

**71. Puan Lim Lay Hoon** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerianya bersetuju bahawa JKKK (Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung) yang memainkan peranan penting untuk mempertingkatkan kemajuan kampung dan memastikan keamanan di kalangan penduduk-penduduk haruslah juga diperkenalkan kepada kebun-kebun kecil supaya mereka yang ketinggalan pembangunan kerana tiada pihak yang tertentu dapat menyalurkan masalah-masalah mereka. Taraf ladang atau estet tidak sepatutnya menjadi halangan untuk mewujudkan JKKK.

**Tuan Othman bin Abdul:** Soalan yang hampir sama telah dijawab dalam Dewan Negara pada 26hb Mac, 1990 dan 26hb Disember, 1991. Telah dimaklumkan bahawa setakat ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membah-

kan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang khas di estel-eslet atau di kebun-kebun kecil. Ini ialah kerana pengusahapengusaha kebun-kebun kecil biasanya tinggal di kampung-kampung yang berhampiran dan kepentingan mereka boleh diwakili oleh JKKK berkenaan. Kepentingan pekerja-pekerja ladang pula diawasi oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Manusia. Perlu juga dimaklumi bahawa kuasa menubuh JKKK dan perlantikan ahli-ahlinya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**LOJI PENAPISAN MINYAK  
PETRONAS DI MELAKA—  
KEMAJUAN DAN KUOTA**

**72. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Perdana Menteri mcnyatakan:

- (a) setakat hari ini sejauhmanakah kemajuan kerja-kerja pembinaan Loji Penapisan Minyak Petronas di Melaka;
- (b) berapa peratuskah kuota yang ditetapkan oleh Petronas bagi semua jenis kerja dalam pembinaan loji tersebut untuk syarikat-syarikat Bumiputra tempatan (Melaka); dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan supaya kuota yang ditetapkan itu dapat dipenuhi.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**

- (a) Kontrak bagi pembinaan loji penapisan minyak PETRONAS di Melaka yang dimeterai pada bulan September, 1991 terbahagi kepada dua pekej, iaitu Loji Penapis dan Jeti Marin. Bagi Loji Penapis, kemajuan yang telah dicapai pada keseluruhannya sehingga akhir bulan Mac, 1992

ialah 17.4%. Bagi Jeti Marin pula, pencapaian secara keseluruhan selakat penghujung Mac 1992 ialah 18.3%.

- (b) Peratus kandungan lcmpatan (local content) bagi kcdua-dua pakej sepertimana yang telah ditetapkan dalam kontrak adalah seperti berikut:
  - Untuk Loji Penapis, tidak kurang dari 28.1% dari nilai harga kontrak "Engineering, Procurement, Conslruction and Commissioning (EPCC)".
  - Bagi Jeti Marin pula, tidak kurang dari 39% dari nilai harga kontrak EPCC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun PETRONAS berusaha memberi keutamaan kepada subkontraktor-subkontraktor tempatan dari Melaka, pemilihan pada umurnnya adalah berdasarkan kepada tawaran harga yang rendah serta keupayaan subkontraktor. Setakat ini, dari 20 subkontraktor yang telah ditawarkan pelbagai kontrak, 6 adalah dari Negeri Melaka (kesemuanya syarikat Bumiputera).

- (c) Bagi memastikan supaya kuota yang ditetapkan itu dapat dipenuhi, pihak kontraktor diwajibkan menghantar laporan prestasi kepada PETRONAS dari masa ke semasa bagi tujuan pengawasan.

PETRONAS juga telah menganjurkan satu sesi taklimat penerangan mengenai peluang-peluang kerja yang boleh didapati dalam projek tersebut kepada kontraktor-kontraktor Melaka pada 10hb April, 1992 di Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.

**STADIUM MINI DI KAWASAN  
MARDI BARAM, SARAWAK—  
PEMBINAAN**

**73. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya mempunyai cadangan untuk membina sebuah stadium mini di kawasan Marudi Baram, Sarawak untuk menggalakkan golongan kaum ethnik dari pendalaman melibatkan diri secara aktif dalam sukan; dan
- (b) apakah rancangan yang telah, sedang dan akan dijalankan di seluruh negara untuk melibatkan penyertaan lebih ramai murid-murid sekolah dan masyarakat kampung di pendalaman.

**Cik Teng Gaik Kwan:**

- (a) Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan program kemudahan sukan berdasarkan permintaan yang diterima oleh Kerajaan Negeri. Daripada rekod yang tersimpan di Ibu Pejabat dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak adalah didapati belum ada permohonan untuk membina Stadium Mini di Kawasan Marudi Baram.
- (b) Untuk melibatkan penyertaan lebih ramai murid-murid sekolah dan masyarakat kampung di pendalaman beberapa program dijalankan, iaitu:
  - (i) Program Malaysia Cergas yang melibatkan berbagai aktiviti Sukan Untuk Semua, rekreasi dan kecergasan.
  - (ii) Program Belia dengan berbagai aktiviti termasuk kursus kepimpinan, latihan kemahiran, perkhemahan, pengembaraan dan Anugerah Belia Perdana Menteri yang memberi

pengiktirafan kepada belia-belia dari umur 14 tahun yang menunjukkan ke-cemerlangan.

- (iii) Program Sukan Prestasi Tinggi yang meliputi Program Latihan Bakal, Program Tunas Cemerlang dan Program Bakat Kebangsaan yang melibatkan penyertaan lebih ramai murid-murid sekolah dalam bidang sukan.

**PENGUNAAN AGENSI-AGENSI  
KERAJAAN DI DALAM SATU-  
SATU PILIHANRAYA KECIL**

**74. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar-dasar umum terhadap penggunaan agensi-agensi Kerajaan di dalam satu-satu pilihanraya kecil. Sila nyatakan nama agensi-agensi tersebut dan apakah fungsi-fungsinya sewaktu pilihanraya kecil di:

- (a) Jerlun, Kedah;
- (b) Serkam, Melaka;
- (c) Jerai, Kedah dan
- (d) Bukit Payong, Terengganu.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berbentuk politik dan dirasakan tidak wajar dijawab oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
KEBANKRAPAN (PINDAAN)**

**Bacaan kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1992; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
TIMBANG DAN SUKAT  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Amarabangsa dan Industri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
SYARIKAT (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL**

**UCAPAN TERIMA KASIH  
KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN  
AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang dilangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang lidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tunku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu

ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan." (4hb Mei, 1992)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila sambung Yang Berhormat dari Bayan Baru, 18 minit sahaja.

5.38 *ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam ucapan permulaan saya, saya telah menyentuh berhubung dengan Hari Buruh, dan saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk memberi keprihatinan secara serius terhadap sambutan Hari Buruh di negara ini.

Pekerja bukan sahaja harus diberi kelepaan umum sebagai sambutan Hari Buruh, tetapi mereka perlu diberi penghormatan, jasa-jasa mereka perlu dikenang dan Kerajaan patut mengambil kesempatan pada Hari Buruh setiap tahun untuk melihat, mengkaji segala masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja di negara ini.

Di samping itu, saya juga berharap pihak majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab selama ini terhadap pekerja-pekerja perlulah mengubah sikap dan melihat bahawa kaum pekerja adalah rakan sosial dalam pembinaan negara atau nation building jika sekiranya kita mahu melihat negara ini maju ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di negara ini kita belum melihat tindakan perusahaan yang secara besar, yang secara luas ataupun tindakan-tindakan perusahaan yang boleh menggugat ekonomi negara, tetapi ini tidak bermakna bahawa di negara ini tidak ada

masalah-masalah buruh. Masalah-masalah buruh banyak, Malahan ada masalah-masalah yang telah berlanjutan sekian lama, dan semakin negara menuju ke arah bidang perindustrian maka bertambahlah lebih masalah-masalah buruh negara ini. Masalah-masalah ini telah mewujudkan kedudukan yang tegang kadangkala antara pekerja dengan majikan dan Kerajaan. Kedudukan ini juga menyebabkan kaum pekerja di negara ini terus ditindas dan dalam keadaan yang amat mengecawakan. Ini adalah disebabkan bahawa negara kita Malaysia belum mempunyai dasar buruh dan sistem perhubungan perusahaan yang cekal, yang mantap dan yang boleh diterima sebagai satu sistem ataupun dasar yang boleh membawa kebaikan kepada negara, khususnya kepada kaum pekerja. Dengan tidak ada dasar buruh yang jelas dan mantap dan dengan tidak ada perhubungan perusahaan yang lebih bermakna, maka kita akan lihat masalah buruh akan berterusan. Jika sekiranya masalah-masalah buruh ini tidak dapat.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Bayan Baru, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya ada masa yang suntuk sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak mahu beri jalan?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong duduklah.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Disebabkan ketiadaan dasar buruh dan sistem perhubungan perusahaan yang mantap,

maka masalah buruh akan berlanjutan dan tidak hairanlah kalau ada daripada isu-isu yang besar terpaksa dikemukakan sehingga ke peringkat badan-badan buruh antarabangsa termasuk kepada peringkat Penubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini hari ini bukan dengan tujuan untuk membela kaum pemimpin-pemimpin pekerja lerulamanya dari MTUC yang kebetulannya rakan seperjuangan saya, tetapi dalam hal penubuhan Kesatuan Kebangsaan. Bagi Pekerja-pekerja Elektronik, saya dapati bahawa Menteri Buruh ataupun Kementerian Buruh tidak memainkan peranan sepertimana yang diharapkan. Sayang Menteri Buruh tidak ada di sini. Timbalan Menteri pun tidak ada di sini. Saya berani mengatakan bahawa Kementerian Buruh telah membuat kesalahan yang besar untuk membuat kecaman-kecaman peribadi kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja iaitu pemimpin-pemimpin MTUC. Tindakan Kementerian Buruh memilih secara mengecam pemimpin-pemimpin MTUC tidak akan menyelesaikan masalah, malahan akan merenggangkan lagi hubungan yang sedia ada antara pekerja dengan Kerajaan. Kalau kita lihat tentang masalah yang berkaitan dengan penubuhan Kesatuan Sekerja Elektronik, saya berani menyatakan .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong bangun lagi. Tidak beri?

**Seorang Ahli:** Tidak ada masa.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tidak ada masa. Saya berani menyatakan bahawa Menteri Sumber Manusia Dato' Lim Ah Lek telah mencetus krisis buruh kerana mencabar MTUC membawa kes pendaftaran Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Elektronik ke ILO. Tetapi pada hari ini sebaliknya Dato'

Lim Ah Lek sebagai Menteri Sumber Manusia telah menuduh pemimpin-pemimpin MTUC kononnya menghasut IMWF ataupun Kesatuan Pekerja-pekerja Logam Anlarabangsa supaya Malaysia digugur daripada keahlian ataupun keanggotaan ILO. Dato' Lim Ah Lek, Menteri Sumber Manusia, telah mengendalikan ataupun mishandled permohonan pendaftaran Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Elektronik apabila rayuan untuk dilimpangkan semula permohonan tersebut dibuat pada tahun 1989. Dato' Lim Ah Lek telah menutup rapat pintu rundingan ke atas pendaftaran kesatuan berkenaan. Menteri Sumber Manusia sebaliknya telah mencabar wakil-wakil MTUC supaya mengemukakan aduan mereka kepada ILO. Untuk menegakkan kebenarannya, Dato' Lim Ah Lek secara yang tidak bertanggungjawab telah membuat tuduhan terhadap Seliausaha Agung.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Ismail bin Said:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Poini of order, bcrapa?

**Dato' Ismail bin Said:** Seseorang Ahli tidak boleh menyebut nama Ahli yang lain dan saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Baik, saya larik balik. Untuk menegakkan kebenaran, Menteri Sumber Manusia secara yang tidak bertanggungjawab telah membuat tuduhan terhadap Seliausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja Logam ataupun dengan ringkas (MIEW), G. Rajasgaran dan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja

Industri Elektrikal (EIWU), P. Arunasalam sebagai pemimpin MTUC yang bertanggungjawab untuk menghalang Malaysia daripada menyertai persidangan Perlubuhan Buruh Antarabangsa.

Tuan Yang di-Perlu, kes penubuhan dan pendaftaran Kesatuan Kebangsaan bagi Pekerja-pekerja Elektronik telah tergantung sejak 20 tahun yang lalu. Pekerja-pekerja yang terlibat dan pemimpin-pemimpin MTUC yang tidak pernah berputus asa untuk membantu mereka setelah habis jalan, habis usaha melalui Kementerian Sumber Manusia maka terpaksa sekarang ini mengemukakan kes mereka kepada badan-badan buruh antarabangsa untuk mendapat pertolongan. Sebenarnya, ini merupakan satu kes yang mudah diselesaikan jika Kerajaan mahu. Kerajaan tidak perlu meminda sebarang peraturan atau undang-undang yang sedia ada mahupun dasar kebebasan berpersatuan yang diterima dan diamalkan di negara ini. Sebagai anggota kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Kerajaan harus menghormati kepada ILO Convention No. 87, iaitu membenarkan pekerja membuat pilihan secara bebas sama ada untuk menubuh kesatuan jenis kebangsaan ataupun jenis dalaman. Pekerja-pekerja elektronik patut diberi hak dan layanan yang sama seperti kebebasan berpersatuan yang diberi kepada pekerja-pekerja lain di negara ini yang ada antaranya telah menubuhkan kesatuan kebangsaan, ada yang menubuhkan peringkat negeri dan ada juga yang telah menubuh kesatuan dalaman. DAP menyokong penuh tuntutan pekerja-pekerja kilang elektronik dan usaha-usaha MTUC untuk membantu mereka dalam menubuh kesatuan kebangsaan, tetapi pada masa yang sama DAP tidak menyokong sebarang cadangan daripada Kesatuan Pekerja-pekerja Logam Antarabangsa ataupun IMWF kepada ILO untuk menghalang Malaysia daripada menyertai persidangan tersebut. Oleh yang demikian, saya

mendesak Menteri Sumber Manusia dengan segera memanggil mesyuarat antara pihak-pihak yang terlibat untuk menyelesaikan kes pendaftaran Kesatuan Kebangsaan bagi Pekerja-pekerja Elektronik di negara ini. Menteri Sumber Manusia tidak seharusnya membiarkan kes ini merbak sehingga menjadi krisis buruh yang terpaksa dibawa ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi sebab kenapa pekerja-pekerja elektronik mempunyai masalah yang besar dalam penubuhan kesatuan dataman walaupun Menteri Sumber Manusia begitu berbangga dengan pendaftaran enam buah kesatuan sekerja dalaman. Biar saya memberi latarbelakang bagaimanakah kedudukan kesatuan-kesatuan dalaman setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, kesatuan dalaman yang dilubuhkan di dalam sebuah syarikat yang dinamakan Harris Solid State. Kesatuan dalaman ini pada peringkat permulaannya mendapat pengiktirafan tetapi majoriti daripada pekerja-pekerja dari kilang ini lelah dilukar untuk bekerja dengan Harris Advanced Technology. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja berkenaan secara automatik telah hitang keahlian daripada Kesatuan Harris Solid State dan dengan itu tidak ada lagi wujud kesatuan yang dipanggil Harris Solid State In-house Union dan seramai 22 orang ahli kesatuan yang tertinggal di dalam Harris Solid State termasuk Presiden dan keseluruhan ahli Jawatankuasa Tertinggi Kesatuan tersebut telah dibuang kerja.

Apa yang berlaku jelas menunjukkan bahawa pihak majikan telah berjaya, bukan hanya menghalang kesatuan itu dari berfungsi tetapi tindakannya untuk membunuh kesatuan dari terus wujud di kilang berkenaan. Yang paling mendukacitakan, Menteri Sumber Manusia sekali lagi telah membuat kenyataan bahawa syarikat telah

menawarkan semula kerja kepada 22 orang yang diberhentikan kerja. Pada hal kes ini telahpun dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan dan masih menunggu perbicaraan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kes SGS Thomson Micro Electronics Sdn. Bhd. yang terdapat di Tanjung Agas, Muar. Kesatuan ini tidak diberi pengiktirafan. Presiden Kesatuan telah dibuang kerja selepas 3 minggu Kesatuan didaftar sebab memungut yuran keahlian Kesatuan dalam premis syarikat. Proses pengendalian undi sulit dijalankan bagi menentukan majoriti keahlian kesatuan tetapi pihak Eksekutif secara terang-terang telah mengugut dan menghalang ahli-ahli dari pergi untuk mengundi. Akhirnya, tidak sampai setengah daripada ahli yang memungut undi dan kesatuan tidak mendapat pengiktirafan sama sekali. Tindakan pihak majikan menunjukkan bahawa syarikat tidak mahu menerima walaupun status kesatuan dalaman dan sesiapa yang cuba menubuhkan kesatuan akan ditekan dan dibuang kerja,

Kes yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Voltronics Malaysia Sdn. Bhd., juga di Johor, tidak mendapat pengiktirafan juga. Kes yang keempat, Sietnen Sdn. Bhd. di Melaka tidak mendapat pengiktirafan yang sama. Presiden Kesatuan baru-baru ini telah dibuang kerja. Pemimpin tertinggi kesatuan yang lain diugut supaya tinggalkan syarikat setelah mendapat bayaran saguhati yang agak menarik. Ini cara layanan daripada majikan; dan kes yang kelima, Kami Electronics Sdn. Bhd. sehingga hari ini, kedudukan kesatuan itu tidak ada siapa yang boleh tahu kerana jawatankuasanya sudah jadi kalam-kabut.

Kes yang keenam, Mitsumi Electronics Sdn. Bhd. selalu disebut Menteri Sumber Manusia sebagai kesatuan elektronik tetapi sebenarnya adalah jenis kesatuan ataupun kilang elektrik. Sehingga hari ini, kesatuan

ini tidak pernah mendapat pengiktirafan. Apakah Menteri Sumber Manusia boleh membuktikan bahawa keenam-enam kesatuan yang dikatakan kesatuan dalaman telah mendapat sambutan, galakan, kerjasama dengan pihak majikan ataupun Kerajaan yang dikatakan menggalakkan kesatuan dalaman?

Ini satu kenyataan yang mengelirukan semua pihak apabila Menteri Sumber Manusia mengatakan bahawa kita telah ada 6 buah kesatuan dalaman di negara ini. Walaupun didaftar tetapi tidak berfungsi dan tidak diiktiraf. Ini satu kenyataan dan kalau berani cuba cabar kenyataan saya.

**Seorang Ahli:** Jemput, jemput.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Sumber Manusia sedar bahawa syarikat-syarikat elektronik seperti di Kulim, Kedah, Batu Pahat, Muar di Johor dan lain-lain di bandar-bandar yang kecil telah membayar upah bulanan kepada pekerja-pekerja terutamanya pekerja-pekerja wanita sehingga serendah-rendahnya \$200.00 sebulan. Ini pun saya harap cabar balik kalau saya tidak betul.

**Seorang Ahli:** Tidak berani.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Dengan kedudukan kesatuan-kesatuan dalaman yang sentiasa tertekan, upah pekerja elektronik terlalu rendah dan sikap Menteri Sumber Manusia menutup pintu perundingan dan mencabar MTUC untuk membawa kes pendaftaran Kesatuan Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Elektronik (NEWS) telah memaksa pemimpin-pemimpin MTUC berbuat demikian. Ini bukanlah dengan kehendak dan kerelaan mereka sendiri. Siapa yang patut disalahkan dalam krisis buruh seumpama ini?

**Seorang Ahli:** Menteri.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan telah benar-benar mempengaruhi penubuhan kesatuan dalaman bagi pekerja-pekerja

elektronik, mengapa pula ada rintangan dan halangan dari pihak majikan? Mengapa Kementerian Sumber Manusia tidak menggalak penubuhan kesatuan dalaman secara yang bersungguh-sungguh dan menyekat segala rintangan dan halangan untuk menubuh kesatuan dalaman. Nampaknya memang Kementerian Sumber Manusia tidak ikhlas ataupun tidak jujur ataupun kurang bertanggungjawab dalam soal pendirian penubuhan kesatuan dalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkesempatan berbincang dengan Pengarah Urusan kilang yang terbesar di Pulau Pinang, The Zon Perdagangan Bebas Pulau Pinang, Intel Technology.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta gulung perbincangan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** .... dan dalam perbincangan itu, saya dapati bahawa memang majikan-majikan di dalam kilang-kilang elektronik terutamanya daripada kilang-kilang pelabur-pelabur asing Amerika Syarikat, memang tidak mahu walaupun kesatuan dalaman, walaupun Kerajaan lulus kesatuan dalaman, walaupun pekerja-terimajuga kesatuan dalaman tetapi saya tidak nampak kesatuan-kesatuan dalaman akan tumbuh, akan hidup di negara ini melainkan Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan menimbang secara serius untuk membenarkan Kesatuan Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Elektronik didaftarkan dengan seberapa segera yang boleh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Santubong.

3.58 ptg.

**Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong):** Tuan Yang di-Pertua,

saya turut bangun untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Setar di Dewan yang mulia ini pada 28hb April yang lalu.

Saya mewakili kawasan Santubong khususnya dan rakyat Sarawak amnya merasa sungguh kagum di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Perluan Agong yang cukup prihatin akan pelbagai program pembangunan negara yang merangkumi bidang pendidikan, ekonomi, hubungan luar negeri, politik, kedaulatan negara, undang-undang dan aspek keselamatan dalam dan luar negara.

Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Perluan Agong menunjukkan masa hadapan yang cerah dan gemilang untuk rakyat negara Malaysia lebih-lebih lagi dengan adanya Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan penubuhan sebuah universiti di Samarahan, Sarawak dan juga sebuah Sekolah Latihan Perubatan di Kuching baru-baru ini.

Dengan tertubuhnya dua buah institusi pendidikan tinggi ini, dapatlah Sarawak memainkan peranan di dalam mengeluarkan para cendekiawan bagi keperluan pembangunan negara dan demi untuk membentuk masyarakat canggih, berpengetahuan dan prihatin seperti yang disarankan dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia, khususnya mengenai masalah latihan dan pembangunan kemahiran tenaga kerja. Adalah didapati beberapa masalah dihadapi oleh terutamanya pihak swasta yang selalu menghadapi kekurangan tenaga pekerja yang mahir.

Di Malaysia, seperti yang kita semua tahu bahawa jumlah penduduk adalah kurang daripada 20 juta orang dan lebih-lebih lagi di Sarawak, jumlah penduduknya adalah dalam lingkungan 1.8 juta orang. Ini sudah termasuk kanak-kanak dan orang tua, Ini bermakna kita ada tenaga kerja yang begitu kecil.

Di samping kita mempunyai tenaga kerja yang kecil, kita juga kekurangan tenaga kerja yang mahir dan berpengalaman. Ini termasuk kekurangan jurutera, juruteknik, "craftsmen" dan golongan profesional lain seperti pengurus dan jurulatih (irainers).

Kita juga kekurangan institusi latihan. Pada keseluruhannya, terdapat institusi latihan begitu terhad. Institut Latihan Perindustrian atau Industrial Training Institute, dengan izin, hanya terdapat 10 buah di seluruh Malaysia iaitu di Jitra, Perai, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka, Pasir Gudang, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan dan Labuan, Di Sarawak tidak ada langsung.

Didapati juga insentif dan peruntukan yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada masyarakat Sarawak juga adalah terhad, terutama sekali yang disalurkan untuk pembangunan industri kecil dan sederhana.

Didapati juga masalah "brain drain", dengan izin, di mana masih didapati lerutama sekali di Sarawak ramai perkerja yang mahir dan yang berpengalaman bekerja di negara-negara asing yang memberi mereka ganjaran atau gaji yang sangat lumayan jika dibandingkan dengan ganjaran yang didapati di Sarawak,

Masalah kekurangan maklumat atau lack of information, dengan izin, adalah satu masalah di mana saya rasa Kerajaan tidak menekankan sangat kepada penyiaran maklumat dengan meluasnya terutama sekali dari segi di mana hendak mendapat maklumat mengenai latihan atau institusi latihan yang menawarkan beberapa insentif mengenai perkara tersebut.

Terdapat juga masalah ketidakseimbangan kemahiran dengan keperluan industri atau, dengan izin, mismatch of skills produced. Masalah ini dihadapi oleh syarikat multi-national seperti PETRONAS, iaitu latihan asas yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan tidak memenuhi keperluan mereka yang spesifik. Ini menyebabkan tenaga kerja ini terpaksa diberi latihan semula yang melibatkan belanja yang besar dan masa terbang.

Masalah sikap, ini adalah berkaitan dengan sikap masyarakat terhadap pekerja kolar biru atau, dengan izin, blue collar workers. Kerja-kerja kolar biru dianggap pekerjaan yang mempunyai status yang rendah.

Adalah disarankan di sini beberapa cadangan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan tadi, iaitu:

- (1) Pihak Kerajaan seharusnya memperkenalkan "tax-free training" bagi pekerjaannya sekurang-kurangnya pada tempoh masa 5 tahun pertama syarikat tersebut beroperasi.
- (2) Skim pinjaman atau geran daripada bank atau Kerajaan untuk membiayai latihan.
- (3) Menyediakan kemudahan infrastruktur bagi penubuhan banyak lagi institusi latihan.
- (4) Penyediaan sistem maklumat bersepadu atau, dengan izin, integrated information system untuk membantu dalam perancangan tenaga kerja.
- (5) Ini membolehkan maklumat mudah diperolehi dari segi meramalkan permintaan dan tawaran atau, dengan izin, demand and supply tenaga kerja serta kemahiran yang diperlukan.
- (6) Mempertingkatkan R&D yang mana akan membantu dari segi memperkenalkan teknologi yang bersesuaian dengan tenaga kerja dan sebaliknya.

- (7) Menggalakkan banyak lagi "twinning programmes" dengan institusi dari luar negara di mana cara ini akan dapat menjimatkan kos dan juga dengan pihak swasta di mana penglibatan pihak swasta dapat mengendalikan latihan yang spesifik.
- (8) Pihak Kerajaan seharusnya mengurangkan red tapes yang dihadapi oleh pihak swasta atau majikan yang sedikit sebanyak telah mewujudkan halangan atau gangguan lalihan pekerja mereka.

Beberapa insentif dicadangkan seperti memberi "double deduction", dengan izin, yang menarik untuk menggalak pihak majikan mempertingkatkan lagi latihan pekerja mereka. Skim ini telah diperkenalkan dalam tahun 1987 tetapi telah menimbulkan banyak masalah lain pula. Pihak Kerajaan seharusnya mengkaji semula insentif ini untuk memperbaiki galakan latihan pekerja.

Penubuhan Tabung Pembangunan Sumber Manusia adalah sangat dialu-alukan dan diharapkan taklimat-taklimat diadakan dengan seluas-luasnya untuk memberitahu majikan tentang perlaksanaannya. Banyak persoalan telah timbul mengenai penubuhan Tabung ini serta manfaat yang dapat diperolehi dari Tabung ini. Adalah disarankan supaya masalah red tapes dapat diperkurangkan dan satu sistem pengawasan dapat diadakan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya ini adalah disarankan supaya pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Sumber Manusia menubuhkan beberapa institut lalihan perindustrian di Sarawak khasnya bagi bidang yang berasaskan petroleum, gas cecair dan kayu-kayan. Dengan penubuhan ini kelak dapatlah juga memberi peluang kepada tenaga pekerja di Sarawak mengikuti latihan dalam

bidang-bidang tersebut tadi. Institut latihan perindustrian ini juga akan memesatkan lagi pembangunan perindustrian di Sarawak, khasnya bagi kawasan saya Santubong iaitu Sejingkat Industrial Estate.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin:** Pagoh.

4.06 ptg.

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan sidang Parlimen pada 27hb April, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-IX di dalam Istiadal Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelapan pada 27hb April.1992 dengan jelas mencerminkan kepekaan dan keprihatinan Baginda Tuanku terhadap keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan di negara ini. Baginda Tuanku sebagai penaung dan payung rakyat jelata adalah merupakan lambang kepada keutuhan Perlembagaan dan perpaduan di negara ini. Rakyat menyanjung Baginda di atas hemah tinggi dan pandangan jauh yang ditunjukkan oleh Baginda.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Bagi memastikan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran dapat terus dinikmati oleh semua rakyat di negara ini, maka ia adalah menjadi tugas bersama, dengan izin, collective responsibility kepada semua pihak rakyat di dalam negara ini, lebih-tebih lagi bagi rakyat yang mengakui bahawa inilah negara tumpah darahnya. Di dalam

hal ini tidak seorangpun akan terkecuali daripada tugas dan tanggungjawab untuk negara sekalipun mereka yang di luar Kerajaan iaitu puak-puak atau pihak-pihak pembangkang. Seliap rakyat negara ini wajib bersedia untuk menghadapi apa juga bentuk ancaman sama ada dari luar ataupun dari dalam. Bagi golongan yang bersikap talam dua muka, menjadi dalang dan tali barut alau barua, dengan izin, tidak mengenang budi, menjadi penghasut dan pengacau, pada pandangan saya mereka ini patutlah dicap sebagai pengkhianat bangsa dan negara dan orang-orang seperti ini tidak sepatutnya mempunyai tempat di dalam negara ini.

Kita adalah bersama-sama dengan Kerajaan di dalam menghadapi tekanan dalam bentuk pelbagai isu yang sengaja dibangkitkan oleh golongan yang tidak senang dengan Kerajaan Malaysia dan juga oleh golongan anti-national. Berdepan dengan isu-isu ini, Kerajaan mestilah berpendirian tegas dan berani sama ada yang menyemuh soal dalaman atau di peringkat forum antarabangsa. Setakat ini pendirian Kerajaan adalah cukup jelas dan tegas serta bijaksana di dalam menangani apa juga isu yang bcrbangkit di forum antarabangsa sehingga kita berjaya muncul sebagai negara yang disegani dan dihormati serta diberi sokongan dan kepercayaan oleh negara-negara membangun.

Justeru itu, negara kita telah dapat memainkan peranan politik dan diplomatik antarabangsa yang berkesan sama ada untuk negara kita sendiri atau pihak negara-negara keliga yang sedang membangun, Tegasnya, kita tidak patut berkompromi di dalam menghadapi isu yang boleh menggugat maruah dan kedaulatan negara. Lebih-lebih lagi jika anasir-anasir jahat itu boleh menjejaskan negara terutama dari segi memporak-porandakan dan seterusnya melumpuhkan ekonomi dan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan negara dan bukan kerana kepentingan peribadi atau politik

semata-mata, wajarlah pihak-pihak yang terlibat mengambil beberapa tindakan positif. Kepada pihak-pihak penghasut yang turut menerima nikmat kemewahan hidup hasil daripada wujudnya keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara patutlah bersikap mengengang budi dan berterima kasih. Hentikanlah perbuatan menimbulkan isu-isu perkauman yang membangkitkan kemarahan dan rasa tidak puas hati, perkauman iaitu kebencian antara kaum dan keresahan di kalangan rakyat berbilang kaum. Tindak-tanduk seperti ini adalah tidak menguntungkan negara, sebaliknya akan merugikan negara di mana keharmonian hidup rakyat akan terjejas.

Pihak Pembangkang sepatutnya tidak menjadi dalang di dalam hal ini dengan mengeksploitasikan isu dan keadaan demi kepenlingan politik semata-mata atau, dengan izin, political mileage. Perlakuan seperti ini akan merosakkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang mana harganya adalah terlalu mahal dan tidak boleh dibayar. Oleh itu mereka yang berasa bertanggungjawab wajiblah membayar dengan apa juga tindakan yang dikenakan oleh Kerajaan harta dengan terpaksa tunduk kepada Akta ISA demi kepentingan negara dan orang ramai.

Pada pandangan saya, selama ini Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur kepada semua golongan di dalam negara ini. Oleh itu adalah zalim bagi mereka yang memainkan peranan sebagai talibarut dan dalang di dalam kejadian memburuk-burukkan nama negara sama ada di dalam atau di luar negara mengenai beberapa isu termasuklah isu pencemaran alam sekitar, memboikot kayu tropika, minyak kelapa sawit yang berkoleslerol tinggi, orang hanyut atau pendatang haram, atau dengan izin, boat people, mengenai isu Majlis Peguam, kedudukan Raja-raja, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan berbagai isu yang lain.

Saya menyanjung tinggi pendirian Kerajaan yang begilutegas dan udak tunduk dengan apa juga bentuk ugulan sama ada dalaman atau antarabangsa di dalam menghadapi isu pencemaran alam sekitar dan pemusnahan hutan tropika. Pendirian inilah yang menyebabkan negara kita semakin dipandang tinggi dan dengan sendirinya menerangkan serta membuktikan kebenaran negara kita dengan wujudnya Deklarasi Kuala Lumpur mengenai alam sekitar baru-baru ini. Rakyat adalah bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam menegakkan kebenaran ini di Pcrsidangan di Rio pada masa akan datang.

Kepada ahli-ahli Majlis Peguam, eloklah pada hari ini melihat lebih jauh lagi kepada urusan rumahtangga sendiri yang imejnya semakin rendah dengan sebab wujudnya amalan dan perilaku yang memalukan atau mengaibkan dan menghakis kepercayaan orang ramai yang memerlukan bantuan guaman kerana wujudnya perbuatan salahlaku dan pecah amanah yang semakin menjolok mata yang menjejaskan profesion guaman. Majlis Peguam perlulah dipelihara dan tugas asas guaman perlulah dikembalikan kepada tahapnya yang asal. Keadilan janganlah dicampur-adukkan dengan politik.

Kepada Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan pula, eloklah lipatgandakan usaha ke arah pembasmikan kemiskinan, eloklah tingkatkan usaha memperbanyakkan pelaburan di dalam negeri, bukan membiarkan palabur-pelabur lari dan seterusnya banyak tenaga kerja mengalir keluar dari negeri Kelantan ke negeri-negeri lain. Ingatlah, rakyat perlu pembelaan ekonomi untuk mengeluarkan mereka daripada alam kemiskinan kerana kemiskinan akan menghampirkan mereka kepada kekufuran. Saya fikir inilah isu yang lebih pokok daripada beberapa isu lain sebelum perlaksanaannya dijalankan.

Kepada mana-mana pihak yang cuba menggunakan isu untuk menyingkirkan negara daripada menyertai Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa pula, eloklah berfikir semula dengan fikiran yang lebih siaman. Ini adalah kerana tindak-tanduk mereka adalah ibarat menabur pasir ke periuk sendiri. Janganlah dengan sebab kepentingan diri dan politik hingga ada golongan yang sanggup mengeneipkan kepentingan orang lain. Golongan ini saya anggap sebagai golongan penderhaka kepada bangsa dan negara. Kalau mereka tidak mahu menjadi manusia yang bersyukur dan dipujuk, saya syorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas sekalipun dengan menguatkuasakan peruntukan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini negara sedang menuju kepada era pembangunan ke arah Wawasan 2020. Matlamatnya negara akan menjadt sebuah negara industri dan maju. Bagi menjamin pencapaian matlamat ini, perlu ada dokongan yang kuat daripada tenaga buruh yang mencukupi dan mempunyai kemahiran. Kenyataan hari ini menunjukkan negara sedang mengalami masalah tenaga kerja di dalam banyak sektor. Banyak langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan, tetapi saya berpendapat tindakan berikut perlu disegera dan dilipatgandakan.

Melalui Kementerian Pendidikan perlulah diperbanyakkan sekolah dan pusat latihan vokasional terutamanya di negeri-negeri yang pesat membangun seperti di negeri Johor, di negeri Selangor, di Pulau Pinang, di Melaka dan lain-lain lagi bagi menambahkan bilangan tenaga mahir dan cekap. Pusat-pusat Latihan Kemahiran di bawah Kementerian Kebajikan dan Perpaduan Negara perlulah juga diperbanyakkan jumlahnya, diperluaskan kursus latihan kemahiran dan diprbanyakkan jumlah pengarnbilannya di seluruh negara. Penubuhan Tabung Pembangunan Sumber Tenaga Manusia juga mestilah

tidak terlalu terhad peruntukannya dan skopnya supaya akan lebih banyak program latihan kemahiran kerja dapat dilaksanakan di seluruh negara dan hubungannya dengan pihak-pihak swasta juga harus diwujudkan seberapa rapat yang boleh supaya terdapat kerjasama yang lebih erat lagi.

Lembaga-lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri juga perlu menitik- beratkan kepada bidang latihan kemahiran dan pengurusan yang cekap. Dengan pengalaman dan kemahiran dan pengurusan yang sedia ada di dalam PKEN-PKEN, wajarlah latihan-latihan ini diadakan bagi menambahkan lagi jumlah tenaga kerja yang mahir dan cekap di dalam pengurusan berbagai-bagai bidang.

Institut-institut untuk latihan teknologi tinggi seperti di bawah Kementerian Belia dan Sukan juga boleh diperbanyakkan melalui pembinaan di negeri-negeri di seluruh negara dan kursus yang diadakan pula disesuaikan dengan keperluan negeri-negeri tersebut. Dengan ini sudah pastilah lenaga kerja yang mahir di dalam semua peringkat termasuk yang berteknologi tinggi akan dapat ditambahkan dan seterusnya memenuhi ruang yang kosong yang masih ada di dalam pasaran kerja di berbagai sektor di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya pengambilan tenaga kerja daripada luar negeri pada hari ini perlu dikaji semula. Hal ini adalah penting kerana di dalam keadaan hari ini sudahpun menjadi nyata wujudnya kekurangan tenaga kerja yang amat sangat khasnya di sektor pertanian.

Keluaran sektor pertanian hari ini semakin terjejas akibat dari keengganan anak-anak kampung atau luar bandar bekerja di ladang dan di kawasan pertanian sebaliknya memilih untuk bekerja di kilang-kilang di bandar. Banyak tanah-tanah pertanian hari ini sudah tidak lagi produktif. Terdapat kekurangan pekerja terutamanya di

ladang-ladang getah dan kelapa sawit. Ada juga pekerja asing yang bekerja di sektor pertanian selepas mendapat pendaftaran rasmi mereka lari ke sektor-sektor lain. Kalau keadaan ini terus berlanjutan sudah pasti pembangunan dan kemajuan sektor pertanian negara ini tidak akan jadi seimbang dengan pembangunan sektor perindustrian dan pembuatan. Dan matlamat untuk membangunkan tanah-tanah terbiar juga boleh tergendala.

Mengenai pertanian juga, saya nampak industri buah-buahan di negara ini semakin berkembang. Negara telah mempunyai Majlis Buah-buahan Negara dan agensi pemasaran buah-buahan untuk pemasaran pisang, belimbing, betik dan juga nanas. Bagi mengemaskinikan usaha promosi buah-buahan negara dan menambah eksport ke luar negeri bagi menambahkan pendapatan negara, saya berpendapat ada baiknya supaya promosi bagi buah-buahan khasnya yang telah mendapat pasaran di luar negeri diletakkan di bawah satu perbadanan pemasaran buah-buahan khas yang lain daripada FAMA atau diubahsuai peranan dan fungsi Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia yang hari ini mengkhususkan pemasaran buah-buahan nanas. Dengan cara ini promosi buah-buahan akan lebih ekonomi, promosi akan lebih selaras dan tidak bertindihan fungsi.

Sementara itu, saya berpendapat bagi meningkatkan pembangunan usahawan bumiputera di dalam negara ini, saya meminta Kerajaan mengawasi dan mengambil tindakan-tindakan tegas terhadap bank-bank di negara ini yang telah mendapat peruntukkan untuk bantuan pinjaman kepada usahawan bumiputera tetapi menyelewengkan tanggungjawabnya.

Saya mendapat banyak rayuan dan rungutan berhubung dengan masalah mendapatkan pinjaman dari bank-bank. Ada bukti bahawa bank menjalankan dasar memberi pinjaman melalui skim yang lebih menguntungkan sahaja.

Kurang kempen dan penerangan dijalankan untuk memberitahu rakyat tentang kemudahan yang disediakan. Pemberian pinjaman hanya untuk, dengan izin, walk-in customer sahaja. Mereka sanggup didenda jika tidak memenuhi kuota. Saya harap Kerajaan dapat melihat lebih dekat lagi dari segi pelaksanaan dan keberkesanan skim-skim yang telah diperuntukkan kepada bank-bank seperti skim TUB, skim CGC dan berbagai skim yang lain yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk kepentingan pembangunan usahawan bumiputera di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Penua, pada akhirnya bagi menjamin keamanan untuk pembangunan negara yang berterusan, saya amat menyokong kepada tindakan Kementerian Pertahanan hari ini untuk memperlengkapkan angkatan tentera supaya lebih mampu menghadapi sebarang kemungkinan ancaman luar dan dalam dengan penggunaan lebih banyak senjata moden dan canggih serta memupuk semangat dan moral yang lebih tinggi di kalangan angkatan tentera. Walaupun ini memerlukan peruntukan yang lebih tinggi tetapi saya rasa dari segi strategi, ini adalah perlu demi menjamin keselamatan dan keamanan negara. Awasilah setiap pencerobohan luar agar negara tidak tercemar. Pengawasan bahagian pantai dan udara perlu dijalankan sepanjang masa supaya tidak ada pencerobohan ruang laut begitu juga ruang udara dan darat. Dengan cara ini akan mengatasi juga masalah penyeludupan dan pendatang-pendatang haram di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Bharu.

4.24 ptg.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyokong Usul

Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mengambil bahagian di dalam perbahasannya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu yang telah dibangkitkan perlu terus dibangkitkan bagi menggambarkan betapa seriusnya isu-isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama ialah kesalahan Kerajaan Pusat mengenakan cukai kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan tanpa undang-undang. Saya ingin menyarankan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan Pusat mengadakan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan memohon ampun kerana bersalah mengenakan cukai kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan. Sudah jelas kepada semua pihak bahawa Perkara 38(4) Perlembagaan Malaysia memerlukan sebarang undang-undang yang menyentuh hak Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu perlu dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja sebelum ia menjadi undang-undang sah. Undang-undang yang cuba dipakai oleh Kerajaan Pusat melanggar perkara 38(4) Perlembagaan Malaysia, maka ia tidak sah dan seolah-olah tiada undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah Kastam telahpun memohon maaf dalam hal ini tetapi secara senyap-senyap. Elok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berlaku adil dan mengadakan siaran TV, radio dan media massa semasa memohon maaf kerana tuduhan dan cemuhan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan berkaitan dengan isu cukai dilakukan secara meluas oleh TV, radio dan media massa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga perlu memohon maaf kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Kelantan.

Isu kedua ialah Kod Etika Raja-Raja. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak orang-orang Melayu dan rakyat

Malaysia merasa sangat tersinggung dengan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mereka bertanggungjawab memelihara institusi Raja Berperlembagaan dengan baik. Sebaliknya mereka mengizinkan Kod Etika Raja-Raja digubal dan mencemar nama baik institusi itu.

Sebagai Raja Berperlembagaan, Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu terpaksa akur kepada nasihat Kerajaan Negeri masing-masing di dalam hampir semua perkara. Hanya sedikit sahaja perkara dikhaskan budibicara mereka.

Malang sungguh, UMNO (Baru) terus menunjuk sikap angkuh. Mengapa menggubalkan Kod Etika untuk Raja-Raja sedangkan pimpinan parti sendiri lebih banyak melakukan dosa terhadap rakyat? (*Tepuk*) Saya menyokong seruan ahli-ahli Dewan ini yang mencadangkan kod etika untuk orang-orang politik supaya kita berjaya membanteras perilaku yang tidak bermoral oleh orang-orang politik yang berkuasa. Janganlah bersikap nampak kuman di seberang tetapi gajah di depan mata tidak nampak. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kesal mengapa rombongan UMNO Baru yang membawa draf Kod Etika Raja-Raja tidak dikepalai oleh Presiden dan Timbalan Presiden UMNO (Baru)? Kenapa hantar yang junior-junior mengadakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Mengapa ketepikan protokol sedangkan adat Melayu dan rakyat Malaysia sangat prihalin hal protokol berkaitan dengan Raja-Raja sehingga kita mengguna bahasa istana atau istiadat apabila menghadap Baginda Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ialah hukum hudud. Saya hairan mengapa pihak Kerajaan Pusat dan Parti UMNO (Baru) tidak bersikap lebih positif. Tidakkah lebih baik Perdana Menteri mengarah Pusat Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Majlis Fatwa Kebangsaan dan lain-lain badan berkeelayakan membuat kajian berkaitan hukum hudud iaitu implimentasinya terhadap orang-orang Islam di dalam situasi masyarakat majmuk. Sekurangnya sebagai langkah pertama, Kerajaan Pusat seharusnya berusaha mempertingkatkan kesedaran orang-orang Islam mengenai hukum hudud melalui tv, radio, media massa, khutbah dan lain-lain cara bagi menyedarkan rakyat beragama Islam supaya lebih bersedia menerima undang-undang jenayah Islam bukan sahaja undang-undang kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil petuang di sini bagi menyatakan bahawa sebagai Wakil Rakyat saya juga bertanggungjawab membela dan menjaga kepentingan rakyat bukan Islam khususnya yang berada dalam kawasan Parlimen Kota Bharu. Saya berjanji akan berusaha keras bagi memastikan hukum hudud jika dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan tidak akan menjejaskan kepentingan orang-orang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Semangat 46 dan rakan-rakan dalam Angkatan Perpaduan Ummah tidak berhasrat membuat sesuatu yang mencemar Islam, sebaliknya kita akan berusaha meyakinkan semua orang Islam akan kebaikan menerima Islam sebagai ad-din, cara hidup Islam dan berperanan sebagai rakyat, pemimpin dan pentadbir mengikut kehendak Islam. Pentadbir-pentadbir yang menerima Islam sebagai Ad-din akan sentiasa menunjukkan sikap kesederhanaan, peka kepada situasi rakyat dan sabar. Pentadbir-pentadbir dari Angkatan Perpaduan Ummah tidak akan gopoh dalam melaksanakan semua kehendak agama kerana kita akan

berpandu kepada contoh Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam masa 23 tahun dan dilaksanakan oleh Baginda Rasullullah secara beransur-ansur mengikut kesesuaian masa dan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat ialah cemuhan terhadap Majlis Peguam. Adalah tidak adil wakil rakyat dari Kota Setar mencerca Majlis Peguam yang tidak ada wakil dalam Dewan ini bagi menjawab tuduhan-tuduhan beliau. Pada mukasurat 67 Penyata Rasmi Dewan bertarikh 28hb April, 1992, apabila Yang Berhormat dari Kok Lanas meminta beliau menyebutkan nama penulis buku rujukan beliau, wakil rakyat dari Kota Setar menjawab."adalah tidak adil saya menyebutkan nama penulis sebab beliau tidak ada di dalam Dewan ini". Nampaknya orang yang banyak buat tuduhan terhadap Majlis Peguam adalah orang yang mempunyai double standard, dengan izin, berkenaan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin wakil rakyat dari Kota Setar telah menyinggung semua peguam kerana tuduhan liar beliau terhadap peguam-peguam dan khususnya badan yang kami sanjungi iailu Majlis Peguam. Berkaitan usul yang disebutkan oleh beliau pada mukasurat 74 Penyata itu, sebenarnya pencadang Usul serta penyokong-penyokongnya yang hanya berjumlah seramai 52 orang tidak berminat untuk menarik balik Resolusi Tahun 1988 tetapi usul itu hanya bertujuan membatalkan dasar Peguam Malaysia (Malaysian Bar) yang tidak menjemput Ketua Hakim Negara ke Majlis-majlis anjuran badan itu. Tetapi usul itu ditolak kerana seramai 809 orang Peguam tidak bersetuju Ketua Hakim Negara perlu dirai di luar Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini tidak berbeza dengan Dewan Rakyat ini kerana ada ramai Ahli-ahli yang tidak menghormati satu sama lain, tetapi akur kepada adat Dewan. Oleh itu Ahli-ahli memberi penghormatan sesama sendiri

semasa di dalam Dewan, tetapi di luar Dewan Ahli-ahli tidak dipaksa menjemput ahli-ahli yang tidak digemari ke rumah mereka atau ke majlis-majlis. Begitulah dengan peguam-peguam, mereka tetap memberi penghormaaian kepada Ketua Hakim Negara di mahkamah mengikut kehendak undang-undang dan peradaban mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya wakil rakyat dari Kota Setar dan rakan-rakan beliau yang ghairah dengan Bar Council Bashing, dengan izin, memohon maaf kepada Majlis Peguam kerana telah banyak menfitnahnya, khususnya menuduh Majlis itu anti-Kerajaan lanpa sebarang bukt. Di mukasurat 78 Penyata Rasmi, beliau menidakkan usaha Majlis itu mcmperingkatkan penggunaan bahasa Malaysia dan di mukasurat yang sama menuduh Ahli Majlis bertanggungjawab mengharamkan UMNO, iaitu di mukasurat 78, sedangkan peguam yang bertanggungjawab ialah G. Sri Ram. Menuduh Majlis itu tidak demokratik di mukasurat 79, walhal perkara ini tidak mungkin berlaku kerana Peguam-peguam sangal kritikal dan mengawasi amalan demokrasi Majlis atau Majlis-Majlis Peguam. Banyak lagi tuduhan-tuduhan yang lain yang semuanya tidak berasas. Orang Islam yang membuat filnah harus ingat ia seolah-olah memakan bangkai dan ia sangat dikutuk oleh Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, isu kelima ialah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Saya terkejut dengan kenyataan tidak bertanggungjawab yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Sandakan Sabah pada hari Khamis 30hb April, 1992. Beliau tidak segan silu membuat kenyataan berikut:

"Dr. Mahathir said, the Federal Government had an obligation to provide assistance to Kelantan and Sabah but could not render such aid as

the two State Governments were opposed to the B.N.".

- mengikut laporan akhbar *New Straits Times* bertarikh 1/5/1992.

Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Sabah adalah pilihan rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti, malah wajib menghormati keputusan rakyat dan tidak seharusnya bertindak menganak-tirikan rakyat di kedua-dua negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa makna ada Perjanjian Persekutuan jika Kerajaan Pusat tidak menghormati tanggungjawabnya mengikut perjanjian iiu?

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kelantan dan negeri Sabah diakui mempunyai peratusan kemiskinan yang sangat tinggi, tetapi projek amanah ikhtiar Malaysia yang menerima \$20 juta daripada Kerajaan Pusat tidak memberi tumpuan istimewa kepada negeri-negeri yang memerlukan. Apakah benar arahan dikeluarkan kepada Pengurus Projek Amanah Ikhtiar Malaysia supaya tidak memperluaskan kegiatan atau bantuan kepada kedua-dua negeri itu? Ingat! Kezaliman Kerajaan terhadap rakyat akan menghasilkan kehancuran Kerajaan itu!

Tuan Yang di-Pertua, isu keenam ialah penggunaan Polis secara besar-besaran semasa pilihanraya. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri kepada persoalan mengenai penggunaan Polis semasa pilihanraya kecil Bukit Payung adalah tidak memuaskan. Beliau memberi sebab beribu-ribu Polis bersenjata ditugaskan di Bukit Payung ialah kerana pernah berlaku pembunuhan dan iman dibuang. Ini lidak munasabah sebagai alasan kerana di setiap kawasan pilihanraya tentu pernah berlaku pembunuhan dan pertelingkahan antara parti-parti politik. Bukit Payung bukan suatu kawasan hitam .....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Tiada masa, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat):** Dia tidak beri jalan, teruskan.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Bukit Payung bukan satu kawasan hitam, maka tiada justifikasi untuk menghantar beribu-ribu Polis bersenjata ke kawasan itu. Janganlah Kerajaan Pusat memberi gambaran "Police State." Setiap parti politik perlu berjuang secara sihaidan adil; tidak guna menang jika ianya hasil penyelewengan, rasuah.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat):** Yang Berhormat Jerai bangun lagi.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Minta maaf, tidak ada masa ..... salah guna kuasa, termasuk menggunakan jentera-jentera Kerajaan. Saya juga kesal kerana kebebasan saya untuk berucap di ceramah dihalang oleh Polis sewaktu kempen pilihanraya kecil Bukit Payung. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat):** Yang Berhormat Jerai bangun lagi.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Akan ada masa untuk dia, jadi saya tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat):** Yang Berhormat Jerai, hendak minta apa, dia tidak beri, sila duduk. Yang Berhormat, sila teruskan.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berlanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir sama ada UMNO (Baru) beliau akan terus mengelirukan rakyat. Pada 11hb Mei ini adakah parti beliau bercadang meraikan Hari Kelahiran 46 tahun UMNO (Baru). Kita semua maklum bahawa UMNO Baru diwujudkan pada bulan Februari, 1988, bukankah lebih baik hentikan sahaja sandiwara ini dan menukarkan nama parti kepada UBNO (United Butniputera National Organisation) sesuai dengan kemasukan bumiputera Sabah termasuk yang beragama Kritian dan lain-lain agama dan kaum Cina Sabah yang parti beliau diiktiraf sebagai "bumiputera".

Saya juga ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri bahawa Yang Amal Berhormat adalah seorang Islam. Jangan teruskan dengan usaha merompak melalui mahkamah harta ahli-ahli UMNO. Saya dan semua ahli-ahli Semangai 46 tidak rela harta yang kita kumpulkan bersama untuk UMNO lama dibolot oleh lanun-lanun UMNO (Baru). Sekian, trcima kasih.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jerai.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak minta penjelasan sedikit tentang perkalaan 'lanun-lanun' itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu telah habis berucap. Johor Bahru.

4.40 ptg.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebagai rakyat Malaysia, kita berasa bangga dengan tahap kemajuan ekonomi dan pembangunan yang dialami oleh negara kita. Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini perlu dikekalkan dan ini bergantung bukan sahaja antara lain kepada kestabilan dalam negara tetapi juga kestabilan luar negara melalui perhubungan yang baik, yang terjalin antara negara ini dengan negara-negara lain khususnya negara jiran.

Berasaskan kepada kesedaran inilah mungkin, dalam Ucapan Dirajanya Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah antara lain mengulangi komitmen negara untuk berbaik-baik dengan semua negara serta meningkatkan kerjasama khususnya dengan negara-negara ASEAN. Memang telah menjadi amalan negara ini untuk berbaik-baik dengan semua negara dalam dunia lebih-lebih lagi dengan negara-negara jiran. Malaysia menghormati semua negara jirannya tanpa membeza-beza mahupun memandang rendah terhadap mereka. Setiap perkara yang dilakukan yang melibatkan negara jiran adalah dilakukan untuk faedah bersama.

Bersandarkan kepada prinsip ini, serta termeterinya perhubungan yang baik serta kerjasama yang erat dengan semua negara khususnya negara-negara jiran, banyak kebaikan yang telah diperolehi oleh negara. Negara boleh saling bantu membantu di antara satu sama lain, bertukar-tukar kepakaran, berkongsi perniagaan dan pelaburan dan selernya membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Supaya hasrat untuk berbaik-baik dan penyemaian semangat kejiranan ini tidak

terhad kepada Kerajaan dan pemerintah semata-mata, maka rakyat daripada negara-negara jiran dibebaskan untuk membuat perhubungan dan bergerak di antara satu negara dengan sebuah negara yang lain dengan dikenakan peraturan yang paling minimum supaya mereka dapat lakukan perhubungan dan pergerakan ini dengan lancar dan tanpa sebarang masalah dan sekatan. Dan memang inilah hakikatnya yang berlaku antara Malaysia dengan negara-negara jirannya, walaupun ada sempadan tetapi ia hanya wujud dalam imaginasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana ini menjadi asas dan pegangan kita dalam mentadbirkan perhubungan kita khususnya dengan negara jiran, kita juga mengharapkan agar negara jiran berpegang kepada asas dan prinsip yang sama dalam menguruskan perhubungan mereka terhadap kita. Supaya keadaan ini dapat dipelihara dan dipertingkatkan, apa sahaja yang dilakukan atau yang hendak diperkenalkan mestilah mengambilkira kemampuan atau pandangan negara jiran, lebih-lebih lagi sekiranya sesuatu tindakan itu melibatkan negara jiran tersebut atau rakyat mereka sendiri. Hormat menghormati, bermuafakat serta perundingan seharusnya dilakukan sehingga tidak membolehkan sebarang masalah timbul atau sekiranya sudah timbul, menjadi melarat sehingga tiada kesudahan.

Oleh kerana kedua-dua pihak saling menghormati di antara satu sama lain, maka tidak timbul sebarang keadaan di mana satu pihak perlu tunduk atau perlu mengikut apa sahaja yang dilakukan oleh negara jiran terhadap mereka. Ini kerana kedua-dua pihak sentiasa menyedari hak masing-masing serta menghormatinya kerana ada faedah bersama yang akan dinikmati dalam keadaan yang sedemikian. Komitmen serta pegangan terhadap kerjasama serta amalan berbaik-baik berasaskan kepada faedah bersama ini terbukti dan tidak boleh

dipertikaikan khususnya dalam perhubungan negara ini dengan negara Singapura.

Hari ini Singapura mendapat bekalan airdaripada Malaysia dengan harga yang sangat murah, dengan jaminan bekalan melampaui tahun 2020. Malaysia membenarkan rakyat Singapura masuk dengan bcbasnya membeli rumah dan tanah dengan harga yang tidak boleh didapati di negara mereka sehinggakan terdapat rakyat negara ini menyewa rumah kepunyaan orang Singapura dalam negaranya sendiri. Rakyat Singapura berduyun-duyun tanpa halangan dan sekatan setiap hari membeli-belah semua jenis barangan keperluan dan barang makanan yang amat murah harganya jika dibandingkan dengan harga di negara mereka sendiri, membantu mengurangkan masalah bebanan kos hidup yang tinggi di Singapura itu sendiri.

Singapura yang sempit dan sesak tidak boleh lagi mengembangkan industrinya khususnya yang berasaskan kepada penggunaan buruh yang ramai, memindahkan operasi mereka ke Malaysia dan seterusnya melahirkan satu zon ekonomi emas tiga segi semata-mata untuk melihat kejayaan perancangan mereka untuk memperkukuhkan ekonomi mereka. Syarikat dan industri mereka yang melabur dalam negara ini, yang mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang jumlah pelaburan tidak kurang daripada \$4.2 bilion sehingga tahun 1991 sudah tentu membawa pulangan keuntungan yang berlipat kali ganda dan ini tidak termasuk pelaburan dalam bidang-bidang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura menikmati banyak faedah di atas dasar dan prinsip negara ini terbaik-baik dan bekerjasama dengan negara jiran. Oleh itu apabila negara jiran Singapura mengenakan beberapa sekatan dan peraturan seperti peraturan setengah

tangki minyak, menghadkan jumlah hari kemasukan kereta Malaysia secara percuma, mengenakan bayaran sebanyak S\$20 iaitu lebih kurang MS32 ke atas kereta Malaysia yang masuk melebihi had yang dibenarkan, mengharamkan kemasukan motosikal yang digunakan oleh rakyat Malaysia yang bekerja di negara mereka, dan pada hari ini kita dapati mengenakan \$ sehari kepada motosikal Malaysia yang masuk ke sana, rakyat Malaysia rasa tertipu ataupun merasakan seolah-olah tidak mendapat faedah yang setimpal melalui dasar terbaik-baik negara dengan negara jiran.

Keadaan ini menyebabkan seolah-olah perhubungan Malaysia dan Singapura tidak berasaskan kepada kedudukan sama rata, seolah-olah Malaysia sentiasa mengalah kepada Singapura. Keadaan menjadi rumit apabila Singapura bertindak menghalau nelayan-nelayan Malaysia di Pulau Batu Putih dan baru-baru ini menghalau pula bot-bot Jabatan Perikanan walhal Pulau itu masih dalam proses pertikaian dan bukan Singapura yang punya, berserta dengan beberapa insiden pencerobohan yang dilakukan oleh angkatan bersenjata mereka serta terhempasnya beberapa kapal terbang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah apabila keadaan ini berlaku, adalah normal bagi mana-mana negara pun yang lerjejas untuk membuat reaksi, lebih-lebih lagi kerana selama ini kedua-dua negara memang saling berurusan di antara satu sama lain. Adalah amat menghairankan apabila reaksi normal kita disambut oleh kenyataan daripada salah seorang Ahli Parlimennya supaya rakyat Singapura jangan pergi ke Johor dalam tempoh enam bulan dan akhbar-akhbar mereka membesar-besarkan liputan berita yang menakut-nakutkan mengenai rakyat mereka yang tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana memaki-hamun sistem dan Kerajaan negara ini serta penahanan beberapa bot kepunyaan rakyat mereka yang masuk

ke pulau-pulau negara ini tanpa izin, walaupun tindakan-tindakan itu adalah satu tindakan yang biasa dilakukan oleh mana-mana negara dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita tertanya-tanya mengapakah Singapura bertindak sedemikian. Adakah ia khuatir melihat rakyatnya banyak mengalirkan Dollar Singapura di Malaysia, yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi mereka? Dan oleh itu ia mengenakan berbagai peraturan dan sekatan sama ada secara langsung atau tidak dan mengharapkan Malaysia mengenakan tindak-balas yang serupa, yang akibatnya rakyat mereka tidak lagi masuk ke Malaysia. Mungkin inilah yang tersirat dalam hati pemimpin dan rakyat Singapura seperti yang diluahkan oleh salah seorang Ahli Parlimen mereka yang kononnya mendakwa sekiranya rakyat Singapura tidak masuk ke Johor Bahru, ianya akan mengurangkan kos barangan yang tinggi di situ. Sekiranya inilah maksud dan tujuan mereka, bukankah itu menunjukkan bahawa bagi Singapura dalam setiap perhubungan dengan negara jiran biarlah ia sahaja yang mendapat keuntungan dan faedah yang berlebihan supaya ia dapat mengekalkan kedudukannya lebih maju 100 tahun daripada negara jiran walaupun tindakannya itu menjejaskan hubungannya dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengamalkan sikap seperti ini, Singapura seolah-olah lupa akan pandangan-pandangan yang pernah diluahkan oleh pemimpin-pemimpin generasi pertama mereka seperti S. Rajaratnam, bekas Timbalan Perdana Menteri kedua Singapura yang pernah berkata, dengan izin:

"We are always conscious of the fact that such well-being that we enjoy today is always provisional and dependent on the state of the world economy and economic conditions in the surrounding region. In this vastly shrunken world, the only sensible and practical doctrine is the one based on

the concept that prosperity and poverty are indivisible and that we must order our respective economies in such a way as to ensure not only our own prosperity but also that of our neighbours."

Kemasukan Dollar Singapura ke Johor melalui penggunaan kuasa membeli mereka memang tidak dapat dinafikan mendatangkan kemakmuran kepada Malaysia, khususnya Johor. Adakah Singapura khuatir dengan pembangunan pesat ekonomi Johor ini sedikit-sebanyak boleh memberi saingan kepadanya. Tidakkah ini bermakna Singapura tidak berpegang kepada prinsip berbaik-baik dan menghormati negara jiran untuk melahirkan faedah bersama yang menjadi pegangan kita selama ini?

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ini kenyataannya maka perlulah kepimpinan negara mengambil sikap berhati-hati dan berwaspada kerana amalan semangat kejiranan yang ditunjukkan oleh Singapura bukanlah semangat tulen. Saya bersetuju dengan saranan sahabat saya dari Kota Setar yang mendesak supaya membatalkan sahaja hasrat membina laluan kedua di antara Singapura dan Johor kerana ketiadaan semangat kejiranan yang tulen di pihak Singapura serta rakyat mereka memang tidak digalakkan masuk ke Johor dan rakyat Malaysia kalau masuk ke Singapura dikenakan bayaran yang tidak munasabah, yang tentunya rugi ialah negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kemampuan kita bersaing dalam dunia yang serba bergantung di antara satu sama lain akan menjamin kestabilan ekonomi kita. Hari ini kita bernasib baik mampu memberi persaingan kepada Singapura kerana nilai Ringgit kita yang rendah berbanding dengan Dollar Singapura. Ia lahir daripada satu keadaan yang tidak dijangkakan, tidak dirancang dan tidak tersusun. Kalau kita hari ini mahu membangunkan sektor pelancongan

kita, kerana kita mahu orang asing ini membelanjakan duit mereka dalam negara kita, kita perlu mengeksploit keadaan di mana kita dapat terus-menerus menarik orang-orang Singapura membelanjakan wang mereka di Malaysia, khususnya di Johor Bahru walaupun ada kempen menakutkan rakyat Singapura masuk ke Malaysia yang dimainkan oleh akhbar mereka.

Satu strategi yang tersusun dan terancang perlu dilahirkan supaya kelebihan kemampuan kita bersaing ini tidak hanya berasaskan kepada nilai ringgit yang rendah dan kita juga mesti mampu memelihara kelebihan-kelebihan ini ke arah mengukuhkan ekonomi negara kita. Kita perlu terus mampu menawarkan harga barangan makanan dan keperluan yang termurah dibandingkan dengan harga di Batam misalnya. Keadaan kos hidup yang tinggi yang dialami oleh penduduk tempatan boleh diatasi dengan Kerajaan memikirkan sama ada memperkenalkan sistem rebate atau menjadikan Johor Bahru sebagai satu kawasan bebas cukai. Kerajaan perlu memberikan lebih banyak peruntukan supaya pihak berkuasa tempatan yang menghadapi masalah tidak cukup sumber kewangan mampu untuk membina lebih banyak pasar dan tempat-tempat perniagaan yang biasanya dikunjungi oleh rakyat Singapura ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkuatkan lagi persaingan ini, sistem infrastruktur Johor Bahru juga perlu dipertingkatkan. Kesesakan lalulintas dan projek-projek lingkaran dalam dan lingkaran luar yang sudah banyak kali diumumkan tetapi tidak nampak implementasinya, perlu juga disegerakan. Lapangan Terbang Senai perlu diperbesar dan mengadakan penerbangan ke destinasi antarabangsa, selain daripada Hongkong, bagi menarik orang Singapura menaiki penerbangan melaluinya. Perjalanan antara Singapura dan Lapangan Terbang Senai perlu

dilicinkan dengan Kerajaan menyelesaikan masalah lalulintas di persimpangan-persimpangan Tampoi dan Sekudai. Dengan cara itu, dengan jarak ke Lapangan Terbang Senai dipendekkan dan dengan harga penerbangan yang lebih murah ke destinasi-destinasi yang digemari dan selalu dikunjungi oleh rakyat Singapura, tidak mudah bagi Kerajaan ataupun mana-mana pemimpin Singapura untuk menahan rakyatnya daripada datang ke negara ini dan menikmati segala kemudahan yang disediakan yang jauh lebih murah daripada negara mereka sendiri. Kerajaan juga perlu menyergerakkan projek-projek yang boleh memperkukuhkan daya-saing negara dalam berbagai bidang seperti pembinaan pelabuhan kedua Johor. Apabila Pelabuhan Pasir Gudang tidak boleh lagi diperbesarkan, sudah tentu kos perkhidmatan kargonya akan meningkat kerana permintaan yang lebih daripada kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menjadikan kenyataan semua projek atau kemudahan di atas, Malaysia akan mempunyai kekuatannya sendiri untuk memberikan persaingan kepada Singapura. Melalui kekuatan daya-saing inilah dengan sendirinya negara ini akan menjadi tempat tumpuan rakyat Singapura daripada semua golongan, sama ada ahli perniagaannya atau lain-lain dan sudah tentulah setiap dollar Singapura yang mereka membelanjakan di sini akan memberikan keuntungan kepada negara. Inilah yang sepatutnya menjadi matlamat kita dalam kita menangani cabaran-cabaran yang akan datang daripada negara jiran kita, iaitu Singapura. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka.

4.56 *ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda menyatakan bahawa Kerajaan telah memperkenalkan Wawasan 2020 yang mula dihayati oleh rakyat jelata. Di sini bagi pihak DAP, kami ingin menyatakan sokongan penuh terhadap objektif Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Akan tetapi, Wawasan 2020 ini tidak akan tercapai sekiranya Kerajaan tidak serius, jujur, ikhlas dan membetulkan kelemahannya dan membanteras kecurangan atau kemusykilan yang sedia ada.

Adalah tidak bermakna langsung kalau sesuatu tujuan atau amalan yang digariskan tidak diikuti langsung. Rakyat sudah bosan bukan sahaja dengan slogan-slogan yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, malah juga dengan perangnya yang bersifat 'cakap tak serupa bikin'. Ini jelas ditunjukkan selepas sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerajui pucuk pimpinan tertinggi negara dalam tahun 1982 dengan mengeluarkan slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah' sebagai mencerminkan usaha gigih dan serius untuk menghapuskan rasuah, inerti kakitangan Kerajaan, meningkatkan efficiency dan produktivity pekerja, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, Dengan slogan Bersih, Cekap dan Amanah ini diikuti oleh skandal-skandal kewangan yang terbesar dan berluasa seperti skandal BMF sebanyak \$2.5 billion, skandal MAMINCO, skandal EPF-MAKUWASA, skandal koperasi dan lain-lain.

Kalau pihak Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu mengulangi sejarah malu dan Wawasan 2020 dijadikan sebagai omong-omong kosong, beliau harus menambahkan satu lagi cabaran kepada 9 cabaran yang telah diuraikan oleh beliau untuk mencapai Wawasan 2020 ini. Cabaran ke 10 ini adalah prinsip Kepimpinan Melalui Teladan. Cabaran ke 10 ini perlu kerana

adalah diperhatikan lebih setahun selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan Wawasan 2020, kesemua ke 9 cabarannya masih belum dilaksanakan.

Marilah kita meneliti kejujuran dan rekod pihak Kerajaan dalam melaksanakan sesetengah cabaran tersebut. Cabaran pertama yang digariskan oleh beliau ialah mendirikan satu bangsa Malaysia yang maju, setia dan taat kepada negara. Jelas sekali istilah 'bangsa Malaysia' ditiru dari slogan DAP yang berbunyi 'Malaysian Malaysia'. Walau bagaimanapun, pihak DAP bangga kerana pihak Kerajaan akhirnya telah menerima perjuangan DAP selama 26 tahun ini bahawa perpaduan negara harus berasaskan kemajmukan masyarakat (multi-racialism) dan bukanlah tertumpu kepada perkauman, seperti yang diamalkan oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Perlu, saya juga ingin melahirkan perasaan kesal bahawa sungguhpun slogan bangsa Malaysia ini dilaung-laungkan oleh beliau, ia masih belum dilaksanakan. Mengapa selepas mengisytiharkan slogan bangsa Malaysia ini beliau masih belum mengharamkan parti-parti perkauman, seperti partinya sendiri, UMNO yang hanya tertumpu kepada kaum Melayu atau meminta bahawa parti-parti perkauman yang lain seperti MCA yang hanya untuk orang Cina dan MIC yang hanya untuk orang India diharamkan terus. Kalau beliau serius dengan slogan bangsa Malaysia, mengapakah beliau membuat satu kenyataan bahawa dasar Kerajaan Barisan Nasional telah berubah daripada membenarkan kepercayaan untuk semua kaum mengamalkan agama masing-masing daripada satu dasar membenarkan Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan hukum hudud ke atas rakyat Kelantan.

Ini semuanya menunjukkan sekali lagi hipokrasi, double standard pihak Barisan Nasional dan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri sendiri. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa pihak DAP menentang sekeras-kerasnya pelaksanaan hukum Hudud ke atas kaum bukan Islam. Kami tidak menentang hukum Hudud semata-mata kerana hukum Hudud adalah satu aspek orang-orang bukan Islam.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana kesuntukan masa, saya tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskan. Seremban, sila duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi, yang kami menentang ialah pelaksanaan hukum Hudud ke atas kaum bukan Islam dan di sini saya amat kesal dengan perangai dan tingkah-laku Menteri-menteri MCA dalam perkara, ini. Sungguhpun Menteri-menteri MCA dan Gerakan telah menyatakan bahawa mereka menentang pelaksanaan Undang-undang Islam ke atas kaum bukan Islam, tetapi daripada tindakannya, apa yang mereka lakukan adalah sebaliknya. (*Tepuk*)

Ini jelas ditunjukkan apabila selepas pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri MCA khususnya Presiden mereka, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan juga Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang Pengerusi yang progresif dan sederhana kerana membuat pengumuman sedemikian. Ini adalah satu pengkhianatan yang terbesar sekali (*Tepuk*) oleh parti MCA dan juga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan serta Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak benarkan. Saya tidak akan benarkan kepada sesiapa kerana kesuntukan masa.

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang lain itu termasuk Kampar, jangan mencelah ya. Teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, satu pengkhianatan lagi ialah tidak berani menahan UMNO dari menukar pendiriannya, tidak membenarkan pelaksanaan hukum Hudud. Sepanjang masa ini, pendirian Kerajaan Barisan Nasional adalah bahawa hukum hudud atau Undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan di Malaysia, tetapi sekarang dasar asas Kerajaan Barisan Nasional ini telah ditukar uniuik membenarkan pelaksanaan hukum Hudud kepada kaum bukan Islam dan ini adalah satu pengkhianatan oleh Menteri-menteri MCA dan Gerakan, (*Tepuk*) Saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat. Perdana Menteri tidak akan membuat keputusan ini selain ia sudah dapat satu persetujuan dari Kabinet dan.....

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** .... .persetujuan dari Kabinet ini hanya boleh diberikan selepas mendapat persetujuan daripada Presiden MCA dan juga Menteri-menteri MCA dan Gerakan dan ini menunjukkan bahawa sebenarnya pesalah utama atau the real culprit, dengan izin, yang membenarkan pelaksanaan hukum Hudud ke atas kaum bukan Muslim di Kelantan adalah MCA dan Gerakan sendiri! (*Tepuk*)

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Tuan Chor Chee Heung:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Alor Selar bangun pula.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak beri! Yang amat dikesali adalah bahawa MCA dan Gerakan menyatakan bahawa pihak DAP yang bersalah - ini adalah satu pembohongan yang terbesar juga - dan bahawa perkara ini hanya boleh diselesaikan di Kelantan, bahawa untuk memastikan bahawa kaum bukan Islam di Kelantan tidak dikenakan Undang-undang Islam, hanya mereka boleh diselamatkan kalau Kerajaan PAS di Kelantan diberhentikan berbuat demikian. Ini adalah satu pembohongan kerana selama Perlembagaan Persekutuan tidak dipinda, Kerajaan PAS Negeri Kelantan tidak berjaya melaksanakan hukum Hudud, bukan sahaja kepada kaum bukan Islam tetapi kepada kaum Islam juga.

Oleh sebab itu, fokus atau tumpuan sekarang adalah di Parlimen, di Dewan yang mulia ini. Hanya Dewan yang mulia ini boleh menentukan sama ada hukum Hudud boleh dilaksanakan kepada kaum bukan Islam atau kaum Islam, dan bukan di Kelantan. Kalau DAP mempunyai pengaruh untuk menahan atau memberhentikan pelaksanaan hukum Hudud kepada kaum bukan Islam di Kelantan, kita tak payah menunggu MCA dan Gerakan meminta kita berbuat demikian, kita akan lebih awal lagi berbuat demikian!

**Beberapa Ahli:** Ya! (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi kerana DAP tidak ada pengaruh, tidak ada penglibatan sama sekali di negeri Kelantan .....

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli dari Seremban bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak beri!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tak beri.

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... tidak ada penglibatan langsung di negeri Kelantan, kita tidak berbuat demikian.

**Seorang Ahli:** MCA tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita tidak berbuat demikian. Kalau kita berupaya berbuat demikian, kita tak payah tunggu MCA dan Gerakan minta kita buat, kita sendiri akan buat!

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu dusta, fitnah bahawa DAP bertanggungjawab adalah tidak betul sama sekali. Kalau DAP bertanggungjawab, DAP akan menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan bahawa hukum Hudud dilaksanakan, tetapi DAP telah menyatakan bahawa DAP akan menentang berhabis-habisan pelaksanaan hukum Hudud ke atas kaum bukan Islam. (*Tepuk*) Dan di sini saya hendak menegaskan sekali lagi.....

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Seremban .... dia tak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** .... sama ada kaum bukan Islam boleh diselamatkan di Kelantan adalah terletak di bawah kuasa Dewan yang mulia ini, bukan di Kelantan. Hanya Menteri-Menteri, Ahli-ahli Parlimen MCA, SUPP, Gerakan dan MIC menggembeling tenaga, bersatu dengan Ahli-ahli Parlimen DAP menentang pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan hukum Hudud dilaksanakan ke atas kaum bukan Islam, hanyalah kaum bukan Islam di Kelantan boleh diselamatkan. Oleh sebab itu saya ingin

memberikan amaran kepada pihak MCA dan Gerakan bahawa janganlah mempermainkan membuat satu sandiwara politik ini.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak beri!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas .....

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... untuk menyetamatkan diri mereka kerana saya tidak percaya mereka berani menentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sungguhpun telah dinyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen MCA dan Gerakan boleh mengundi mengikut conscience mereka .....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *(Bangun)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak beri. Saya enggan beri kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tidak bagi. Sila duduk.

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk.

**Beberapa Ahli:** Tak beri!

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... ini adalah tidak benar kerana Presiden MCA sendiri telah menyatakan bahawa beliau menyokong pendirian yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh sebab itu tidak ada makna langsung kalau orang-orang bawahannya, kucing kurap menyatakan bahawa mereka menentang pelaksanaan hukum Hudud kepada kaum bukan Islam. Yang penting sekali.....

**Tuan Yim Chee Yong:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Seremban bangun atas apa?

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya minta penjelasan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak beri!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tak beri. Sila duduk ya. *(Disampuk)*

**Tuan Yim Chee Yong:** *(Menyampuk)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu adalah tidak bermakna selain Presiden MCA menyatakan bahawa..... *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat Seremban, kalau dia tak beri, jangan berucap. Yang Berhormat sila duduk. Teruskan Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Siapa yang makan cili, dia rasa pedas. Oleh sebab itu seperti yang saya katakan tadi, hanya MCA, Gerakan dan MIC boleh menentukan sama ada kaum bukan Islam di Kelantan akan dikenakan hukum Hudud. Kalau mereka tidak menentang pelaksanaan hukum Hudud ini, mereka akan sama-sama bertanggungjawab ke atas pelaksanaan hukum Hudud kepada kaum bukan Islam dan jangan menyatakan bahawa DAP bertanggungjawab.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa DAP ada rekod selama 26 tahun menentang pelaksanaan Undang-undang Islam dan telah dilahan di bawah ISA kerana menentang pelaksanaan Undang-undang Islam ke atas kaum bukan Islam. Saya ingin mencabar pihak MCA, SUPP dan Gerakan membuktikan kejujuran menentang pencabulan hak asasi kaum bukan Islam kerana mereka sendiri telah menyokong dasar-dasar tersebut dan saya ingin menarik

perhatian 15 dasar pengislaman tersebut yang dilaksanakan oleh UMNO yang mencabuli hak asasi kaum bukan Islam:

- (1) Seksyen 67 dan 70 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Parlimen Negeri Selangor....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai, dia tak beri.

**Tuan Lim Guan Eng:**..... yang membenarkan seorang kanak-kanak memeluk agama Islam sungguhpun ditentang oleh ibu bapa mereka, serta Enakmen Kawalan dan Sekatan Penyiaran Agama Bukan Islam di negeri Melaka, Selangor, Pahang dan Perak.

- (2) Mengharamkan penjualan daging babi di Pasar Wilayah Bandar Hilir yang terletak di kawasan Pilihanraya Pengerusi MCA Melaka, Datuk Tan Boon Leong sungguhpun kebanyakan penduduk di sekitar pasar adalah terdiri dari kaum bukan Islam. Ia juga merupakan pasar pertama di Melaka yang mengharamkan penjualan daging babi.
- (3) Pengharaman menjaja daging babi di Melaka.
- (4) Pengurangan penjualan daging babi di Wilayah Persekutuan dan lain-lain pasar di Melaka di mana ia hanya boleh dijual kalau ditutup dengan tembok yang setinggi 7 kaki.
- (5) Pengharaman menternak dan menyembelih babi di negeri Terengganu pada tahun lepas dan di Melaka mulai dari tahun depan.
- (6) Pengharaman menyiarkan iklan beer dan arak di Radio dan RTM.

- (7) Pengharaman memaparkan iklan beer dan arak secara awam di Melaka dan Johor.
- (8) Peraturan bahawa semua perniagaan hiburan mcsilah tutup pada waktu tengah malam.
- (9) Penuntut kaum bukan Islam dipaksa memakai songkok semasa menghadiri upacara konvokasi di UTM.
- (10) Penuntut bukan Islam di UKM dan UUM diwajibkan mengambil perkara Tamaddun Islam.
- (11) Percubaan kedua Kerajaan Negeri Melaka mengambilalih dan meratakan Bukit Cina dengan meminta \$8.2 juta cukai tanah dari pemegang amanah Bukit Cina.
- (12) Pemusnahan pintu gerbang kuil bersejarah di Johor Bahru oleh Kerajaan Negeri Johor pada 29hb Disember tahun lalu.
- (13) Diskriminasi ke atas rumah ibadat bukan Islam dari segi bantuan kewangan.
- (14) Arahan merendahkan patung Kwan Yin di Kek Lok Si, Ayer Hitam di Pulau Pinang dari 135 kaki ke 85 kaki.
- (15) Keputusan Kerajaan Negeri Melaka tidak membenarkan Stadium Kubu disewa kepada sebuah pertubuhan Kristian untuk mengadakan upacara sembahyang mereka.

Semua dasar-dasar ini, Tuan Yang di-Pertua, diluluskan dengan sokongan Wakil Rakyat MCA dan Gerakan. Ini memecahkan tembelang MCA dan Gerakan bahawa mereka sebenarnya bertanggungjawab ke atas undang-undang Islam oleh UMNO yang mencabul hak bukan Islam ini. Dan saya mencabar.....

**Seorang Ahli:** Cabar siapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** ..... MCA menafikan bahawa mereka telah menyokong dasar-dasar tersebut yang mencabuli hak asasi kaum bukan Islam, terutama sekali di Melaka sendiri Pengerusi MCA Melaka menyokong dasar mengharamkan penjualan daging babi di kawasan pilihanrayanya sendiri, dan ini adalah sesuatu yang amat memalukan. Oleh sebab itu, kepada mereka yang sebenarnya mencabuli hak asasi kaum bukan Islam untuk menonjolkan sendiri sebagai salu jaguh, ini adalah satu perbuatan yang lerokeji dan terkutuk sekali. (*Tepuk*) Dan ini juga adalah sebab mengapa pada masa pilihanraya besar dalam tahun 1990 bukan sahaja masyarakat kaum bukan Islam menotak MCA dan Gerakan, tetapi ahli-ahli mereka sendiri menolak parti mereka sendiri. Parti MCA mempunyai 550,000 ahli-ahli, tetapi tidak sampai separuh yang menyokong parti MCA dan ini adalah satu yang amat memalukan .....

**Seorang Ahli:** Siapa malu?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak beri. Di sini.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap ya, Point of Order yang keberapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Point of Order 36(6). Tidak boleh keluarkan sangkaan jahat. Dia kata UMNO mencabul hak-hak asasi orang-orang bukan Islam.

**Tuan Wong Wing On:** Ini benar, betul.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Maknanya apa yang dikalakan ini bolch membangkitkan perasaan .....

**Tuan Wong Wing On:** Tidak ada bukti.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** ..... menimbulkan perasaan, you hendak 13 Mei lagikah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.....

**Seorang Ahli:** ..... Perlembagaan Malaysia!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** You hendak 13 Mei lagikah?

**Tuan Wong Win On:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat bertenang. Pasir Mas dan Kampar .....

**Tuan Wong Wing On:** You gel oui.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** You get out first.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** You get out.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Menunjukkan isyarat lucah*)

**Tuan Wong Wing On:** Tengok apa dia buat? Itu lucah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Pasir Mas, Jerai dan Kampar sila bertenang. Saya kena membuat satu keputusan.

**Seorang Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Pasir Mas, sebelum saya buat keputusan, saya

nasihatkan Yang Berhormat tarik balik apa yang tidak senonoh ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik, fasal saya 'hot' tadi itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 'Hot' pun tidak kenalah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Okay, saya gentleman - saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Cuma saya hendak tanya dia, kerana beliau mengeluarkan sangkaan jahat, jangan tunjuk kurang ajar ..... (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik, cukup, yang lain itu jangan suka menyampuk. Saya akan buat keputusan. Point of order 36(6) itu saya rasa tidak kena (*Tepuk*) - teruskan. Tetapi Yang Berhormat Koia Melaka diingatkan masa sudah hampir cukup. Sila gulung, seminit lagi untuk mengulung.

**Tuan Lim Guan Eng:** Seminit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Injury time?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak ada injury time.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya juga ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan meletak jawatan kerana bertanggungjawab ke atas kebakaran di Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang menyebabkan tiga orang terkorban.

Saya tidak mahu berbincang dengan panjang lebar malapetaka ini kecuali menanya bagaimana sistem pencegahan kebakaran seperti automatic-waler sprinkler boleh gagal beroperasi pada saat-saat yang genting. Ini

membayangkan maintenance yang cuai dan sikap profesionalisme Yang Berhormat Menteri yang kurang memuaskan. Ini juga mencerminkan bahawa beliau juga tidak mampu dengan urusan Kementerian beliau, misalnya kita boleh lihat berhubung dengan perlantikan atau penubuhan satu Lembaga Penyiasat ke alas malapetaka ini. Semasa melantik Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Dato' Dr Mohd. Nor sebagai Pengerusi, beliau juga melantik Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar sebagai seorang ahli biasa. Ini adalah satu keputusan yang amat kurang waras dan tidak pandai, kerana Tan Sri Haniff Omar berpangkat lebih tinggi dari K.S.U dan sebagai menunjukkan ketidakpuasan hati, Tan Sri Haniff Omar juga melantik Pesuruhjaya Polis Sabah Mohd. Jamil Johari sebagai wakilnya.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya tidak tahu sama ada seseorang boleh melantik wakil untuk menghadiri Lembaga Penyiasat, tetapi ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak layak menjadi Yang Berhormat Menteri dan harus.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, dia harus meletak jawatan. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Seremban.

5.18ptg.

**Tuan Yim Chee Chong (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja dan saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu Menteri Besar dan Timbalan

Menteri Besar negeri Kelantan mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan meminda Perlembagaan Negeri Kelantan di Dewan Negerinya untuk menegakkan hukum Hudud di negeri Kelantan. Mereka juga menegaskan bahawa hukum Hudud itu bukan sahaja dilaksanakan kepada orang Islam, tetapi juga akan dilaksanakan kepada orang-orang yang bukan Islam. Pelaksanaan hukum Hudud ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan negara kita oleh kerana menurut Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan bahawa agama Islam adalah agama rasmi di negara kita ini dan agama-agama yang lain boleh diamalkan secara bebas dan aman di negara kita ini. Juga, Artikel 75 yang mengatakan bahawa sebarang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri di mana-mana negeri jika sekiranya menentang Perlembagaan negara kita, maka undang-undang itu akan diumumkan sebagai tidak sah dan akan dibatalkan. Oleh hal yang demikian, jika parti PAS yang kini memerintah di negeri Kelantan ingin melaksanakan hukum Hudud di negeri Kelantan harus mengemukakan cadangannya untuk meminda Perlembagaan negara kita di Dewan yang mulia ini.

Untuk menjayakan pemindaan Perlembagaan maka PAS mesti mendapat sokongan sebanyak 2/3 undi dari Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Tetapi ini mustahil untuk mendapat 2/3, kerana pada hari ini di dalam Dewan ini PAS mempunyai sebanyak 7 kerusi dan Semangat 46 kawan seperjuangannya mempunyai 7 kerusi dan juga kawan seperjuangannya lagi DAP mempunyai 20 kerusi. Kalau campur semua sekali adalah sebanyak 34 kerusi sahaja, ada 34 undi sahaja. Saya cabar DAP yang menjadi perikatan kepada Semangat '64' dan PAS itu (*Ketawa*) - 46, sudah turun.

**Tuan Wong Win On:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang minta penjelasan, hendak beri alau tidak?

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak beri jalan langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak beri jalan.

**Seorang Ahli:** Takut.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak bcri, saya tidak takut. Tadi saya minta jalan tetapi tidak diberi jalan sekalipun oleh DAP.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Yim Chee Chong:** Jangan kacau - time tidak ada. (*Disampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat. ....

**Tuan Wong Wing On:** (*Bangun*)

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya minta DAP.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kampar sila duduk!

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya minta DAP yang menjadi kawan seperjuangan PAS dan Semangat 46 sekarang lawan bersama-sama untuk menyokong Usul PAS yang akan dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini, jangan mengelirukan masyarakat Tionghua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir pernah menjelaskan bahawa UMNO akan menyokong hasrat Kerajaan PAS untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan jika ia benar-benar mengikut kehendak Islam. Tetapi ini bukan mengikut kehendak Islam, adalah untuk kepentingannya sahaja. Dalam pada itu, menurut Perdana Menteri bahawa Kerajaan Pusat cuma

memberi pengakuan akan memberi sokongan dengan syarat pindaan itu boleh diterima oleh semua pihak, tetapi mustahil diterima oleh semua pihak. Cadangan untuk menegakkan hukum hudud ini adalah semata-mata mengikut selera politik PAS, DAP dan Semangat 46 sahaja. Satu hari Semangat 46 akan tinggal seorang sahaja iaitu Tengku Razaleigh, semua akan melarikan diri daripada Semangat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak beri, silakan duduk. Yang Berhormat, silakan duduk. (*Ketawa*) Kita amat kecewa terhadap Menteri Besar Kelantan yang hendak menggunakan samseng (gedebe) bagi melaksanakan hukumnya ke atas orang-orang Islam di Kelantan, saya juga kesal. (*Disampuk*) Gedebe (*Ketawa*) Ini kali pertama saya bunyi gedebe. (*Ketawa*) Orang-orang Islam tergamam bila membaca kenyataan ini dari Menteri Besar Kelantan, iaitu Tuan Haji Nik Aziz. Ini nama pun baru sahaja dengar yang menganggap dirinya sebagai seorang ulama dan Tok Guru. Apakah fahamannya tentang pelaksanaan hukum Islam? Keputusan pilihanraya kecil di kawasan Bukit Payung baru-baru ini telah membuktikan bahawa pengundi-pengundi di situ telah menolak sentimen agama yang dimainkan oleh PAS dan Nik Aziz, Dato' Seri Ling Liong Sik, Presiden MCA pernah mengalakan bahawa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban, jangan sebut nama, ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut nama.

**Tuan Yim Chee Chong:** Jangan sebut nama-nama siapa. (*Ketawa*) Presiden.

**Tuan Yang di-Pertua:** Presiden MCA boleh, jangan sebut namanya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Jangan sebut nama, baiklah. Oleh kerana saya baru kali ini pernah menjadi Ahli Parlimen. (*Ketawa*) Kalau tidak sebut tidak mengapalah, maklumlah ini adalah Dr Ling Liong Sik. Presiden MCA pernah mengatakan bahawa kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya tersebut menunjukkan pengundi-pengundi menyokong polisi moderate dan pragmatik Barisan Nasional yang mengambil kira sensitivity rakyat dalam masyarakat yang berbilang kaum dengan agama yang berlainan. Percubaan PAS untuk menggunakan isu hukum hudud telah gagal dan tidak berkesan. Pada tahun-tahun yang akan datang, dalam pilihanraya yang akan datang PAS juga akan habis di Kelantan. UMNO akan memerintah di Kelantan pada tahun-tahun yang akan datang untuk kepentingan rakyat.

**Beberapa Ahli: DAP?**

**Tuan Yim Chee Chong:** DAP pun habis (*Ketawa*) kerana rakyat dalam negara ini terutama orang Cina kena tipu olehnya - ular. Orang Cina kata 'ular yang mempunyai dua kepala'. (*Ketawa*) Kawan kita dari Alor Setar semalam mengatakan two-headed snake, mempunyai dua kepala. Orang Melayu mengatakan 'lidah bercabang'. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Besar Negeri Kelantan bersikap seolah-olah menunjukkan beliau sahaja yang tahu semua tentang Islam. Tetapi beliau tidak tahu semua tentang Islam. Ada buku Dr Mahathir baca, tetapi Menteri Besar Kelantan tidak mampu membacanya.

**Beberapa Orang Ahli: DAP?**

**Tuan Yim Chee Chong:** DAP langsung tidak faham. (*Ketawa*) Saya boleh faham, tetapi Dr Tan Seng Giaw boleh faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan sebut nama.

**Tuan Yim Chee Chong:** Dari Kepong.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, point of order, nanti.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini ada point of order, nanti. Point of order, duduk. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Point of order, tidak boleh. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban, apabila point of order, kena duduk.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan masa perbahasan. Tuan Yang di-Pertua, seseorang Ahli tidak boleh membangkitkan sangkaan jahat. Yang kedua, tidak boleh sebut nama.

**Beberapa Ahli:** (*Ketawa*)

**Tuan Yim Chee Chong:** Menegakkan keadilan masyarakat. Orang yang menimbuikan jahat, dialah yang jahat. (*Disampuk:* Betul, betul)

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah *Berita Hartan* hari ini, bertajuk, headlinenya, "Jika ada hukuman agama sendiri, bukan Islam dikecualikan."

Menteri Besar Negeri Kelantan mengatakan kalau tiap-tiap agama, Kristian, Buddhist, Hindu dan seterusnya ada hukum masing-masing, maka hudud tidak akan dilaksanakan padanya. Ini mustahil. Sebagai seorang Menteri Besar tidak mengetahui undang-undang, tidak mengetahui Perlembagaan negara kita. Negara kita mempunyai

undang-undang jenayah, mempunyai balai Polis, mempunyai mahkamah, mempunyai penjara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau orang Islam melakukan kesalahan tangannya dipotong, kalau orang Buddhist melakukan kesalahan kakinya dipotong oleh Buddhist, kalau orang Kristian melakukan kesalahan kepalanya dipotong, apa yang berlaku di negara kita ini. Di mana letaknya Kerajaan di negara kita ini. Jadi, saya mengatakan .....

**Seorang Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Yim Chee Chong:** Apa ini, tidakdengar. Ini suratkhbar memalukan negara kita, mematukan DAF, memalukan Semangat46. Ini tidak lah ilmu undang-undang. Belum baca Perlembagaan. Lagi saya hendak taks tentang kedudukan Sultan. Baru-baru ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah hendak cukup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Cukupkah? Banyak lagi saya hendak cerita, saya hendak attack DAP, belum jawab lagi. Yang bohong saya katakan DAP pada hari itu. Saya minta lima minit sahaja untuk gulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, Yang Berhormat. Satu minit lagi.

**Tuan Yim Chee Chong:** Satu minit tidak cukuplah. (*Ketawa*) Tentang hukum hudud, MCA dan semua masyarakat Cina akan tentang dengan hebat, kerana ini untuk kepentingan DAP, Semangat46 dan PAS. Encik Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang, saya sifatkannya sebagai Ketua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut nama.

**Tuan Yim Chee Chong:** Minta maaf- Kelua Pembangkang. (*Ketawa*) Tiap-tiap orang ada nama tetapi tidak

boleh sebut. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Saya bangun hendak pinda Perlembagaan negara kita di dalam Dewan ini. Ketua Pembangkang yang saya sifatkannya sebagai Ketua Pembohong. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Kadang-kadang bila saya senang, saya terfikir sama ada jawalan ini perlu atau tidak oleh kerana beliau tidak menjalankan tugasnya dengan baik.

**Tuan Wong Wing On:** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, on a point of order. Kena duduk dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Wing On:** Saya minta.....

**Tuan Yim Chee Chong:** Seksyen berapa? Ini kacau sahaja dengan tujuannya.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Perlu sudah buat satu keputusan bahawa perkataan "pembohong" ini tidak boleh pakai dengan nama seseorang kecuali dengan pertubuhan. Tadi Yang Berhormat dari Seremban kata Ketua Pembangkang adalah Ketua Pembohong. Itu sangat personal dan peribadi. Saya harap tarik balik, Seremban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seremban, sekejap. Seremban, perkataan "pembohong" dihadapkan kepada seseorang dalam Dewan ini, tidak dibenarkan - unparliamentary. Minta tarik balik.

**Tuan Yim Chee Chong:** Balik senang sahaja. (*Ketawa*) Jalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kenyataan rasmi Parlimen yang bertarikh 28hb April tahun ini. Mukasurat 137, dengan izin, yang mana mengatakan - oleh Ketua Pembangkang - "Pembohong," (*Ketawa*) "Kilang pembohongan (saya tidak pakai cermin mata) dan kepalsuan MCA dan Gerakan menjadi sunyi selama dua bulan

sehingga pemimpin-pemimpin PAS mula bercakap tentang hukum hudud dan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru bahawa Kerajaan Persekutuan akan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan pelaksanaan hukum hudud ke atas rakyat Malaysia bukan Islam". Ini yang bohong, Tuan Yang di-Pertua.

Kenyataan ataupun suratkhbar saya baca dengan teliti. Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri yang disokong oleh kita, dia tidak sebut atas rakyat Malaysia bukan Islam. Dia tidak ada cakap macam itu. Dia kata kalau ia benar-benar mengikut kehendak Islam, dia akan sokong meminda Perlembagaan. Dia tidak ada kata alas rakyat Malaysia bukan Islam. Ini bohong, saya berani mengatakan dan menunjukkannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah cukup masa Yang Berhormat.

**Tuan Yim Chee Chong:** Cukupkah? Saya hendak cakap satu jam, Tuan Yang di-Pertua. Banyak points saya belum selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kalilah.

**Tuan Yim Chee Chong:** Lain kali? DAP kali ini belum ada chance hendak beri jawab. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sudah cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk.

**Tuan Yim Chee Chong:** Atau beri satu minit lagi..... (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat. (*Ketawa*) Saya sudah benarkan satu minit tadi.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tawau.

534 *ptg.*

**Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau):** Tuan Yang di-Pertua, ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya berasa gembira di mana ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sangat mengambil berat tentang peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia dan ianya sangat adil kepada semua rakyat sama ada bumiputera dan juga bukan bumiputera.

Dalam ucapan dan polisi Yang di-Pertuan Agong pada keseluruhannya adalah baik-skali tetapi saya harap Tuan Yang di-Periua lidak kisah sekiranya saya di sini mengemukakan sebilangan cadangan dan masalah di negeri tempat saya datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua di mana setiap hari melalui suratkhbar dan lain-lain media akhbar, kita dapat mendengar banyak tentang bahayanya merokok. Ianya bukan sahaja adalah musuh kepada kesihatan orang awam tetapi juga adalah musuh kepada negara kita Malaysia.

Kebanyakan tempat-tempat awatan dan jabatan Kerajaan di negara kita mengharamkan merokok sama sekali. Menteri Kesihatan juga mencadangkan untuk mengharamkan merokok di rumah-rumah sakit.

Saya di sini juga ingin mencadangkan bukan sahaja merokok diharamkan kepada semua murid-murid di dalam sekolah ataupun di luar sekolah. Sekiranya kita ingin membina dan memenuhi matlamat kita atau Wawasan 2020 demi untuk kesihatan dan kesejahteraan Malaysia, semua pemuda-pemudi di bawah umur 18 tahun juga haruslah diharamkan merokok biarpun sama ada mereka adalah murid-murid atau tidak.

Tujuan saya mengemukakan cadangan ini ialah kerana kebanyakan

penghisap-penghisap rokok bermula sewaktu mereka masih muda dan di bawah umur 18 tahun kerana dalam tahap umur ini, pemuda-pemudi ktta lebih bergantung kepada sumber kewangan daripada kedua ibu bapa mereka dan mereka tidak mengetahui betapa susahnya untuk mencari wang. Sekiranya kita boleh memberhentikan mereka daripada merokok, saya yakin ramai daripada pemuda-pemudi akan tidak mula merokok setelah 18 tahun kerana kebanyakan daripada mereka mula bekerja dan mencari wang dengan daya usaha mereka sendiri dan nampak lebih matang dan mereka mungkin bercadang untuk tidak mula merokok setelah umur mereka mencapai 18 tahun.

Baru-baru ini setengah persatuan sukarela juga mencadangkan pengharaman merokok ke atas pemuda-pemudi di bawah umur 18 tahun. Saya harap Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dapat memberikan pertimbangan khas ke atas cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah bekalan elektrik di Sabah, khususnya di Pantai Timur Sabah, sepertimana yang kita ketahui bahawa kesemua bekalan elektrik di Sabah sekiranya dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia adalah sangat jauh ke belakang. Saya lahu bahawa kesebelas buah negeri di bandar-bandar utama Semenanjung mempunyai kabel elektrik yang disambungkan dan dikaitkan dan kebanyakan kampung-kampung di sepanjang jalan disambungkan dengan sistem yang baik. Penduduk tempatan tidak akan merasa takut adanya generator rosak kerana talian kabel disambungkan menjadi satu, kekurangan bagi satu kawasan akan selalu dapat dibekalkan dari lain-lain sistem dan stesen tenaga di mana terdapat unit bekalan yang lebih.

Manakala di Sabah khususnya di Pantai Timur Sabah, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna oleh kerana ke semua stesen ini tidak disambungkan antara satu sama lain dan setiap bandar

mempunyai stesen tenaganya sendiri dan saya harap Yang Berhormat Dato' Menteri juga lahu bahawa kesemua stesen di Pantai Timur Sabah adalah juga di bawah keupayaan atau hanya mencukupi untuk keperluan para pengguna. Setiap bandar bekalan elektriknya adalah daripada enjin diesel generator tetapi ia juga adalah generator terpakai alau generator yang diperbaiki. Generalor ini mula rosak walaupun di masa percubaan. Kesemua bandar di Pantai Timur Sabah mengalami masalah kerosakan tni kekurangan bekalan elektrik di sepanjang tempoh bagi 10 tahun yang lalu. Saya harap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian ke atas masalah ini. Di sini saya ingin mengemukakan satu contoh bagi bekalan elektrik yang sangal mundur di Sabah, iaitu di Tawau. Dalam jangka masa dua tahun yang lalu, saya yakin kami telah memecahkan rekod Malaysia kerana telah mengalami kerosakan bekalan elektrik sejak tahun 1990 sehinggalah ke hari ini. Kami juga telah mengalami kerosakan elektrik berterusan selama satu bulan dengan 10 jam setiap hari. Kami bernasib baik sekiranya kami mendapat bekalan elektrik 20 jam sehari.

Kerosakan yang dialami oleh pngguna-pengguna adalah sangat teruk dan saya ingin beritahu Tuan Yang di-Pertua bahawa kerosakan ini masih berterusan kerana keadaan masih belum lagi diperbaiki. Setiap orang di bandar mengadu akan pengurusan dan perancangan Lembaga Letrik Sabah, Tawau yang mundur. Dengan keadaan begini yang berterusan, saya rasa adalah mustahil untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Baru-baru ini, dalam bulan Oktober 1991, satu laporan dari pegawai kanan Lembaga Letrik Sabah, Tawau bahawa 12 unit generator yang terdapat di slesyen lenaga Tawau adalah dari satu megawalt hingga 8 megawatt. Kebanyakan daripada enjin dan generator disediakan antara tahun 1963

hingga 1980. Mereka hanya menghasilkan kira-kira 50% daripada tenaga bagi 12 unit yang mana sepatulnya menghasilkan 37 megawatt menurut laporan yang diberikan oleh pegawai kanan Lembaga Letrik Sabah, Tawau. Kami sekurang-kurangnya berada 15 tahun ketinggalan dalam pembangunan.

Saya dengan sepenuhnya memohon agar Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sekali lagi membuat anggaran, memberi pertimbangan dan mengkaji semula program untuk memperbaiki keadaan dan membekalkan lebih banyak generator baru ke Pantai Timur Sabah, khasnya Tawau, bagi menyelesaikan masalah detni masalah yang mungkin kami akan hadapai sekurang-kurangnya 5 tahun yang akan datang. Pada masa yang sama, saya memohon Menteri Tenaga, Telekom dan Pos agar dapat mengambil tindakan segera untuk menggiatkan kesemua stesen di Sabah iaitu dah Kota Kinabalu sampai ke kawasan pendalaman kerana sesetengah stesen di kawasan pcndalaman adalah lerdiri daripada tenaga hidro di mana dapat menghasilkan tenaga yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kesihatan yang telah melawat ke negeri Sabah pada bulan Ogos tahun 1990 dan juga mengumumkan sebuah poliklinik baru untuk dibina di Tawau dengan kos sebanyak lebih kurang \$8 juta. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan kerana ketika melawat Tawau minggu lalu beliau mengumumkan bahawa pembinaan poliklinik akan dimulakan dengan secepat mungkin yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang Tuan Yang di-Pertua mengetahui bahawa Sabah memang terkenal dan ianya dikenali dengan mempunyai ramai orang-orang asing dari negara-negara jiran yang masuk secara sah dan haram. Menurut rekod, lebih daripada 60% pesakit adalah orang-orang asing dan

pungutan pembayaran yang diterima daripada orang-orang tempatan dan asing adalah sama sahaja. ini bermakna bahawa pembayaran wang cukai daripada orang-orang adalah digunakan untuk memberi khidmat kepada orang-orang asing di mana kami rasa tanya sungguh tidak adil kepada orang-orang Malaysia.

Saya mencadangkan supaya orang-orang asing tidak seharusnya dilayan sama seperti dengan orang-orang tempatan. Sebaliknya pada pendapat saya mereka seharusnya dikenakan pembayaran tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan yang diberi oleh Menteri Kewangan mengenai cadangan levi ke atas pekerja asing semasa sesi terakhir dan juga arahan yang diberikan kepada Jabatan Imigresen dan Buruh untuk memungut sejumlah levi apabila mengambil buruh-buruh asing untuk bekerja. Saya bersetuju dengan cadangan ini. Demi untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, kita memerlukan jumlah tenaga yang banyak, samada dari negara-negara asing atau tempatan untuk bekerja di sektor-sektor pembinaan dan perladangan.

Harga hasil pertanian seperti kelapa sawii, koko dan geiah dalam sektor perlanian di Malaysia, khasnya di negeri Sabah dan Sarawak, menghadapi persaingan dengan negara-negara jiran. Oleh kerana terdapat kebanyakan buruh-buruh murah di negara-negara jiran, kita mengimport buruh-buruh ini dari sana. Dengan cara levi berat ianya akan menambahkan lagi beban dan juga hasil perbelanjaan ke atas sektor pertanian dan ini dengan secara langsung boleh menjejaskan sektor pertanian negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mcncadangkan Kerajaan Pusat seharusnya menjalankan satu lagi penyelidikan dengan levi ini untuk mengetahui sama ada ianya benar bahawa pemuda-pemudi kita tidak suka bekerja di ladang; sama ada pemuda-pemudi tempatan tidak

mempunyai pekerjaan disebabkan gaji di ladang kelapa sawit dan getah adalah sangat rendah atau mereka tidak berminat dalam pekerjaan ini; sama ada mereka tidak ada kerja kosong di pejabat, Jabatan Kerajaan atau tidak ada tempat kosong di ladang kelapa sawit, koko atau getah; dan sama ada pemuda-pemudi kita sanggup bangun pada jam 5.00 pagi untuk menoreh gelah, menuai kelapa sawit atau memungut biji-biji koko yang masam dan melekat.

Saya menyokong Kerajaan memohon levi berat kepada pekerja-pekerja asing, sekiranya Kerajaan Pusat atau Jabatan Buruh dapat membekalkan pekerja-pekerja tempatan yang cukup. Sekiranya tidak, saya seikhlasnya berharap Tuan Yang di-Pertua dapat mempertimbangkan cadangan levi ini khasnya kepada negeri-negeri di mana jumlah besar pekerja-pekerja ladang adalah diperlukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengkalan Chepa.

5.48 *ptg.*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong usul terhadap Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah yang telah disampaikan di Dewan ini pada hari Isnin, 27hb April yang lepas. Hari ini masuk hari yang ketujuh dan mungkin hari terakhir peluang untuk Ahli-ahli Dewan berucap.

Dalam sepanjang perbahasan mengenai Titah ini, isu yang paling menonjol dan hangat sekali ialah masalah Hudud. Kerana setiap Ahli yang berucap, sama ada anggota Kerajaan atau Pembangkang, lidak terlepas dari menyentuh masalah Hudud sehingga isu Wawasan 2020 hampir tenggelam sedangkan isu Hudud tidak disentuh dalam Titah Ucapan.

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t, kerana apa yang ditonjolkan oleh Kerajaan Angkatan di Kelantan telah mendapat sambutan yang begitu meriah dan laris seolah-olah goreng pisang panas, dan insya Allah akan dapat difahatni dan dapat disedari oleh semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengambil kesempatan petang ini khusus untuk menyentuh masalah Hudud kerana saya amat tertarik hati dalam sepanjang perbahasan ini. Hasil daripada perbahasan yang berlangsung seminggu ini nampaklah pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli yang mengambil bahagian begitu sekali menarik.

Tuan Yang di-Pertua, PAS sudah tiga kali berhadapan dengan UMNO mengenai isu besar dalam perkara agama. Pertama, isu PAS dulu dituduh sebagai komunis; yang kedua, isu politik suku agama suku dan yang ketiga, hukum hudud yang dibahaskan sekarang ini. Masa PAS dituduh sebagai komunis kita amat sutil untuk menghadapi rakyat dan seolah-olah tidak ada peluang untuk rakyat memahami dasar politik Islam ini kerana PAS dianggap lebih bahaya daripada komunis. Begitu juga isu politik suku agama suku. Tetapi al-hamdulillah sehingga ke hari ini hasil daripada kesabaran kita, ketabahan kita dan kemampuan kita untuk berdepan dengan rakyat, al-hamdulillah, isu PAS komunis sudah tidak ada dan UMNO lebih kenal dan mereka tidak berani menuduh PAS ini komunis. Begitu juga isu politik suku agama suku yang berakhir dengan tuduhan PAS mengkafirkan orang UMNO, pun al-hamdulillah hari ini sudah selesai dan sudah tamat dan UMNO pun sudah mengkaji dan sudah memahami bahawa Islam tidak boleh dipisahkan dengan politik.

Yang menjadi masalah hari ini ialah isu baru iaitulah hukum hudud. Cerita hudud ini, seperti cerita orang hendak memelihara kambing dengan orang yang hendak menanam sirih. Seorang hendak

pelihara kambing dan seorang hendak tanam sirih. Yang hendak pelihara kambing, sebanyak-banyak hendak dia bela, hendak pelihara kambing. Yang hendak tanam sirih pun seluas-luas kebun hendak tanam sirih, akhir sekali berkelahi, bertumbuk kerana orang yang hendak pelihara kambing diminla oleh orang tanam sirih supaya pagar, supaya tambat kambing. Tetapi dia kata, "macam mana saya hendak tambat, kambing terlampau banyak." Dia kata, "lebih baiklah mu pagar sirih". Kata golongan ini pula. "Macam mana saya hendak pagar, kebun sirih saya terlampau luas". Akhir sekali berkelahi dan bertumbuk. Bila selesai bertumbuk dan bila ditanya, kambing tidak dipelihara lagi dan sirih pun tidak ditanam lagi tetapi sudah bertumbuk, muka masing-masing sudah bengkak. Begitulah dengan isu hudud ini, belum berjalan lagi, tiada apa-apa lagi, tetapi gegak gempita di dalam Dewan dan menimbulkan perkelahian yang amat hebat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya UMNO sudah tersepit dengan isu hudud sekarang. Mereka telah serba-salah dengan kenyataan Perdana Menteri yang berucap di Johor di mana beliau telah menerangkan dengan begilue jelas akan menyokong dan akan membuat pindaan. Puncanya, kerana pilihanraya berlaku di Bukit Payung. Tetapi selepas itu beliau putar pula isunya, bersama dengan Timbalan Perdana Menteri meminta supaya PAS kemukakan usul di dalam Dewan dan dia akan sokong. Akhbar membuat liputan begitu meluas mengenai isu ini. Satu hari mengenai hudud tidak bolch dilaksanakan kalau tidak adil. Ada juga cerita hudud tidak akan dilaksanakan di negeri-negeri yang dipehntah oleh Barisan Nasional. Ini cerita setiap hari berlain daripada orang yang satu dan merekalah orang yang bertanggungjawab untuk mengelirukan masyarakat dan merekalah orang yang sengaja mempolitikkan hukum Allah dan hukum Islam.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang yang bertanggungjawab, dia tidak berani menyebut, "hudud tidak boleh dilaksanakan kalau lidak adil". Sebab hudud itu Islam, bila Islam dengan sendirinya adil tetapi Perdana Menteri, dia boleh bercakap "hudud tidak boleh dilaksanakan kalau tidak adil". Kemudian dia kata juga, "Hudud tidak akan dilaksanakan di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Sebab hudud tidak dilaksanakan di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional kerana mengikut politik siasah syariah". Jadi amat lucu pandangan-pandangan dan pemimpin-pemimpin UMNO yang bercakap mengenai hudud ini telah mendedahkan begitu ketara kejahilannya dengan agama bahkan lebih jahil daripada MCA dan rakan-rakannya. Sebab MCA tidak menerima hukum hudud kerana bimbang dan takut hukum ini terkena kepada orang bukan Islam. Jadi zalimlah. Kalau kena pada orang Islam, mereka terima dan dalam Dewan ini kita dengar satu persatu; sama juga dengan DAP, dia bimbang takut kena orang bukan Islam. Kalau kena orang Islam sahaja tidak apa-apa. Tetapi UMNO ini tidak terima langsung kerana dia tersepit, dia hendak sokong sepenuhnya hukum hudud, nanti "pecah perahunya", anak buahnya lari. Dia hendak menentang hukum hudud, nanti orang UMNO marah pada dia sebab hukum hudud ini ialah hukum Islam. Hukum Islam ini ialah hukum yang dipercayai oleh orang UMNO sendiri. Akhir sekali serba salah di mana dia hendak letakkan politiknya di masa akan datang dan inilah satu penjelasan bagi rakan-rakan dalam MCA untuk memahami sikap.....

**Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak perlu, tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu. Dia tidak benarkan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Inilah satu kenyataan yang harus difahami oleh rakan-rakan Barisan Nasional di mana sikap UMNO, apa prinsip UMNO dan UMNO inilah yang tidak ada prinsip dalam perjuangan, politik hanya politik kiambang, mengikut arus. Yang sebenarnya dia sendiri tidak tahu di mana. Hukum hudud wujud sebelum UMNO dilahirkan dan beranak lagi. UMNO ini baru, PAS ini baru dan parti-parti ini baru. Hukum hudud ini hukum yang lama, hukum yang ada sebelum kita berpolitik lagi. UMNO boleh tukar agama dengan satu undi dan undi bagi UMNO lebih mahal daripada agama. Sebab itulah kerana bimbang dan takut rakan-rakan dan sahabat meninggalkan parti, maka dia bersedia untuk memutar, untuk mempolitikkan asalkan dia dapat undi.

Kita orang PAS dan orang Angkatan, kita tidak sanggup hendak tukar syariah, hendak menukar prinsip kerana kepentingan parti. Undi itu adalah hak demokrasi; mereka sokong, alhamdulillah; mereka tidak sokong, ini tetap tanggungjawab kita. Orang-orang Islam yang mengaku sembahyang itu wajib dengan sendirinya kena mengaku hudud itu wajib dan mesti dilakukan dan dilaksanakan seperti sembahyang. Cuma bezanya, sembahyang adalah hak yang terkena ke atas peribadi manakala hudud terkena ke atas masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Wawasan 2020, ia belum tentu berjaya dan ianya adalah hak ciptaan manusia, tetapi Perdana Menteri berani mengerah dan mengajak rakyat melaksanakan sepenuhnya demi untuk melihat masa depan hidup terjamin dan makmur. Mengapa pula hukum hudud yang merupakan wahyu dari langit boleh dipertikaikan dan ianya wajib, termasuk dalam ajaran Islam sebagai "addin" yang diimani. Inikah maksud ayat: Afatu' minunabiba'dil-kitab, Wa-takfuruna-

biba'. Tuhan telah jelaskan dalam Al Quran yang bermaksud, "Apakah kamu beriman dengan separuh ayat dan kamu kupas ayat yang lain?" Sembahyang kita terima, puasa kita terima tetapi hudud kita tidak lerima. Apakah ini Islam sebagai "addin"? Bila sebut Islam sebagai "addin", dengan sendirinya termasuk segala apa yang dipcllukan oleh masyarakat. Sebab itulah hujah yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang pun tidak begitu betul. Dia tidak menentang Islam, dia menerima Islam tetapi dia tidak menerima hukum hudud. Hudud di mana? Bila terima Islam dengan sendirilah hukum hudud. Tetapi semua *Ini* berlaku kerana kekeliruan yang dimainkan oleh UMNO. UMNO bertanggungjawab yang menyebabkan masyarakat Malaysia tidak dapat memahami; soal terima, soal tidak terima - itu soal lain tetapi soal faham adalah soal tanggungjawab. Perlu kita masuk sekolah, perlu kita belajar, perlu kita mengaji untuk fahaman. Untuk soal amalan itu soal kedua.

Tetapi hari ini, 30 tahun kita merdeka; bukan UMNO, MCA, Gerakan tidak faham tetapi UMNO sendiri tidak faham. UMNO sendiri bertanggungjawab. Sepatutnya bila wujud keadaan seperti Ini dia dengan media massa, dengan akhbar-akhbar, beri pendedahan, beri penjelasan yang cukup supaya orang boleh faham. Sebab ini bukan hukum PAS, bukan hukum Angkatan, bukan kehendak PAS, bukan kehendak Angkatan. Ini hukum yang difardhu oleh Allah s.w.t. yang dipertanggungjawabkan kepada setiap manusia yang rnengucap dua kalimah syahadat. Kita bertindak atas dasar tanggungjawab, bukan hendak main politik, hendak cari undi. Sebab kita 30 tahun sentiasa kalah. Kalau kita hendak cari menang, kita tinggal PAS ini, kita tinggal Angkatan kita masuk sama juga S46. Dia sudah memerintah, dia sudah pegang Kerajaan, dia sudah ada jawatan tetapi dia boleh tinggal UMNO kerana, kerana, kerana ..... Dia sanggup jadi parti

pembangkang. Dia sanggup berpihak di sebelah yang kalah. ini terlampau jelas kemungkarannya yang berlaku dalam UMNO dan penyelewengan yang dibuat dan ditunjuk oleh pemimpin-pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam hidup terpaksa menanggung dan terikat dengan tiga peraturan dan undang-undang:

- (i) undang-undang tubuh parti kalau masuk pertubuhan seperti orang politik;
- (ii) undang-undang negara dan negeri kalau rakyat satu-satu negeri; dan
- (iii) undang-undang syariat Allah kalau hamba.

Siapa boleh terlepas dengan tiga undang-undang ini? UMNO tidak boleh terlepas. Orang PAS tidak boleh terlepas.

Kalau kita masuk politik, kita terikat dengan undang-undang tubuh parti. Kalau kita jadi rakyat, kita terikat dengan undang-undang negara. Kalau kita jadi hamba, kita terikat dengan undang-undang syariah. Siapa dia lidak jadi hamba? UMNO mana tidak hamba? Oleh sebab kila terikat dengan tiga undang-undang ini, kita masuk parti, kita patuh kepada undang-undang tubuh parti. Kita jadi rakyat kita patuh kepada undang-undang negara. Dan kita sebagai hamba sebelum parti, sebelum rakyat, sebelum Kerajaan pun kita sudah jadi hamba - maka dasar politik kita mestilah betul dengan konsep "iya qanak budu waiya qanas setaiin". Tetapi politik UMNO tidak ada dasar "iya qanak budu waiya qanas setaiin", sebab itu dia boleh putar, boteh main politik. Ada orang cuba hendak memperkenalkan Islam, dia pula ganggu-gugat, mempersenda, membuat pura-pura dengan Islam. Sepatutnya dia ambil tanggungjawab sama.

Sebab itulah saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau dia ikhlas dan kota ucapan dia. Soal bawa

atau kemuka usul itu tidak berbangkit kalau kita sama-sama cari jalan supaya hukum ini boleh dilaksanakan, Tidak timbul UMNO bawakah, PAS bawakah, itu tidak timbul. Dan peringkat awalnya Perdana Menteri sendiri sanggup hendak sokong, hendak beri peluang dan hendak pinda. Apa lagi tanya PAS, apa lagi minta PAS? Kota sahajalah. Orang beriman tidak boleh bercakap dusta, tidak boleh bercakap bohong. Orang bertanya Nabi, "Adakah orang mukmin kedekut? - Ya. Adakah orang mukmin bakhil? - Ya. Adakah orang mukmin bohong? Nabi kata - Tidak."

Kalau orang mukmin tidak boleh berbohong. Tetapi hari ini semua kita tahu pemimpin-pemimpin UMNO yang sudah jadi isu. Saya tidak kata tetapi nyatalah apa yang berlaku dalam suasana politik UMNO tidak boleh melarikan diri dan UMNO tidak boleh menutup apa yang mereka lakukan dalam politik.

Tuan Yang di-Pertua, hukum Hudud yang ditimbulkan oleh Kerajaan Angkalan Perpaduan Ummah di Kelantan sekarang telah menjadi gelak-ketawa dan suka-pura oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan mereka berasa ini mainan politik PAS dan putar-belit PAS semala-mata, bukan perintah Allah dan hukum Tuhan yang menjadikan orang-orang UMNO dan Barisan Nasional.

Perdana Menteri telah berguru dengan ulamak upahan dan ulamak ala-Yahudi. Sebab itulah dia boleh gunakan pendapat dia, dia tidak mahu melaksanakan hukutn Hudud di seluruh negeri-negeri yang diperintah oleh UMNO, oleh Barisan Nasional kerana mengikut Islam. Dia belajar di mana? Kerana mengikut polilical exercise dia belajar di mana? Tok Guru mana? Ustaz mana? Ulamak mana? Hukum mana? Sehingga beraninya dia! Dia sudah mengajikah atau dia dapal falwa daripada guru upahan atau guru ala-Yahudi? Ini jadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau tidak faham selok-belok agama, lebih baik diam, jangan bercakap. Kalau ikhlas dan akur, sila kembali melalui dua jalan dan dua cara.

Saya mencadangkan supaya kita khususnya UMNO yang memimpin negara untuk hendak menyelesaikan masalah ini, kalau boleh cuba kembali melalui dua jalan. Perlama, minta fatwa dan rujuk balik kepada Mufti-mufti, Kadi-kadi, Majlis-Majlis Agama dan Pejabat-pejabat Agama Islam di seluruh Malaysia.

Kedua, adakan majlis perbincangan, perundingan dan perdcbatan secara terperinci antara alim-alim ulamak dari semua pihak sama ada parti Kerajaan, pembangkang dan sebagainya dan panggillah tokoh-tokoh agama dari semua agama dan semua kaum. Himpun di satu tempat, letak meja, buat perbincangan secara anak-beranak, dengan secara adik-beradik, dengan secara insaf dan dengan secara tanggungjawab. Cari kebenaran, barulah selesai masalah.

Tetapi kita tidak pernah ada usaha atau pendekatan untuk memahami kewajipan, untuk memahami tanggungjawab. Apa ertinya kita mengucap "Asyhadu-Allah-ilahailallah, Waasyhadu-anna-Muhammadar-Rasulullah" kalau kita tidak sanggup menghayati apa yang kita ucap itu. Tidakkah Tok Guru yang mengajar "Lailah-haillallah" ini ada nafi, ada isbat. "La" - nafi, "illah" itu isbat. Apa makna nafi, apa makna isbat. Bila nafi, nafi apa? Bila isbat, isbat apa? Tetapi sembahyang terima, puasa terima. Hukum tidak lerima. Undang-undang tidak terima. Hudud tidak terima. Apa nafi, apa isbat?

Saya tidak hendak mengajar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya bertanggungjawab. Sebab itulah saya mengambil peluang juga pada petang ini walau seberapa ringkas pun kerana saya harap mudah-mudahan bukan UMNO boleh bekerjasama dalam hukum Hudud

tetapi insya Allah, DAP atau siapa pun akan sokong. Kerana saya percaya hari ini mereka dalam jerebu, mereka tidak faham hakikat sebenar apa itu Islam. Dan kita sama-sama bertanggungjawab, guna media massa, bukan untuk menimbulkan masalah atau untuk mengelirukan tetapi gunakan media massa lebih-lebih lagi akhbar ini. Kalau dia buat sitap, dia berbohong, dia hendak minta taubat dengan siapa? *Utusan Melayu* yang berperanan sekali untuk meracun fikiran rakyat dan memfitnahkan kepada satu-satu golongan. Dia hendak minta maaf dari siapa suratkhbar ini? Dia tidak hamba Tuhankah? Kalau dia hamba Tuhan, sementara sahaja parti, semenlara sahaja rakyat, akhirnya sudah dengan "hamba Tuhan". Dia kena sedar, kena insaf dengan peranan yang mesti dimainkan oleh suratkhbar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jerai.

6.08 ptg.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambit bahagian di dalam ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Presiden Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk bertanding di atas tiket Barisan Nasional mengisi kekosongan kerusi Parlimen Jerai di atas pulangnya ke rahmatullah Allahyarham Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon maaf seandainya dalam ucapan-ucapan saya ini saya mungkin terkeluar daripada aturcara Parlimen kerana saya ini baru dan baru pertama kali dan saya ingin memohon supaya ucapan saya ini jangan diganggu oleh pihak Pembangkang. Kalau hendak ganggu pun cubalah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ternyata dan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad adalah sebuah Kerajaan yang adil.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut nama, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itulah baru hendak belajar. (*Ketawa*) Perdana Menteri yang dikasihi telah menandatangani tanggungjawab dan mentadbirkan negara ini seadil-adilnya. (*Tepuk*) Malah tohmahan dari pihak Pembangkang terutama sekali DAP, PAS dan, dengan izin, "Sichaplak 46" (*Ketawa*) menunjukkan mereka ini belum arif dan belum faham dan belum cukup masa untuk mentadbirkan sebuah Kerajaan. (*Tepuk*) Kita dapat melihat betapa kucar-kacirnya Kelantan, betapa kelirunya Sabah di bawah pentadbiran Kerajaan parti Pembangkang yang tidak ada haluan dan matlamat untuk membangun dan memajukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Vision 2020 ataupun Wawasan 2020 adalah satu pandangan jauh Perdana Menteri untuk memastikan generasi bangsa Malaysia di masa akan datang diletak di satu tahap yang dihormati dan disanjung dunia. Malah pihak pembangkang yang tidak erti bahasa ini tidak mahu memperakui program dan landasan Wawasan 2020 untuk anak-anak cucu kita di masa akan datang. Jadi, ini bermakna mereka hanya mementingkan untuk diri mereka pada hari ini, untuk kedudukan mereka pada hari ini tetapi menafikan untuk meletak

generasi anak-anak mereka di masa akan datang supaya kita tidak akan menjadi peminta sedekah kepada dunia luar. Kena faham, pembangkang. Jangan ikut perasaan, ini mahu hidup punya fasal. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "lu chai moh".

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia itu?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bahasa Hokkien Tuan Yang di-Pertua. Hendak beri puak ini faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Depa di sini banyak cakap Cantonese

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta izinlah, Tuan Yang di-Pertua. Islam sendiri telah mengatakan "beribadallah kamu seolah-olahnya kamu akan mati pada keesokan hari, dan berusaha kamu di dunia ini seolah-olahnya kamu hidup seribu tahun lagi". Tidak fahamkah lagi, lok guru? Kot mana lagi, ini Islam suruh. Saya tidaklah keluar dari sekolah Arab, tetapi saya erti.

Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pembangkangkah Tuan Yang di-Pertua? Sorry, dengan izin, minta maaf kerana masa tidak cukup masa. Bukan tidak beri. Sekejap lagi kalau masa lapang saya beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Minta penjelasan sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin menekankan di sini bahawaapajua matlamat Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Perdana Menteri kita hari ini adalah semata-mata untuk kesejahteraan generasi kita di masa akan datang. Terbukti pada beberapa kali pilihanraya kita telah memenangi pilihanraya tersebut dengan majoriti dan lurus mentadbirkan negara ini. Pilihanraya kecil, kerusi PAS pun kita sapu, balik mai kepada Barisan Nasional. Apa lagi yang hendak tunjuk, makin kurang dah sebelah situ. Kue sikit, kue sikit.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kue itu apa dia?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kue itu Tuan Yang di-Pertua adalah bahasa Kedah, kalau bahasa Kuata Lumpur dia kata - sedikit demi sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dalam bahasa Hokkien, dia kata tampok, tampok, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ini wakil rakyat daripada kampung, daripada Kedah, negeri jelapang padi. Walaupun daripada kampung, walaupun daripada negeri jelapang padi, yang bergelumbiang dengan selut dan hari ini walaupun saya kena ikat tai dan pakai kot, berasa panas dalam Dewan yang sejuk kerana pihak pembangkang memberi tohmah-tohmah dan fitnah-fitnah yang tidak berasas, Anak kampung ini akan terus memperjuangkan supaya Kerajaan Barisan Nasional ini dipertahankan maruah dan kita menolak seratus peratus tohmah daripada pihak pembangkang (*Tepuk*),

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Kementerian Kewangan, walaupun pihak yang kurang erti bahasa, yang berada dalam Parlimen ini memberi tohmah bahawa Kementerian Kewangan tidak begitu tepat dalam pentadbirannya. Kita dapat

lihat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, negara-negara jiran kita begitu ketinggalan di dalam bidang ekonomi mereka, tetapi kita pada hari ini tidak pernah lagi kita dapat melihat anak-anak Malaysia tidak dapat makan nasi, tidak boleh makan nasi, tidak "seh" makan nasi. Sedangkan di negara Afrika hinggakal lalal hinggap atas hidung, hendak angkat tangan untuk halau lalat pun tidak larat, Tuan Yang di-Pertua. Betapa siksa, betapa susahny mereka ini. Jadi, ini dengan tersendirinya membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini adalah Kerajaan yang baik, yang adil dari segi mentadbirkan negara dan Insya Allah sebuah Kerajaan yang akan direslui oleh Allah s.w.t.

Pihak PAS dan DAP yang telah kahwin dengan cara tidak betul, tidak angkat nikah elok-elok, berapa kali sudah cuba untuk memerintah negara ini tetapi nasib mereka tidak baik kerana nawaitu mereka bukanlah untuk Malaysia, tetapi nawaitu mereka adalah semala-mata untuk mendapat elaun. Empat ribu berapa ratus, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu sebab saya baharu -\$4,800 kalau lidak silap saya. Hendak dapat itu sahaja, bukan fasal apa. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kkamemerlukan peningkatan dan penglibalan anak-anak bumiputera di dalam bidang perniagaan. Mengseimbangkan peniaga bumiputera dengan peniaga-peniaga bukan bumiputera seperti yang telah disyorkan oleh Kongres Ekonomi Ketiga baru-baru ini dengan konsep kongsi mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, ayat kongsi itu telah dipersetujui digunakan di dalam bahasa baru. Tetapi kalau ikut-ikut dalam bahasa Hokkien "Kong" itu "besar", "Si" itu "mati". Tetapi Prof. Ungku Aziz kata, tidak apa, boleh guna bahasa Kongsi itu. kalau ikut bahasa satu lagi - bahasa Kungfu kalau tidak salah saya "Kong" itu "ramai" "Si" itu "pakat".

Jadi, orang-orang bumiputera ini kena bersama-sama dengan bukan bumiputera

dan janganlah sesuatu parti itu menggunakan isu ini untuk menaikkan semangat orang-orang bumiputera dan ini akan berlaku peristiwa-peristiwa yang tidak akan diingini seperti sejarah yang telah membuktikan. Jadi, Kerajaan perlu mempertingkatkan lagi peluang-peluang kepada kaum bumiputera terulama sekali di luar bandar dan bukan sekadar di sekitar bandaraya Kuala Lumpur untuk menikmati kesenangan-kesenangan daripada hasil kemerdekaan kita pada hari ini. Pihak bank-bank perlu juga memahami kesulitan dan kepayahan orang-orang yang berniaga ini dengan mereka sendiri bersama-sama dengan pcniaga-peniaga ini turun untuk melihat dan memastikan bahawa setiap pinjaman yang diberi itu akan mendapat bayaran dan peniaga itu akan beroleh keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, Kongres Ekonomi Bumiputera Yang Ketiga dengan pandangan dan vision dari yang dikasihi Perdana Menteri kita dengan tersendirinya menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang benar-benar ingin melihat semua kaum dan bangsa yang ada di bumi Malaysia ini dapat menikmati hasil kekayaan dengan seadil-adilnya. Inilah kali pertama di mana dalam Kongres Bumiputera yang ketiga kaum-kaum lain telah dijemput untuk menghadiri persidangan tersebut supaya mereka memahami susah-payahnya orang-orang Melayu di dalam mempelajari dan melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Dan ternyata bahawa sesetengah kaum-kaum ini (bukan bumiputera) yang begitu liberal dan yang berpelajaran tinggi faham akan kerjasama yang perlu, tidak seperti di pihak pembangkang yang hanya tahu membangkang. Pada hari ini kita kenalah melangkah ke hadapan bersama-sama rakyat Malaysia untuk melibatkan diri di dalam bidang perniagaan dan pihak Kerajaan perlu memberi bantuan dan tambahan dari segi kewangan dan pinjaman kepada pihak-pihak syarikat yang memulakan perniagaan mereka ini.

Tuan Yang di-Perlu, saya ingin memohon supaya peruntukan yang banyak diberikan kepada Kementerian Luar Bandar demi untuk membangun kawasan-kawasan luar bandar yang saya kira pada hari ini telah cukup tetapi kurang mencukupi, perlu ditambah lagi kerana ada lagi yang kurang cukup dan perlu ditambah untuk mencukupi supaya orang-orang kampung ini akan dapat menikmati kebahagiaan dan kesejahteraan mereka setelah mereka berjuang untuk mencapai kemerdekaan pada hari ini. Masih banyak lagi jalan-jalan yang perlu ditarikan di luar bandar, masih banyak lagi kawasan-kawasan yang ada paip, Tuan Yang di-Pertua, paip masuk tetapi air tidak keluar. Jadi, banyak orang-orang di luar bandar, mereka hairan paip ini telah masuk tetapi airnya tidak mahu keluar. Mereka bertanya airnya keluar ikut mana? Jadi, saya juga, sebab di dalam kawasan saya pun menghadapi masalah yang sama, dia ada paip tetapi air tiada. Jadi, mungkin Kementerian Kerjasama perlu menambah peruntukan supaya air-air ini dapat disalurkan di dalam paip-paip yang telah kita masukkan ke rumah-rumah terutama sekali kalau pada malam Jumaat kalau air tidak ada, orang kampung cukup marah, pasal mereka hendak ambil sunat. Jadi, kalau air tidak ada, mereka marah, mereka kata, kena bawa naik air dengan timba ke atas rumah dan ini susah. Jadi, kalau pada hari Jumaat itu, saya tidak berani masuk kawasan. Jadi, saya berharaplah Kementerian Kerjasama tolong perbanyakkan bekalan air paip.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan sekolah luar bandar perlulah diperbanyakkan lagi, walaupun tidak dapat kita nafikan bahawa Kerajaan telah banyak membent bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah luar bandar. Kita dapati bahawa sekolah-sekolah luar bandar kadangkala agak ketinggalan dan adalah menjadi malang kepada anak-anak yang berada di luar bandar yang mereka sendiri ini belum mencukupi dari segi matapelajaran, bantuan buku dan sebagainya terutama sekali sekarang ini

zaman canggih ini, bantuan-bantuan komputer perlulah kita beri kepada sekolah-sekolah luar bandar supaya mereka ini dapat bersama-sama dengan masyarakat-masyarakat di bandar dari segi kecanggihan dalam pelajaran-pelajaran ini. Kadang-kadang kita dapati bahawa anak-anak kampung yang datang belajar di sekolah-sekolah menengah luar bandar masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh, mereka ini ketinggalan. Malah ada anak-anak kampung bila masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh di bandar seperti di MRSM, di mana kita telah beri begitu banyak bantuan, mereka dapat belajar dengan enak dan nikmat, dia minum MILO, dia tengok MILO, dia teriak, pasal mereka tidak biasa minum MILO di kampung, dia 'hin-hin' berteriak Tuan Yang di-Perlu, bila tengok MILO.

Jadi, ada jugalah anak-anak ini yang susah. Jadi, kita berilah mereka ini, kalau sekolah di pekan dapat komputer, sekolah di luar bandar pun berilah komputer. Jadi, biar mereka belajar, hak orang kampung pun, 'biak pilah', dia erti picit-picit keluar apapun 'biak pilah', biar mereka belajar sama komputer ini. Jadi, bila kita datang ke Kuala Lumpur, dia kata komputer, kita pun faham apa dia komputer. Saya ingat eloklah Kementerian Pendidikan tolong-tolong tengok sedikit, kesihan, sudahlah bapa dan emak mereka pakai kain sahaja pergi hantar anak ke sekolah. Kalau di sini (bandar) hantar dengan kereta Mercedes, dengan Proton Saga, dengan macam-macam kereta - di sebelah kampung di kawasan saya itu naik 'gerek' sahaja, Tuan Yang di-Pertua, mudguard pun tak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Naik gerek sahaja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, gerek bahasa Kedah, bahasa Kuala Lumpur dia kata basikal. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah banyak membantu orang-orang Melayu, orang-orang kampung di dalam bidang pertanian dan berbagai-bagai, memberi baja, memberi pil-pil untuk ayam naik gemuk dan besar. Saya ladi hendak tanya juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita beri ayam makan pil, ayam itu naik besar dan gemuk, selepas itu manusia makan ayam itu pula Tuan Yang di-Pertua. Kita takut manusia jadi besar dan gemuk kerana keseimbangan hormon itu tidak betul, mereka kata kadang-kadang, hak lelaki itu dia punya dada pun naik besar, tetapi tadi Tuan Yang di-Pertua tidak beri saya lanya, kalau hak lelaki besar, hak orang perempuan itu entahkanlah lagi besar, itu yang saya 'seriau' (bimbang). (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita kena periksa ini. Jadi, takut dia bubuh pil beri ayam makan, jadi Kementerian Pertanian checklah perkara ini. Seriau juga, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini penyakit makin banyak.

Tuan Yang di-Pertua, nelayan masih belum terbela dengan sepenuhnya. Kita perlu menempatkan nelayan-nelayan ini di satu tempat sebab mereka ini di samping dapat pergi ke laut untuk menangkap ikan, anak dan isteri mereka dapat juga mencari mata pencarian di daratan. Kalau kita kenang kembali nasib nelayan, mereka inilah yang keluar dari rumah dan belum tentu nasib mereka sama ada mereka akan pulang atau tidak. Mereka keluar ke laut untuk mencari nafkah dengan harapan untuk membesarkan anak dan isteri tetapi kcadaan mereka pada hari ini kadangkala masih lagi ketinggalan. Walaupun saya tidak nafikan bahawa Kerajaan telah memberi banyak bantuan tetapi dari segi bantuan didaratan agar mereka ini dapat melibatkan diri di dalam industri-industri kecil di luar bandar supaya mereka ini akan dapat bersama-sama menikmati kesenangan seperti yang

dinikmati oleh peladang-peladang di kawasan-kawasan FELDA, RISDA dan sebagainya, petani-petani di dalam kawasan bendang seperti yang kita lihat pada hari ini tiap-tiap rumah peladang ada televisyen warna, tiap-tiap petant di daerah Kedah kita pun ada televisyen warna tetapi masih lagi kadang-kadang kita dapati nelayan-nelayan ini tidak ada televisyen dan kadang-kadang kain pun dia syer dengan isterinya. Kain batik isterinya dia pakai, sekejap lagi isteri pakai kain pelikat dia. Itu pun ada juga, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak banyaklah. Jadi, bila dekat-dekat hendak hari raya ini Wakii-wakil Rakyat berilah kain pelikat barang sehelai, 'kot-kot' dia sujud sembahyang itu tersilap kain lama dia reput, satu jemaah batal sembahyang nanti. Jadi, Kementerian Perlanian minta tolonglah tengok perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini merayu betul-betul, pasal kita datang jauh-jauh dari kampung ini, kalau tidak merayu bila lagi. Pihak Pembangkang, dia kira hendak bangkang sahaja, bukan dia kira apa. Dia kirakah nasib rakyat di kampung itu? Bukan dia lahu, apa yang terjadi di kampung itu. Kita di sini apa yang terjadi pun kita perbctulkan rakyat kita, jangan 'dok' marah sahaja. Dalam Islam pun dia tidak suruh marah selalu, dia suruh sabar. Innallaha ma'assabirin, Tuan Yang di-Pertua - saya tidak perhabis lagi ayat itu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan saya beri satu ucapan tahniah sebab sekarang ini kita tengok tentera-tentera kita ini sungguh pun dia tidak pernah pergi peranglah tetapi hari ini kita pergi menyelamatkan negara-negara orang. Tinggalkan anak isteri; tinggalkan anak isteri ini satu perkara yang cukup siksa. Air mata meleleh, Tuan Yang di-Pertua. Hendak kirim balik tidak boleh, bukan senang kalau tinggalkan anak isleri. Saya tinggal empat hari pun kena 'teriak' dalam bilik. (*Ketawa*) Kesihan kepada anak, Tuan Yang di-Pertua; "emak" itu lain ceritalah.

Jadi, hari ini kita boleh pergi berkhidmat di luar negeri, tolong mengamankan negara-negara orang yang kucar-kacir. Dan Kerajaan hari ini pun kita tengok askar-askar kita, tentera-tentera kita diletakkan di rumah-rumah pangsa yang begitu segar dan sihat dengan keadaan dan suasana yang begitu selesa. Jadi, kita ucapkan syabas kepada Kementerian Pertahanan. Walau bagaimanapun, kapalterbang-kapal-terbang hak yang lama-lama itu kena ganti. Kita seriau juga kadang-kadang kalau silap-silap landing, korban habis yang di dalam itu. Perkara ini bila naik di atas itu dia berat silap sedikit, dia jatuh itu bukannya dia kira tentang manapun. Macam yang jatuh di Sarawak dahulu, jatuh di dua, tiga tempat. Saya tidak biasa naik lagi, saya seriau jugalah. Saya ini kapalterbang pun tidak biasa naik Tuan Yang di-Pertua, 'ghayal', bila dia naik-naik, dia ketar lutut. Ghayat kerana terlalu tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu berkenaan Kementerian Dalam Negeri ini, saya sokong, orang Kedah kata, sokong 'habis sut'. Kes Bukit Payung yang dikeluarkan oleh parti Pembangkang ini, puak Pembangkang yang tidak faham ini, sebenarnya Kerajaan hendak menjagakan ketenteraman, keamanan, kehormatan di antara satu sama lain. Dalam Islam pun dia kata, kita kena hormat menghormati di antara satu sama lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulung ya, cukup masa.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Beri seminit lagi Tuan Yang di-Pertua, 'tak dan' sekejap lagi, saya hendak habiskan. Pasal mereka ini kata tidak betul sangat tadi ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang Kerajaan hantar Polis pergi ini pasal mereka yang buat kacau, pihak PAS ini selalu buat kacau, berkali-kali, bakar bas, bakar kereta, baling telur busuk, dia kata kepada Polis macam-macam. Selepas itu

bila tiba masa mereka bercakap, mereka kata fitnah, ini tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang akhir, saya pun hendak habiskan, hendak baliklah. Lagi satu ini berkenaan dengan suratkhbar ini. Sekejap tadi Wakil daripada Pengkalan Chepa, dia kala *Utusan Melayu* fitnah, suratkhbar *Berita Harian* fitnah, *Harakah* ilu baik dari segi mana? (*Tepuk*) Tidak pernah kata perkara yang baik, amboi mak! Bini kita pun kalau sudah sepuluh tahun menikah pun, bila tiba masa hendak cerai, lakkanlah satu hari pun tidak ada yang baik. Masa yang 'dok soksek-soksek' itu tidak baikkah? PAS pun biasa duduk dengan Barisan Nasional, masa itu awak gelak 'kuk kik-kuk kik', tidur sekatil, makan sepinggan, sekarang ini pergi menikah dengan DAP, S.46, PBS semua, hoi sudah tidak mahu kepada UMNO. Tidak mahu 'mampus' pergilah, kita hendak kira apa? Kita sudah cukup 2/3. Jadi, janganlah dok kata kepada orang. Dalam Islam dia tidak suruh kiia kata mengata kepada orang, tidak bagus. Tok Guru Aziz biasa berkata, dia kata: "Jangan dok kata orang tidak bagus. "Tetapi yang datang ini dok kata buat apa, sesama kita. Balik pergi bertaubat. Sembahyang Sunat Taubat, minta ampun kepada Tuhan. Saya sebelum tidur saya buat setiap kali, betul, kena sembahyang Taubat, Tuan Yang di-Pertua, kalau-kalau kita tersilap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya memohon ampun ke hadrat Allah s.w.t. dan maaf kepada Tuan Yang di-Pertua dan tuan-tuan sekalian, seandainya dalam ucapan saya ini saya menyinggung perasaan dan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Puak Pembangkang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Puak Pembangkang tiada maaf bagimu. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong, sekian, wabillahitaufik walhidayah

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah,

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*